



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2008



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008 NEGERI KELANTAN

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2008**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



## KANDUNGAN

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I : AKTIVITI JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	3
Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan <i>Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)</i>	4
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan <i>Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar</i>	24
Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam <i>Pengurusan Aset</i>	38
Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) <i>Pengurusan Kualiti Air Minum</i>	56
<b>BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	93
<i>Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.</i>	93
<b>BAHAGIAN III : PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	115
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007	115
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agenzi	120
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	121
<b>PENUTUP</b>	125



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2008 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di lima buah Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Perbandaran Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam, Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK). Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Aset Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kualiti Air Minum dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai program dan projek yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan program mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2008 masih ada kelemahan. Di antara kelemahan yang ditemui ialah tiada koordinasi antara Jabatan Perhutanan Negeri dengan Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Dan Jajahan dan Jabatan Alam Sekitar dalam mengurus aktiviti pembalakan dan pertanian yang telah menyebabkan zon penampang tidak dipatuhi, pencemaran air sungai, hakisan, tanah runtuh dan kemasuhan flora dan fauna. Bagi pelaksanaan SPEKS pula boleh dipertingkatkan lagi secara menyeluruh di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pemantauan dan latihan secara *hands on* perlu digandakan bagi memastikan kos membangunkan program tersebut dapat dimanfaatkan secara maksimum. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan aset harta tanah oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) seperti pembinaan pasar di Mukim Pauh Panji, Kota Bharu atas tanah milik persendirian sebelum proses pengambilan balik tanah selesai adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku. Rawatan air di Kelantan perlu kepada pembinaan loji baru atau dinaik taraf kerana kebanyakannya telah lama dibina dan tidak dapat berfungsi pada kapasiti yang optimum. Kualiti air minum terjejas apabila rawatan terhadap air mentah tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Bagi pengurusan

Syarikat Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK) pula didapati terdapat kelemahan seperti Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan, kegagalan projek ladang pisang komersil dan tapak semaihan, Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu Syarikat yang terbengkalai, kawalan dalaman yang lemah, kegagalan kontraktor mematuhi syarat-syarat kontrak, lima kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh lesen membalaik dan kedudukan keuntungan syarikat yang semakin berkurangan akibat kekurangan bekalan balak untuk dijual dan diproses. Secara amnya kelemahan ini boleh menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2007 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini telah memberi panduan kepada Jabatan/Pejabat/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri mengenai penilaian Jabatan Audit Negara terhadap program/aktiviti dari aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan serta pencapaian matlamatnya. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan segera untuk mengelak dari berlakunya pembaziran, pemborosan dan penyelewengan sesuatu program/aktiviti.

6. Pada pandangan saya, pencapaian pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan lima perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** seperti berikut:

- a) **DUE DILIGENCE** - Penjawat Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) **ACHIEVEMENT** - Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, menggunakan kaedah *Key Performance Indicators* (KPI), tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
- c) **MONITORING** - Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.

- d) **ATTITUDE** - Setiap Penjawat Awam perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) **INTEREST** - Setiap Penjawat Awam perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

Putrajaya  
21 Julai 2009



## INTI SARI LAPORAN

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI**

#### **1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan - *Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)***

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dibangunkan bagi memenuhi kehendak Kerajaan Persekutuan supaya satu sistem perakaunan berkomputer yang seragam dan berkualiti dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertanggungjawab mengurus dan menyelaras pelaksanaan sistem perakaunan berkomputer seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak serta membangun dan menyenggarakan sistem aplikasi serta menyediakan peralatan/perkakasan komputer asas. Manakala di peringkat Negeri Kelantan, SPEKS disenggarakan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Kos bagi pembangunan dan pelaksanaan SPEKS di Kelantan yang berjumlah RM6.20 juta ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan sistem SPEKS adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan pembangunan sistem yang perlu diperbaiki seperti kerahsiaan kata laluan yang tidak dikawal, log akses sistem yang tidak diselenggarakan dan kawalan automasi pengasingan tugas tidak diwujudkan. Kelemahan juga wujud di peringkat pelaksanaan dan penyenggaraan SPEKS di Pejabat Perbendaharaan Negeri seperti Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS tidak memainkan peranan dengan baik, prosedur *back-up* tidak dipatuhi dan penggunaan modul SPEKS yang tidak optimum.

#### **2. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan - *Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar***

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) bertanggungjawab bagi memastikan matlamat pengurusan hutan yang mapan dapat dikekalkan demi kesejahteraan alam sekitar. Negeri Kelantan mempunyai keluasan tanah seluas 1,493,181 ha dan daripada jumlah tersebut, seluas 886,767 ha (59%) adalah kawasan berhutan, manakala seluas 629,687 ha (71%) daripada kawasan tanah berhutan pula merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pada keseluruhannya, pengurusan hutan di Kelantan adalah kurang memuaskan kerana undang-undang dan peraturan yang sedia ada tidak dipatuhi, kelemahan dari segi penguatkuasaan undang-undang dan kurang koordinasi antara JPNK dengan lain-lain Jabatan/Agenzi. Untuk menjamin matlamat pengurusan hutan secara berkekalan tercapai, JPNK hendaklah melaksanakan pengusahailan hutan sebagaimana yang dirancang dengan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan. JPNK juga semasa melaksanakan tanggungjawabnya hendaklah sentiasa merujuk kepada arahan, keputusan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kecil Perhutanan dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kawasan HSK yang bersempadan dengan Taman Negara walaupun keluasannya kurang

500 ha, Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) hendaklah disediakan sebelum lesen pembalakan diluluskan. JPNK hendaklah mengambil tindakan segera mewartakan kawasan hutan perlindungan terutamanya kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 m atas paras laut (apl). Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembalakan perlu dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh untuk menjaga alam sekitar.

### **3. Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (BRI) - Pengurusan Aset**

Pengurusan Aset Majlis Perbandaran Kota Bharu – BRI diletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Kewangan Dan Pengurusan Harta yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membuat keputusan mengenai kaedah perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset. Aset Majlis pada akhir tahun 2008 bernilai RM66.40 juta berbanding pada awal tahun 2006 bernilai RM54.62 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh tambahan aset bernilai RM12.45 juta dan pelupusan aset pula berjumlah RM0.67 juta. Pada keseluruhannya pengurusan aset Majlis adalah memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti perolehan, penggunaan dan penjagaan aset. Perolehan aset bangunan Pasar Awam Pauh Panji telah dibina diatas tanah milik tanpa kebenaran pemilik yang sah, manakala projek usaha sama Kedai Buluh terbengkalai. Bagi penggunaan aset bangunan pula terdapat gerai medan selera di Padang Tembak belum ditetapkan sewa dan perjanjian belum disediakan walaupun penyewa telah memulakan perniagaan pada bulan November 2008. Dua unit bangunan kedai di Kedai Buluh pula belum dikutip sewanya dan tidak disediakan perjanjian semenjak tahun 2006 lagi. Tunggakan pajakan Pasar Siti Khadijah gagal dikutip pada tahun semasa sehingga berlarutan beberapa tahun dan dua orang pemajak telah meninggal dunia. Pemberian pajakan pasar Wakaf Che Yeh kepada pemaju projek usaha sama tanpa perjanjian menyebabkan bayaran pajakan tertunggak berjumlah RM0.48 juta sukar dikutip. Perjanjian sewaan bangunan tidak disediakan sepenuhnya dan perjanjian tidak diperbaharui. Majlis hendaklah membuat pemantauan yang berkesan terhadap perolehan, penggunaan dan penyenggaraan asetnya.

### **4. Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) – Pengurusan Kualiti Air Minum**

Bekalan air yang bersih dan berkualiti sangat penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum. Air yang bersih dan berkualiti dinilai dari segi ciri fizikal, kimia, biologi dan radioaktif. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan kualiti air minum yang dibekalkan oleh pengusaha air hendaklah mematuhi Standard Kualiti Air Minuman Kebangsaan. Pada awal Januari 2008, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 telah dikuatkuasakan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi mengawal selia dan memantau industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia. Di bawah penstrukturuan baru, bidang kawal selia air dibahagikan kepada dua bahagian iaitu punca bekalan air mentah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri manakala daripada loji rawatan air sehingga kepada pengguna adalah di bawah bidang kuasa SPAN.

Perancangan pengurusan kualiti air minum di Negeri Kelantan adalah memuaskan kerana undang-undang dan peraturan mengenainya adalah mencukupi. Bagaimanapun,

pelaksanaannya kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti lewat mewartakan kawasan muka sauk/medan telaga/loji rawatan air; kaedah bagi melaksanakan tindakan pemantauan belum disediakan; dan caj bekalan air mentah terhadap AKSB belum diwartakan. Di samping itu, loji tidak merawat air dengan sempurna; tangki imbangan air bersih dan paip agihan tidak dicuci mengikut *Standard Operating Procedure* yang ditetapkan; kolam khas bagi menempatkan air buangan cucian tangki, *lovo* dan penapis tidak disediakan dan dialirkan terus ke longkang/sungai. Selain itu, didapati kerosakan penapis tidak dibaiki, muka sauk tidak dipagar dengan sempurna dan kerja pemberian paip tidak dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur kualiti air. Stesen pensampelan yang tidak mencukupi menyebabkan sampel air terpaksa diambil dari paip biasa di rumah pengguna, klinik dan masjid. Pelanggaran parameter kekeruhan, baki klorin dan aluminium adalah disebabkan proses rawatan yang tidak sempurna, tangki tidak dicuci, sistem paip yang telah berusia dan paip agihan tidak dibuat *flushing* mengikut jadual menyebabkan tahap kualiti air yang dirawat tidak memuaskan.

## **BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **5. *Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK)***

Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK) telah ditubuhkan pada 26 Januari 1979 dengan modal dibenarkan berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM6 juta. KPK merupakan sebuah syarikat pembalakan yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Pada keseluruhannya pengurusan syarikat ini adalah memuaskan. Bagaimana pun terdapat kelemahan dari segi perancangan strategik, pelaksanaan projek ladang pisang adalah di luar bidang KPK dan pembinaan tapak semaihan tidak menjanakan sumber pendapatan tambahan. Selain itu, pengambilan balik kawasan perjanjian konsesi KPK masih belum diganti. Dalam pengurusan operasi pula pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu Kompleks Perkayuan Kelantan Sendirian Berhad (SPMB KPKSB) telah terbengkalai. Sistem perakaunan ini tidak lengkap kerana tiada pemasangan perisian *Logging Management Systems* dan *Sawmill Manufacturing Systems* akibat perisian perakaunan *planetsoft* tidak mengandungi akaun pengilangan. KPK juga tidak mematuhi prosedur penjualan balak. KPK masih lagi dapat mengekalkan keuntungannya walaupun telah mengalami penurunan ekoran peningkatan kos jualan disebabkan kenaikan bahan mentah serta kemelesetan ekonomi global.



## **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI**

## **BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program, aktiviti dan projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya. Kajian Audit ini adalah untuk menentukan sama ada program/aktiviti Kerajaan dan Agensinya telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Selain itu, pengauditan ini juga untuk menilai projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya dilaksanakan dengan pendekatan yang berhemat bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat di samping mendatangkan manfaat kepada golongan sasaran dan penduduk setempat khususnya dan Negeri amnya. Bagi memenuhi peruntukan akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program/aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensi untuk dikaji secara mendalam pada tahun 2008. Program/aktiviti yang dikaji pada tahun 2008 adalah melibatkan program/aktiviti di dua Jabatan, satu Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Syarikat Kerajaan Negeri seperti berikut:

- a)** Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) di Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan.
- b)** Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.
- c)** Pengurusan Aset di Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI .
- d)** Pengurusan Kualiti Air Minum di Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB).

Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan/Syarikat berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

## PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN

### 2. PENGURUSAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

#### 2.1 LATAR BELAKANG

**2.1.1** Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dibangunkan bagi memenuhi kehendak Kerajaan Persekutuan supaya satu sistem perakaunan berkomputer yang seragam dan berkualiti dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Persetujuan ini dicapai melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan pada bulan November 1996. Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) yang bermesyuarat pada bulan Mac 2000 telah menetapkan Projek Perintis bagi SPEKS dilaksanakan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Perlis dan Negeri Kedah mulai tahun 2001. Pelaksanaan SPEKS secara *national roll out* untuk sembilan negeri yang lain pula dilakukan mulai bulan Januari tahun 2003.

**2.1.2** Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab mengurus dan menyelaras pelaksanaan sistem perakaunan berkomputer seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak serta membangun dan menyenggarakan sistem aplikasi serta menyediakan peralatan/perkakasan komputer asas. Manakala di peringkat negeri SPEKS dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Pejabat Perbendaharaan Negeri.

**2.1.3** Pembangunan sistem ini merangkumi 11 modul aplikasi sistem perakaunan dan rangkaian sistem komputer yang menghubungkan Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Dua perjanjian bernilai RM59.07 juta telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh JANM dengan Konsortium Jaya Sdn. Bhd. (KJSB) untuk membekal, memasang, membangun, menguji, melatih, melaksana dan menyenggara perkakasan, perisian komputer serta aplikasi SPEKS. Perjanjian pertama bernilai RM10.57 juta yang ditandatangani pada akhir Januari 2002 adalah bagi JANM, Perlis dan Kedah. Manakala perjanjian kedua bernilai RM48.50 juta yang ditandatangani pada awal Disember 2002 adalah bagi JANM dan sembilan negeri lain di Semenanjung Malaysia termasuk Kelantan. Jumlah kos bagi pembangunan dan pelaksanaan SPEKS di Kelantan adalah RM6.20 juta. Maklumat perjanjian, modul SPEKS dan kos adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Maklumat Perjanjian, Modul SPEKS Dan Kos**

Tarikh Perjanjian	Modul SPEKS	Jabatan/Negeri	Kos (RM Juta)
28.01.2002	1. Modul Lejar Am 2. Modul Bajet 3. Modul Pengurusan Dokumen (DMS) 4. Modul Integrasi dengan Aplikasi Kerajaan Elektronik 5. Modul Gaji 6. Modul Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) 7. Modul Aset 8. Modul Pinjaman 9. Modul Pelaburan 10. Modul Pengurusan Kewangan PTJ 11. Modul Pengurusan Kewangan/Sistem Pengurusan	JANM Perlis Kedah	4.66 1.95 3.96
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>10.57</b>
01.12.2002	1. Modul Lejar Am 2. Modul Bajet 3. Modul Pengurusan Dokumen (DMS) 4. Modul Buku Vot 5. Modul Gaji 6. Modul Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) 7. Modul Aset 8. Modul Pinjaman 9. Modul Pelaburan 10. Modul Pengurusan Kewangan PTJ 11. Modul Pengurusan Maklumat Kewangan (MIS)	Selangor Melaka Negeri Sembilan Pulau Pinang Terengganu Johor Perak Pahang <b>Kelantan</b> JANM	4.83 4.00 4.31 3.82 5.37 6.22 7.40 5.66 <b>6.20</b> 0.69
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>48.50</b>
	<b>Jumlah Besar</b>		<b>59.07</b>

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**2.1.4** Perjanjian pertama mensyaratkan Modul Integrasi dengan Aplikasi Kerajaan Elektronik hendaklah dibangunkan bagi menyediakan kemudahan antara muka dengan *Human Resource Management Information System* (HRMIS), e-Perolehan, e-Sistem Pengurusan Kawalan Bajet (e-SPKB) dan *Project Monitoring System* (PMS). Bagi Perjanjian kedua pula, modul ini tidak disenaraikan tetapi terdapat Modul Buku Vot disenaraikan bersama 10 modul lain.

**2.1.5** Selain kos pembangunan SPEKS dari dua perjanjian tersebut, sehingga tahun 2008 terdapat lapan perjanjian penyenggaraan peralatan dan perkhidmatan sokongan berjumlah RM14 juta telah ditandatangani antara tahun 2002 hingga 2008.

Matlamat pembangunan SPEKS adalah seperti berikut:

- a) Memperbaiki pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan melalui amalan terbaik industri.
- b) Menyediakan Penyata Kewangan yang tepat dan berkualiti pada masa yang ditetapkan oleh undang-undang bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan pengurusan kewangan yang lebih baik.

- c) Persediaan Kerajaan Negeri Ke Era Kerajaan Elektronik dengan mewujudkan satu pusat sumber maklumat kewangan.

## 2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana pembangunan dan pengurusan SPEKS telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3 SKOP PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi pembangunan dan pelaksanaan SPEKS dari tahun 2006 hingga 2008 dan di mana perlu, skop diperluaskan sehingga tahun sebelumnya seperti pada peringkat pembangunan sistem dijalankan iaitu pada tahun 2001. Pengauditan terhadap pengurusan SPEKS meliputi pengurusan penyampaian dan sokongan, pengurusan perjanjian, panduan dan dokumentasi, pengurusan pembangunan dan pelaksanaan serta keberkesanan pelaksanaan SPEKS. Data SPEKS yang dianalisis melibatkan data dari semua Jabatan/PTJ yang diproses melalui SPEKS. Secara khusus pengauditan dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri (PPN) dan tiga PTJ iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## 2.4 KAEADAH PENGAUDITAN

Semakan dijalankan terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan melalui SPEKS di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ yang berkenaan. Sampel data yang dimuat turun dari SPEKS dianalisis menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) untuk memastikan integriti data dan maklumat yang dihasilkan sahih, tepat, sempurna dan kemas kini. Selain itu, perbincangan diadakan dengan pegawai yang berkenaan dan borang soal selidik diedarkan kepada pihak pengurusan dan pegawai yang terlibat dalam penggunaan SPEKS.

## 2.5 PENEMUAN AUDIT

### 2.5.1 Pengurusan Penyampaian Dan Sokongan

#### a) Pengurusan Keselamatan SPEKS

Keperluan mengekalkan integriti maklumat dan keselamatan aset IT memerlukan pengurusan keselamatan secara menyeluruh. JANM dan Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengenal pasti, mewujud dan melaksanakan polisi, standard dan prosedur keselamatan SPEKS. Pengurusan keselamatan melibatkan ujian berkala, pemantauan terhadap pelaksanaan dan pematuhan polisi, standard dan prosedur keselamatan untuk mengelakkan kejadian tidak diingini serta mengambil tindakan pembetulan. Pengurusan keselamatan ini adalah penting bagi memastikan kerahsiaan,

integriti dan kebolehcapaian maklumat sentiasa dipelihara. Antara langkah keselamatan yang diwujudkan adalah seperti berikut:

**i) Pengurusan Capaian Logikal**

Kawalan capaian logikal perlu diwujudkan bagi memastikan capaian pengguna ke aplikasi dan data adalah dihadkan hanya kepada pegawai yang mempunyai keperluan kerja yang berkaitan dengannya terutama bagi pegawai teknikal seperti pentadbir pangkalan data, pentadbir sistem, pentadbir rangkaian dan operator sistem. Ia juga penting bagi mengelakkan pengubahsuaian terhadap aplikasi SPEKS dibuat tanpa kelulusan. Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS menetapkan setiap pegawai diberi satu identiti pengguna (ID) dan kata laluan untuk capaian ke SPEKS berdasarkan aras dan kelas iaitu mengikut jawatan dan fungsi pengguna. Semakan Audit terhadap pengurusan capaian ke SPEKS di Perbendaharaan Negeri mendapati perkara berikut:

- **Pengasingan Tugas** - Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS menetapkan “*Computer operations staff should not have access to perform end user job functions except in the test environment*” dan “*Contract staff or temporary staff should not be employed in areas that are highly confidential or that would increase the risk of a security exposure to an unacceptable level. Appropriate security clearances should be obtained where appropriate if they are to be employed in such positions*”. Selain itu, mengikut amalan terbaik pengurusan kewangan, fungsi sedia dan lulus dokumen kewangan yang penting hendaklah diasingkan dan dilaksanakan oleh dua orang yang berlainan.

Semakan Audit mendapati Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 dan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 mempunyai akses SPEKS sebagai penyedia, pengesah dan juga pelulus. Menurut pihak Perbendaharaan Negeri, akses keseluruhan fungsi tersebut diberikan kerana keperluan pegawai teknikal untuk menguji dan menyenggara aplikasi SPEKS.

Pemberian akses tanpa pengasingan fungsi kepada pengendali sistem operasi dan pengguna tanpa pemantauan melalui log jejak Audit menjelaskan tujuan mewujudkan *check and balance*. Keadaan ini juga menyebabkan urus niaga dan pangkalan data Kerajaan Negeri menghadapi risiko keselamatan, kebocoran rahsia Kerajaan dan penyelewengan.

- **Pengurusan ID Pengguna Dan Kata Laluan** - Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS menetapkan langkah keselamatan mengenai penggunaan kata laluan untuk capaian ke SPEKS yang perlu dipatuhi. Antaranya adalah:
  - Kerahsiaan kata laluan hendaklah terjamin.
  - Setiap individu hendaklah mempunyai ID pengguna dan kata laluan tersendiri serta tidak dibenarkan mendedahkannya kepada pihak lain.

- Kata laluan yang disimpan dalam pangkalan data hendaklah dalam bentuk *encrypted* dan sekurang-kurangnya lapan karakter *alphanumeric*.
- Sistem hendaklah menyelenggarakan rekod penggunaan kata laluan serta berupaya menyekat secara automatik penggunaan SPEKS sekiranya kata laluan tidak ditukar semasa *log in* kali pertama, cubaan *log in* dengan menggunakan kata laluan salah melebihi tiga kali, kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari.
- ID pengguna hendaklah ditamatkan (*inactive*) bila pegawai berhenti atau bertukar.

Semakan Audit mendapati Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS berkaitan dengan kata laluan tidak dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- Kerahsiaan kata laluan tidak terjamin kerana kata laluan yang disimpan dalam pangkalan data tidak *encrypted* dan boleh dibaca oleh mereka yang ada akses ke pangkalan data kata laluan.
- Ada kata laluan pengguna kurang daripada lapan karakter dan tidak *alphanumeric*.
- Sistem tidak menyelenggarakan rekod mengenai kata laluan yang digunakan.
- Kawalan automasi tidak diwujudkan dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna yang tidak menukar kata laluan semasa *log in* kali pertama, cubaan *log in* dengan menggunakan kata laluan salah melebihi tiga kali, kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari. Semakan Audit di PPN dan tiga PTJ terpilih mendapati 10 atau 6.2% daripada 161 pengguna masih menggunakan kata laluan *default*. Tiga daripada 10 pengguna ini merupakan Ketua Jabatan yang berperanan sebagai pelulus.
- ID pengguna bagi pegawai yang telah berhenti atau bertukar ditamatkan sebaik sahaja maklumat diperoleh oleh Unit Komputer Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, ID pengguna untuk pegawai yang telah berhenti atau bertukar tanpa makluman kepada pentadbir sistem masih aktif. Semakan Audit di PPN dan tiga PTJ yang dipilih mendapati 44 (27%) ID daripada 161 ID pengguna yang masih aktif adalah milik pegawai yang telah bertukar, bersara, berhenti kerja, meninggal dunia dan terdapat juga yang tidak dapat dikenal pasti pemilik ID berkenaan seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Kedudukan ID Pengguna Yang Masih Aktif**

Jabatan/PTJ	Jumlah ID Aktif	Bertukar	Bersara/Berhenti Kerja	Meninggal Dunia	Tidak Dapat Kenal Pasti
Pejabat Perbendaharaan Negeri	67	-	-	-	6
Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	27	6	1	-	-
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK)	49	15	8	1	-
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	18	5	2	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>26</b>	<b>11</b>	<b>1</b>	<b>6</b>

Sumber: Rekod PPN Kelantan

Antara sebab Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS berkaitan dengan ID pengguna dan kata laluan tidak dipatuhi sepenuhnya adalah kerana keperluan merahsiakan (*encrypted*) kata laluan dan keperluan mewujudkan kawalan automasi dalam sistem bagi menyekat akses kepada pengguna terlibat tidak diambil kira semasa SPEKS dibangunkan serta pengguna tidak faham dan mengetahui kepentingan merahsiakan dan menukar kata laluan.

Perbendaharaan Negeri memaklumkan bahawa sistem keselamatan kata laluan telah diwujudkan untuk menyekat kata laluan yang tidak ditukar setiap empat bulan mulai bulan Julai 2008. Semakan Audit dan maklum balas soal selidik yang diperolehi menunjukkan kekerapan menukar kata laluan mengikut responden seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Kekerapan Menukar Kata Laluan Mengikut Responden**

Bil.	Kekerapan Menukar Kata Laluan	Responden Soal Selidik	
		Bil.	(%)
1.	Tidak pernah	10	22
2.	Melebihi 12 bulan	2	5
3.	Sekali dalam masa 7 - 12 bulan	5	11
4.	Sekali dalam masa 4 - 6 bulan	11	24
5.	Sekali dalam masa 3 bulan	0	0
6.	Lain-lain	17	38
<b>Jumlah</b>		<b>45</b>	<b>100</b>

Sumber: Soal Selidik Kajian SPEKS

Berdasarkan jadual di atas, daripada 45 responden, 10 responden (22%) tidak pernah menukar kata laluan. Manakala dua pengguna (5%) tidak menukar kata laluan bagi tempoh melebihi 12 bulan.

Pengurusan ID pengguna dan kata laluan yang tidak memuaskan menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko integriti dan keselamatan data seperti pencerobohan pangkalan data, pengubahsuaian data dan program tanpa kebenaran atau pengetahuan pengguna serta penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

- **Jejak Audit** - Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS menetapkan supaya cubaan untuk akses ke sistem yang tidak dibenarkan dan maklumat lain yang berkaitan dengan keselamatan sistem direkodkan dan dipantau oleh Pengurusan Keselamatan. Log, laporan dan kemudahan pemantauan yang perlu diwujudkan termasuk:
  - Log cubaan akses yang tidak dibenarkan.
  - Log penyenggaraan profil dan jadual keselamatan.
  - Log penggunaan fungsi yang penting dan kritikal.
  - Log aktiviti pengguna istimewa (*privileged user*).
  - Log akses kepada fail log sistem.

Sebarang cubaan akses yang tidak dibenarkan dan ketidakpatuhan polisi pelanggaran keselamatan yang lain hendaklah dilaporkan dan disiasat oleh Pengurusan Keselamatan.

Semakan Audit mendapati SPEKS mempunyai jejak audit bagi mengenal pasti penyedia, penyemak dan pelulus. Bagaimanapun, jejak audit yang dimaksudkan tidak menyeluruh dan tidak meliputi fungsi dan keperluan jejak audit seperti mana yang ditetapkan dalam Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS. Contohnya, SPEKS tidak mempunyai log jejak audit bagi merekodkan pelbagai maklumat cubaan akses ke sistem, aktiviti pengguna dan transaksi yang diproses dalam sistem. Menurut pihak Perbendaharaan Negeri dan KJSB, log jejak audit tidak digunakan untuk SPEKS kerana ia boleh menjelaskan keupayaan dan kelancaran SPEKS.

**Log jejak audit yang sedia ada dalam sistem operasi yang diperoleh tetapi tidak digunakan merupakan satu pembaziran.** Selain itu, ketiadaan log jejak audit yang mencukupi menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko integriti dan keselamatan data seperti pencerobohan pangkalan data, pengubahsuaian data dan program tanpa kebenaran atau pengetahuan pengguna serta penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

## ii) Pengurusan Keselamatan Rangkaian

Rangkaian komputer yang komprehensif dan cekap amat diperlukan bagi membolehkan Jabatan/PTJ sebagai pengguna SPEKS dihubungkan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri selaku penyelaras sistem supaya aplikasi SPEKS beroperasi dengan lancar. Data yang dihantar hendaklah dipelihara dari kehilangan, rosak, pengulangan, pengubahsuaian dan pendedahan yang tidak dibenarkan. Rekod atau log masalah *downtime* sistem dan rangkaian serta laporan berkaitan prestasi perkhidmatan rangkaian juga perlu diselenggarakan di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi membolehkan pemantauan dijalankan dengan berkesan.

Semakan Audit mendapati rekod atau log masalah *downtime* sistem dan rangkaian serta laporan berkaitan prestasi perkhidmatan rangkaian tidak diselenggarakan di peringkat PPN. Tanpa rekod atau log berkenaan, pihak Audit tidak dapat menilai kecekapan dan keberkesanan pengurusan keselamatan rangkaian serta impaknya terhadap operasi SPEKS.

Bagi menilai pengurusan rangkaian, soal selidik mengenai kekerapan sistem *hang* telah diedarkan kepada 48 responden pengguna SPEKS. Maklum balas soal selidik menunjukkan kekerapan sistem *hang* seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Maklum Balas Kekerapan Sistem Hang**

Bil.	Kekerapan Sistem <i>Hang</i>	Responden Soal Selidik	
		Bil.	(%)
1.	Lebih sekali dalam seminggu	12	25
2.	Seminggu sekali	4	8
3.	2 minggu sekali	5	11
4.	Sebulan sekali	1	2
5.	Lain-lain: (3 bulan sekali, beberapa kali setahun, hujung tahun atau jarang berlaku)	26	54
<b>Jumlah</b>		<b>48</b>	<b>100</b>

*Sumber: Soal Selidik Kajian SPEKS*

Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati sebanyak 25% responden menyatakan sistem *hang* melebihi sekali dalam seminggu, 8% responden menyatakan seminggu sekali dan 11% responden menyatakan dua minggu sekali. Pada keseluruhan, 44% daripada 48 responden iaitu hampir separuh daripada responden menyatakan sistem *hang* sekurang-kurangnya dua minggu sekali. Bagaimanapun, punca dan tindakan penyelesaian masalah sistem *hang* tersebut tidak dapat dikenal pasti dan dinilai oleh pihak Audit. Ini kerana rekod atau log masalah berkaitan sistem dan rangkaian tidak diselenggarakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan keselamatan SPEKS adalah tidak memuaskan. Ini kerana aspek penting keselamatan sistem seperti kerahsiaan kata laluan yang tidak dikawal dan log akses sistem yang tidak diselenggarakan. Polisi Dan Standard Keselamatan SPEKS perlu dipatuhi sepenuhnya bagi menjamin kelancaran, keselamatan, kerahsiaan, kebolehcapaian dan integriti data SPEKS.

## b) Pengurusan Data

### i) Kawalan Input

Kawalan input yang berkesan akan memastikan transaksi yang lengkap dan sah sahaja diproses oleh komputer. Ia juga bagi memastikan transaksi tersebut tidak tercicir, ditokok tambah dan berlaku duplikasi. Semakan Audit mendapati antara kawalan yang diwujudkan adalah seperti berikut:

- Transaksi penting seperti kelulusan pembelian dan pembayaran boleh dibuat di peringkat pegawai yang diberi kuasa.

- Fungsi butang sedia, semak dan lulus hanya boleh digunakan mengikut tahap capaian pengguna.
- Kesilapan pengguna semasa memasukkan data menunjukkan mesej kesilapan dipaparkan dengan segera dan proses tidak boleh diteruskan kecuali kesilapan telah diperbetulkan.
- Tarikh dan nombor siri dokumen kewangan seperti resit, pesanan tempatan dan baucar dijana secara automatik oleh sistem.
- Jenis medan sama ada *numeric*, *alphabet* atau *alphanumeric* telah ditetapkan.

Analisis Audit terhadap data pembayaran melalui SPEKS bagi tahun 2008 mendapati nombor baucar bayaran di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) tidak berturutan. Terdapat dua nombor baucar JHEAIK yang tiada dalam sistem. Semakan fizikal Audit di JHEAIK juga mendapati dua baucar bayaran berkenaan tidak wujud. Keadaan ini menunjukkan kelemahan sistem SPEKS menjana nombor baucar bayaran secara automatik dan berturutan.

**Pada pendapat Audit, kawalan input data adalah tidak memuaskan kerana SPEKS mempunyai kelemahan menjana nombor baucar bayaran secara automatik dan berturutan.**

#### ii) Kawalan Proses

Kawalan proses bertujuan memastikan setiap transaksi yang dilakukan oleh sistem adalah sah, betul dan tepat. Sistem hendaklah berupaya memproses transaksi yang dimasukkan dengan sempurna mengikut kehendak pengguna di mana jumlah output hendaklah bertepatan dengan jumlah input. Antara kawalan yang perlu diwujudkan adalah seperti berikut:

- Proses lulus bayaran hendaklah berdasarkan had kuasa berbelanja yang telah ditetapkan.
- Baki akhir pada setiap hari/bulan/tahun (*carried forward*) dan baki awal hari/bulan/tahun berikutnya (*brought forward*) hendaklah sama.
- Tarikh invois yang lebih awal dari tarikh pesanan tempatan tidak diproses.
- Sistem tidak membenarkan baucar dikeluarkan lebih awal dari pesanan tempatan.
- Resit hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- Invois yang sama tidak dibayar dua kali.
- Resit Perpendaharaan hendaklah dikeluarkan selepas pungutan dimasukkan ke akaun bank.
- Cek hanya dikeluarkan selepas baucar bayaran diluluskan.

Semakan Audit mendapati antara kawalan yang diwujudkan adalah seperti berikut:

- Proses lulus bayaran hanya boleh dibuat berdasarkan had kuasa berbelanja yang telah ditetapkan.
- Baki akhir pada setiap hari/bulan/tahun (*carried forward*) dan baki awal hari/bulan/tahun berikutnya (*brought forward*) adalah sama.
- Tarikh invois yang lebih awal dari tarikh pesanan tempatan tidak akan diproses.
- Sistem tidak membenarkan baucar dikeluarkan lebih awal dari pesanan tempatan.
- Resit hanya boleh dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa.

Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati aspek kawalan proses penting yang tidak dibangunkan dalam SPEKS adalah tarikh cek tidak boleh lebih awal dari tarikh baucar. Analisis Audit terhadap tarikh cek berbanding tarikh baucar yang dikeluarkan pada tahun 2008 mendapati tarikh bagi 100 cek bernilai RM4.38 juta yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dan tiga Jabatan/PTJ terpilih adalah lebih awal antara satu hingga empat hari daripada tarikh baucar bayaran dikeluarkan seperti ditunjukkan di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Tarikh Cek Lebih Awal Dari Tarikh Baucar**

Jabatan/PTJ	Bil. Baucar	Amaun (RM Juta)	Tempoh Awal Cek (Hari)
Pejabat Perbendaharaan Negeri	79	3.21	1 – 4
Jabatan Pengairan Dan Saliran	3	0.15	1
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan	14	0.85	1 dan 3
Jabatan Kebajikan Masyarakat	4	0.17	1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>4.38</b>	<b>1 – 4</b>

Sumber: Analisis Data SPEKS

Menurut pihak Perbendaharaan Negeri, masalah ini adalah disebabkan oleh tarikh cek adalah mengikut tarikh perakaunan sistem manakala tarikh baucar bayaran adalah mengikut tarikh semasa. Masalah ini juga berlaku akibat pembukaan dan penutupan tempoh perakaunan dalam SPEKS tidak dibuat pada setiap hari. Tarikh perakaunan sistem bergantung kepada proses pembukaan tempoh perakaunan yang dilakukan. Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya kaedah penetapan tarikh kedua-dua dokumen tersebut diselaraskan dalam sistem melalui penambahbaikan SPEKS oleh JANM. Semua cek hendaklah dikunci masuk dalam sistem dan diproses pada hari yang sama.

Pada pendapat Audit, aspek kawalan proses aplikasi SPEKS adalah tidak memuaskan. Tindakan perlu diambil untuk mewujudkan kawalan automasi yang selari dengan prosedur kewangan. Aplikasi SPEKS hendaklah berupaya mengawal cek supaya tidak dikeluarkan lebih awal dari tarikh baucar bayaran.

### **iii) Kawalan Output**

Kawalan output berperanan bagi memastikan hasil/keputusan pemprosesan adalah tepat, lengkap, mengikut ketepatan masa dan mempunyai kawalan yang mencukupi. Antara kawalan yang perlu diwujudkan adalah seperti berikut:

- Output daripada sistem yang dijana hendaklah tepat, lengkap dan mengikut ketepatan masa secara automatik oleh sistem dan tidak boleh dipinda.
- Laporan tertentu ditetapkan untuk edaran kepada pegawai yang bertanggungjawab sahaja.
- Laporan daripada sistem hendaklah diurus, dijana dan dicetak oleh pegawai yang diberi kuasa sahaja.
- Laporan dalam sistem hanya boleh diakses oleh pegawai yang diberi kuasa.
- Tarikh laporan dicetak dilaporkan secara automatik mengikut tarikh sistem.

Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Output daripada sistem dijana secara automatik oleh sistem dan tidak boleh dipinda.
- Laporan tertentu ditetapkan untuk pegawai yang bertanggungjawab sahaja.
- Laporan daripada sistem boleh dijana oleh pegawai yang diberi kuasa sahaja.
- Tarikh laporan dicetak dilaporkan secara automatik mengikut tarikh sistem.

Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati Penyata Akaun Memorandum masih disediakan secara manual. Penyata tersebut meliputi Penyata Akaun Memorandum Aset (Penyata F), Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Penyata Akaun Memorandum Pelaburan (Penyata F2), Penyata Tunggakan Hasil (Penyata F3), Penyata Akaun Memorandum Liabiliti (Penyata G) dan Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam (Penyata G1).

Keadaan ini berlaku kerana Modul Pelaburan dan Pinjaman yang masih belum digunakan sepenuhnya. Manakala maklumat mengenai hutang Kerajaan Negeri tidak diproses melalui SPEKS. Oleh itu, tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melalui aplikasi SPEKS tidak tercapai sepenuhnya.

**Pada pendapat Audit, kawalan output untuk modul MIS dan Lejar Am adalah tidak memuaskan. Ini merupakan satu pembaziran dan tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melalui aplikasi SPEKS tidak tercapai sepenuhnya.**

### **c) Pengurusan Persekutaran Fizikal**

Pengurusan persekitaran fizikal adalah penting bagi memastikan peralatan dan perisian ICT sentiasa berkeadaan baik bagi mengelak daripada sebarang ancaman kebakaran dan bencana alam. Justeru itu, JANM telah mewujudkan prosedur keselamatan fizikal bagi Pusat Data SPEKS selaras dengan Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS. Antara kawalan yang digariskan ialah mengenal pasti pusat kawalan data yang

sensitif, mengawal akses ke pusat data dan komunikasi untuk penjawat awam yang dibenarkan sahaja serta mengawal persekitaran dan keselamatan peralatan komputer daripada kerosakan fizikal.

Semakan Audit terhadap ciri-ciri kawalan asas persekitaran ICT di Pusat Data SPEKS di Perbendaharaan Negeri mendapati secara keseluruhannya ciri-ciri kawalan asas telah dipatuhi sewajarnya kecuali lantai bilik *server* tidak ditinggikan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak Perbendaharaan Negeri sedang dalam perancangan meninggikan lantai bilik *server* berkenaan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan persekitaran fizikal bilik *server* di Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan.**

**d) Pengurusan Perkhidmatan Berterusan**

Pengurusan perkhidmatan berterusan dilaksanakan bertujuan untuk memastikan operasi harian SPEKS mengalami gangguan yang minimum dari ancaman keselamatan. Untuk tujuan itu, aspek *back-up* telah disemak bagi memastikan maksud yang dinyatakan tercapai.

*Back-up* dilaksanakan untuk memastikan kesediaan dan keselamatan data dan sistem aplikasi yang beroperasi. *Back-up* yang dilaksanakan ada dua jenis iaitu *full back-up* (*back-up* mingguan) dan *incremental back-up* (*back-up* harian). *Full back-up* merupakan *back-up* penuh semua data yang hendak dilindungi meliputi pangkalan data SQL Server dan sistem fail server cawangan. Kekerapan *back-up* tersebut ada ditetapkan dalam Polisi dan Standard Keselamatan Maklumat SPEKS.

Semakan Audit terhadap operasi *back-up* data di Perbendaharaan Negeri mendapati perkara berikut:

- i) Terdapat dua jenis *back-up* yang dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri iaitu *back-up* bulanan dan *backup* harian (*incremental back-up*). *Back-up* mingguan (*full back-up*) tidak dilaksanakan. Pelaksanaan *back-up* telah dibuat oleh Penolong Pegawai Sistem Maklumat mengikut jadual yang ditetapkan.
- ii) Semua pita data *back-up* yang dilakukan sejak tahun 2006 telah disimpan di Pejabat Perbendaharaan Negeri sahaja dan tidak disimpan di lokasi berbeza atau di Pusat Pemulihan Bencana yang sewajarnya.
- iii) Tiada rekod diselenggara mengenai penyimpanan pita data tersebut.
- iv) Kandungan pita *back-up* tidak pernah diuji.

Prosedur *back-up* yang tidak dipatuhi sepenuhnya menyebabkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko keupayaan penggunaan SPEKS secara berterusan sekiranya berlaku bencana atau kerosakan besar terhadap sistem atau data yang sedang digunakan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perkhidmatan berterusan SPEKS adalah tidak memuaskan kerana prosedur *back-up* tidak dipatuhi sepenuhnya.**

### **2.5.2 Pengurusan Perjanjian, Panduan Dan Dokumentasi Sistem**

Semua garis panduan yang dikeluarkan perlu diperolehi dari JANM dan dijadikan rujukan semasa menjalankan tugas. Kerajaan Persekutuan dan KJSB telah menandatangani 10 perjanjian meliputi pembangunan projek perintis, *roll out*, penyenggaraan, khidmat sokongan sistem dan peralatan sebagai kawalan pelaksanaan pembangunan SPEKS. Panduan Pengguna SPEKS hendaklah disediakan oleh KJSB dan dikemukakan kepada JANM untuk edaran dan kegunaan Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan/PTJ sebagai rujukan fungsi dan panduan mengoperasi semua modul SPEKS.

Klausula 15.1, 17.2 dan 34.1 dalam perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan KJSB pada akhir Januari 2002 (untuk Kedah dan Perlis) menyatakan semua rekod, dokumentasi, sistem aplikasi, *source code*, laporan dan data berkaitan adalah menjadi hak milik Kerajaan. KJSB hendaklah menyerahkan dokumentasi sistem yang lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* dalam dua salinan kepada JANM selewat-lewatnya sebelum perjanjian tamat. Perjanjian kedua yang ditandatangani pada awal Disember 2002 meliputi sembilan negeri lain juga menyatakan mengenai perkara yang sama di Klausula 15.1 dan 18.3 serta tidak menghadkan bilangan salinan yang diperlukan oleh JANM.

Selain itu, Klausula 15.1 juga menyatakan dokumen yang perlu diserahkan merangkumi Panduan Pengguna, *Functional Requirement Specification (FRS)* dan *Technical Requirement Specifications (TRS)* bagi setiap modul aplikasi yang dibangunkan. Bagi membantu pengguna dan pentadbir membuat rujukan semasa mengendalikan SPEKS, perjanjian dan garis panduan yang telah dikeluarkan hendaklah diedarkan kepada setiap Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan/PTJ yang berkaitan.

Semakan Audit mendapati sehingga aplikasi SPEKS selesai dibangunkan pada bulan Jun 2006, dokumen perjanjian pelaksanaan dan penyenggaraan SPEKS tidak diedarkan kepada Perbendaharaan Negeri Kelantan. Selain itu, terdapat dokumen panduan pengguna, FRS dan TRS yang telah dibekalkan tiada dalam simpanan Perbendaharaan Negeri seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Panduan Pengguna, FRS Dan TRS Yang Tiada Dalam Simpanan**  
**Pejabat Perbendaharaan Negeri**

Bil.	Panduan Yang Dikeluarkan	Tarikh Dikeluarkan	Versi Keluaran
1.	Sistem Lejar Am a) Panduan Pengguna – Penyata Penyesuaian Bank b) FRS –Electronic Fund Transfer c) Technical Design Specification (TDS)	02.10.2003 10.07.2004 28.12.2001	1.1.1 4.1 1.0
2.	Sistem Kawalan Data a) FRS	18.01.2002	2.0
3.	Asset Management System a) Fixed Asset System - Inventory TRS - TRS - FRS b) FRS c) Inventory FRS d) Panduan Pengguna e) Asset System - Technical Specification	20.01.2005 11.01.2003 11.01.2003 21.05.2004 07.01.2005 03.11.2003 09.05.2003	1.0 1.0 1.2 1.6 1.8 1.0 1.1
4.	Management Information System (MIS) a) Panduan Pengguna b) FRS c) TRS	01.06.2005 19.10.2004 17.06.2005	1.0 1.3 1.2
5.	Sistem Pengurusan Dokumen a) Panduan Pengguna b) FRS	23.05.2002 11.04.2002	1.1 1.2
6.	Sistem Lejar Subsidiari a) Panduan Pengguna b) TRS	28.03.2003 11.09.2002	1.0 1.0
7.	Sistem Pelaburan a) Panduan Pengguna b) FRS c) TRS	13.14.2005 03.06.2004 05.03.2004	2.0 2.0 1.0
8.	Operation Manual SPEKS (Admin Module)	12.08.2005	1.1

*Sumber: Rekod PPN Kelantan*

Tanpa garis panduan yang lengkap, pelaksanaan tugas SPEKS dijalankan tanpa pengetahuan yang menyeluruh terhadap sistem operasi SPEKS dan hanya berpandukan kursus yang dihadiri dan tunjuk ajar pegawai terdahulu. Amalan ini menyebabkan manfaat SPEKS tidak diperoleh sepenuhnya serta menjadikan kecekapan dan produktiviti pengguna dan jawawat awam yang mengendalikan SPEKS.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian, panduan dan dokumentasi sistem adalah tidak memuaskan kerana dokumen perjanjian tidak diedarkan dan terdapat garis panduan yang tiada dalam simpanan Perbendaharaan Negeri walaupun SPEKS telah beroperasi melebihi lima tahun.**

### **2.5.3 Pengurusan Pembangunan Dan Pelaksanaan SPEKS**

#### **a) Jadual Pembangunan SPEKS**

Mengikut perjanjian yang ditandatangani, pembangunan dan pelaksanaan SPEKS bagi dua Perbendaharaan Negeri perintis bermula pada bulan Ogos 2001 hingga Oktober 2003, manakala pemasangan dan pelaksanaan SPEKS di sembilan Perbendaharaan Negeri lain di Semenanjung Malaysia bermula pada bulan November 2002 hingga Oktober 2004. Seterusnya perjanjian pertama dilanjutkan masa selama 18 bulan sehingga 30 April 2005 dan perjanjian kedua dilanjutkan masa selama sembilan bulan sehingga 31 Julai 2005.

Semakan Audit mendapati tiga modul di Perbendaharaan Negeri Kelantan lewat disiapkan antara sembilan hingga 10 bulan selepas tarikh lanjutan masa. Antara sebab kelewatan ialah kerana masalah proses pemasangan dan pengujian modul tersebut yang dilakukan oleh KJSB. Kedudukan pembangunan modul SPEKS adalah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Kedudukan Pembangunan SPEKS**

Bil.	Modul	Tarikh Sebenar Siap	Tempoh Lewat (Bulan)
1.	Lejar Am	Januari 2003	-
2.	Buku Vot	Oktober 2003	-
3.	Bajet	Disember 2003	-
4.	Gaji	Oktober 2003	-
5.	DMS	November 2003	-
6.	Aset	April 2006	9
7.	Kewangan PTJ	Februari 2005	-
8.	Pinjaman	Mei 2006	10
9.	MIS	Jun 2005	-
10.	SLAS	April 2005	-
11.	Pelaburan	Mei 2006	10

*Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia*

Kelewatan KJSB menyiapkan modul turut menjelaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri kerana urus niaga yang melibatkan modul tersebut perlu dikendalikan secara manual.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan SPEKS adalah tidak memuaskan kerana tiga modul telah lewat disiapkan.**

#### **b) Penggunaan Modul SPEKS Oleh Jabatan/PTJ**

Berdasarkan maklum balas yang diperoleh, modul SPEKS telah dibangunkan sepenuhnya untuk kegunaan Kerajaan Negeri pada bulan Mei 2006. Kedudukan penggunaan Modul SPEKS di Kelantan setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Kedudukan Penggunaan Modul SPEKS Setakat 31 Disember 2008**

Bil.	Modul	Penggunaan (%)	Catatan
1.	Modul Bajet	100	-
2.	Modul Pengurusan Kewangan PTJ	100	-
3.	Modul Gaji	100	-
4.	Modul Lejar Am	100	-
5.	Modul Buku Vot	100	-
6.	Modul Lejar Akaun Subsidiari	50	Dalam proses pengemaskinian data
7.	Modul Aset	20	Perubahan pada skrin akan dibuat oleh pihak KJSB pada tahun 2009
8.	Modul Pinjaman	20	Dalam proses migrasi data
9.	Modul Pelaburan	0	Punca modul ini tidak diguna pakai tidak dapat dikenal pasti
10.	Modul Pengurusan Kewangan	70	Masalah aturan ( <i>setting problem</i> )
11.	Modul Pengurusan Dokumen	70	Masalah aturan ( <i>setting problem</i> )

Sumber: Rekod PPN Kelantan

Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati daripada 11 modul, lima modul telah digunakan sepenuhnya, lima modul telah digunakan antara 20% hingga 70% dan satu modul iaitu modul Pelaburan masih belum digunakan. Antara sebab penggunaan SPEKS yang tidak sepenuhnya ialah pengemaskinian data, masalah aturan dan perubahan format skrin bagi modul aset yang akan dilakukan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri telah menyebabkan manfaat SPEKS tidak diperoleh sepenuhnya serta menjelaskan pencapaian objektif SPEKS secara keseluruhan dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, penggunaan modul SPEKS adalah tidak memuaskan. Tindakan segera hendaklah diambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi supaya manfaat SPEKS dapat diperoleh dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri.**

### c) Pemasangan Peralatan Dan Perisian Sistem Operasi

Semakan Audit terhadap rekod di Perbendaharaan Negeri Kelantan dan tiga Jabatan/PTJ yang dipilih mendapati semua peralatan telah dipasang mengikut bilangan yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, semakan fizikal terhadap 94 unit komputer dan peralatan yang direkodkan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan dan tiga PTJ yang dipilih mendapati 19 unit (20%) peralatan tidak dapat dikesan seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Peralatan Komputer Yang Tidak Dapat Dikesan**

Jabatan	Bil. (unit)
Perbendaharaan Negeri Kelantan	17
Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	2
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>

Sumber: Rekod PPN Kelantan dan Jabatan/PTJ Terpilih

**Pada pendapat Audit, pengurusan dan penyenggaraan peralatan komputer adalah tidak memuaskan kerana 20% daripada peralatan yang disemak tidak dapat dikesan.**

#### 2.5.4 Pemantauan

Prestasi sistem maklumat SPEKS hanya diketahui berkesan sekiranya pemantauan dilaksanakan dan penanda aras prestasi diwujudkan secara sistematik, melaporkan prestasi dan tindakan memperbaiki prestasi dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri Kelantan tidak mewujudkan jawatankuasa pemantauan SPEKS peringkat negeri. Selain itu, tiada unit atau pegawai Perbendaharaan Negeri yang ditugaskan menjalankan naziran atau audit dalam terhadap pelaksanaan SPEKS.

Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS yang telah diwujudkan pada akhir tahun 2004 dan dipengerusikan oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri sewajarnya memainkan peranan berikut:

- a) Menyelaras pelaksanaan SPEKS di peringkat negeri.
- b) Melapor kemajuan pelaksanaan SPEKS ke Jawatankuasa Pemandu SPEKS.
- c) Menyelesaikan masalah operasi berkaitan pelaksanaan SPEKS.
- d) Mengenal pasti keperluan sumber manusia dan lain-lain.
- e) Menyediakan keperluan latihan teknikal dan pengoperasian kepada kumpulan sasaran.
- f) Menyelaras sebarang isu berbangkit antara pembekal dan Perbendaharaan Negeri.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS ini hanya diadakan sekali sahaja iaitu pada akhir Disember 2004. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan dihadiri oleh kakitangan Unit Komputer dan Unit Akaun, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan wakil dari setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada tindakan susulan diambil terhadap keputusan Jawatankuasa memandangkan tiada mesyuarat susulan diadakan.

**Pada pendapat Audit, Jawatankuasa ini tidak memainkan peranan dengan berkesan kerana masih terdapat modul SPEKS yang belum digunakan walaupun telah lama dibangunkan. Malahan penggunaan dokumen manual seperti baucar bayaran manual dan pesanan tempatan manual masih digunakan menyebabkan penggunaan sistem SPEKS tidak optimum.**

### 2.5.5 Keberkesanan Pelaksanaan SPEKS

#### a) Maklum Balas Pengguna

Soal selidik terhadap 56 responden yang terdiri daripada pihak pengurusan dan pengguna yang terlibat dengan SPEKS dari Pejabat Perbendaharaan Negeri dan tiga PTJ telah dijalankan bagi mendapatkan maklum balas responden terhadap keberkesanan pelaksanaan SPEKS di Jabatan/PTJ masing-masing. Ringkasan hasil soal selidik adalah seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**

**Ringkasan Hasil Soal Selidik Maklum Balas Pengurusan Dan Pengguna SPEKS**

Bil.	Perkara	Bil. Responden	Setuju		Tidak Setuju	
			(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
1.	SPEKS mudah digunakan	56	46	82.2	10	17.8
2.	SPEKS mempercepatkan proses berbanding sistem terdahulu	56	56	100	0	0
3.	Pengurusan mendapat maklumat berguna dari SPEKS dan membantu membuat keputusan dengan lebih baik	21	21	100	0	0
4.	SPEKS membantu mendapatkan maklumat dengan segera	56	56	100	0	0
5.	Laporan/maklumat SPEKS adalah mengikut keperluan pengurusan	56	56	100	0	0
6.	Keselamatan/rahsia maklumat dan pengurusan kewangan terjamin dengan SPEKS	56	53	94.6	3	5.4
7.	Peralatan yang disediakan mencukupi	56	55	98.2	1	1.8
8.	Beban kerja bertambah dengan pelaksanaan SPEKS	56	0	0	56	100

Sumber: Soal Selidik Kajian SPEKS PPN dan Tiga PTJ

Daripada jadual di atas, hasil soal selidik menunjukkan pengguna SPEKS dan pihak pengurusan berpuas hati dengan prestasi sistem SPEKS. Selain itu, beberapa maklum balas terhadap penambahbaikan SPEKS juga telah diterima melalui borang soal selidik yang diedarkan tersebut. Antaranya ialah:

- i) Pengisian kakitangan yang bersesuaian dan mencukupi untuk mencapai penggunaan sistem tersebut sepenuhnya.
- ii) Penambahbaikan dalam sistem khususnya skrin Lejar Am.
- iii) Taklimat berkaitan pemahaman sistem SPEKS dan Panduan Latihan Pengguna dikeluarkan selaras atau seragam untuk semua negeri.
- iv) Mengadakan latihan/taklimat SPEKS kepada penyedia, penyemak dan pelulus.
- v) Peralatan/komputer dan sistem yang disediakan perlu sentiasa dikemas kini.
- vi) Perlu dibuat penambahbaikan dan kursus lanjutan kepada pengguna SPEKS dari semasa ke semasa.
- vii) Peralatan yang diperlukan disediakan dengan mencukupi berbanding sedia ada.
- viii) Pastikan rangkaian SPEKS tidak *hang* dan perlu penyenggaraan yang kemas kini bagi mengelakkan masalah teknikal berlaku.

### b) Penyediaan Penyata Kewangan

Antara matlamat pembangunan SPEKS adalah untuk menyediakan Penyata Kewangan yang tepat dan berkualiti pada masa yang ditetapkan oleh undang-undang bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan pengurusan kewangan yang lebih baik. Semakan Audit mendapati penyerahan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan Negeri Kelantan telah dapat diserahkan lebih awal selepas SPEKS dibangunkan seperti di **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.11**  
**Tarikh Serahan Penyata Kewangan Tahunan Sebelum  
Dan Selepas Pelaksanaan SPEKS**

Tarikh Serahan Penyata Kewangan Tahunan								
Sebelum Pelaksanaan SPEKS				Selepas Pelaksanaan SPEKS				
2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	
28/05/02	22/05/03	23/05/04	27/05/05	30/04/06	03/05/07	22/04/08	22/04/09	

*Sumber: Rekod PPN Kelantan*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan SPEKS telah membantu Perbendaharaan Negeri menyediakan Penyata Kewangan Tahunan dalam tempoh masa yang lebih singkat.**

### c) Masalah Sistem Aplikasi

Masalah sistem yang dikenal pasti sepanjang tempoh operasi sistem wajar diambil tindakan penyelesaian serta penambahbaikan berterusan supaya sistem yang digunakan lebih stabil dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran penggunaannya sepanjang masa. Polisi Keselamatan SPEKS menetapkan bahawa Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri perlu merekodkan semua masalah sistem dan operasi disemak dan diselesaikan mengikut keutamaan dalam tempoh yang ditetapkan. Unit Teknologi Maklumat perlu menyemak senarai masalah secara berkala untuk merancang mengurangkan masalah berulang. Pengurusan masalah yang berkesan akan meningkatkan kebolehcapaian, tahap perkhidmatan, mengurangkan kos, meningkatkan kemudahan dan kepuasan pengguna. Pengurusan masalah adalah perlu diuruskan melalui Perkhidmatan Meja Bantuan.

Semakan Audit mendapati perkhidmatan Meja Bantuan di peringkat Negeri Kelantan tidak disediakan. Sebarang masalah berkenaan operasi SPEKS akan diuruskan oleh kakitangan di Unit Komputer. Kebiasaannya aduan yang diterima adalah melalui telefon. Bagaimanapun, tiada rekod diselenggara berkenaan aduan yang diterima. Mana-mana aduan atau masalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Perbendaharaan Negeri akan disalurkan ke Meja Bantuan di peringkat JANM melalui telefon atau mel elektronik.

**Pada pendapat Audit, pengurusan masalah adalah kurang memuaskan. Perbendaharaan Negeri sewajarnya melantik pegawai khusus yang mempunyai kemahiran dalam menguruskan masalah mengenai komputer untuk mengendalikan perkhidmatan Meja Bantuan supaya lebih teratur dan rekod mengenainya diselenggara.**

## **2.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan sistem SPEKS adalah kurang memuaskan. Penyata Akaun Memorandum Kerajaan Negeri yang dikemukakan untuk pengauditan masih disediakan secara manual. Selain itu, keselamatan sistem operasi dan aplikasi serta integriti data dan pangkalan data SPEKS berisiko tinggi dan perlu dipertingkatkan. Ini adalah bagi memastikan tahap kawalan dan penggunaannya menjamin integriti, keselamatan, kerahsiaan dan kebolehpercayaan data SPEKS. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut diberi pertimbangan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan untuk penambahbaikan pelaksanaan SPEKS:

- a)** Menambah baik kawalan dalaman dan keselamatan sistem, rangkaian dan perkakasan sistem SPEKS.
- b)** Arahan, polisi, peraturan, garis panduan, pekeliling dan standard yang berkaitan dengan SPEKS disebarluaskan, difahami, dilaksanakan dan dipantau secara berterusan.
- c)** Meningkatkan kompetensi dan kecekapan pegawai dan penjawat awam yang terlibat dengan operasi dan penggunaan SPEKS melalui latihan dan kursus berkaitan semua modul.
- d)** Mempertingkatkan keberkesanan pemantauan Jawatankuasa.
- e)** Memastikan sistem, rangkaian dan perkakasan diselenggara secara berkesan dan berterusan.
- f)** Mengguna pakai semua modul yang telah dibangunkan.
- g)** Komponen sistem yang telah dibangunkan hendaklah dimanfaatkan dengan segera.
- h)** Menambah baik kelemahan dan kekurangan SPEKS dari semasa ke semasa.

## JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN


### 3. PENGURUSAN HUTAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

#### 3.1 LATAR BELAKANG

**3.1.1** Hutan adalah satu sumber alam yang semakin terancam. Isu penerokaan hutan dan kemusnahannya antara topik alam sekitar yang hangat diperbincangkan di negara ini. Di Malaysia, hutan diteroka untuk pelbagai tujuan seperti pembalakan, pertanian, penempatan dan pembinaan infrastruktur. Konflik kegunaan hutan timbul hasil dari permintaan yang tinggi terhadap kayu dan komitmen sosial untuk mengekalkan penawaran daripada sumber hutan yang terbatas. Fenomena ini menuntut usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak berkuasa bagi mengekalkan dan melindungi hutan sedia ada yang semakin terancam. Justeru itu, timbul persoalan sama ada wujudnya pengurusan hutan yang mapan di negara kita yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi kepada negara secara berterusan di samping berusaha untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) memikul tanggungjawab yang sama sebagaimana negeri lain di Malaysia bagi memastikan matlamat pengurusan hutan yang mapan dapat dikekalkan demi kesejahteraan alam sekitar.

**3.1.2** Negeri Kelantan mempunyai keluasan tanah seluas 1,493,181 ha. Dari jumlah tersebut, seluas 886,767 ha (59%) adalah kawasan berhutan manakala 606,414 ha (41%) merupakan kawasan tidak berhutan. Dari jumlah kawasan tanah berhutan, seluas 629,687 ha (71%) merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). HSK dikelaskan kepada dua iaitu HSK Hutan Pengeluaran dan HSK Hutan Perlindungan. Keluasan HSK Hutan Pengeluaran ialah 442,992 ha (30%) daripada jumlah keseluruhan keluasan Negeri Kelantan atau 50% daripada jumlah keseluruhan kawasan berhutan Negeri Kelantan. Keluasan HSK Hutan Perlindungan pula ialah 186,695 ha (12%) daripada jumlah keseluruhan keluasan Negeri Kelantan atau 21% daripada jumlah keseluruhan kawasan berhutan di Kelantan. Kedudukan taburan HSK adalah seperti di **Peta 3.1**.

**Peta 3.1**  
**Taburan Kawasan Hutan Simpan Kekal Negeri Kelantan Tahun 2008**



Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**3.1.3** Bagi merealisasikan matlamat pengurusan hutan secara mapan dapat dikekalkan, JPNK telah melaksanakan Prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan meliputi tiga aspek utama iaitu pemuliharaan alam sekeliling dan biodiversiti, pembangunan industri berdasarkan hutan dan menjagaan kepentingan sosial rakyat dan komuniti yang bergantung pada hutan. Pengusahaan hutan dilaksanakan mengikut Dasar Catuan Tebangan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara di mana keluasan kawasan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) untuk Negeri Kelantan ialah 6,590 ha setahun bagi tempoh lima tahun (2006 hingga 2010).

**3.1.4** Mengikut Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara (APN) 1984, HSK ialah mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah Akta ini. Kawasan tersebut ditadbirkan sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri. Mengikut Seksyen 7(1) APN 1984, Pihak Berkuasa Negeri boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai HSK dengan menyiarangkan dalam warta suatu pemberitahuan bagi menentukan kedudukan dan keluasan tanah serta mengisyiharkan bahawa tanah itu sebagai HSK. Seksyen 10 Akta yang sama juga menerangkan bahawa HSK perlu dikelaskan kepada beberapa pengelasan seperti berikut:

- a) Hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan.
- b) Hutan perlindungan tanah.
- c) Hutan tebus guna tanah.
- d) Hutan kawalan banjir.
- e) Hutan tadahan air.
- f) Hutan perlindungan hidupan liar.
- g) Hutan simpanan hutan dara.
- h) Hutan lipur.
- i) Hutan pelajaran.
- j) Hutan penyelidikan.
- k) Hutan bagi maksud Persekutuan.

**3.1.5** Bagi mematuhi prinsip pengurusan hutan secara berkekalan, JPNK telah menetapkan sekurang-kurangnya lima kaedah pengusahaan hutan iaitu Kawasan Perjanjian Jangka Panjang, Kawasan Pemberian Tender Pembalakan, Skim Intensif Kilang Papan, Pembalakan Kawasan Sudah Kerja Tanah Kerajaan dan Kawasan Pembalakan Tanah Bermilik/Lesen Melombong. Pada tahun 2006, JPNK telah memperolehi hasil dari aktiviti pembalakan berjumlah RM81.92 juta, tahun 2007 sejumlah RM81.86 juta dan tahun 2008 telah meningkat menjadi RM97.87 juta seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Hasil JPNK 2006 Hingga 2008**

Bil.	Jenis Hasil	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
1.	Royalti Kayu Kayan	19,827,562	27,310,526	26,729,254
2.	Pelbagai Cukai Langsung Yang Lain	4,214	0.00	39,421
3.	Tribute Konsesi Hutan	4,353,285	5,062,200	1,600,107
4.	Permit dan Lesen Perhutanan	1,551,197	1,930,530	1,788,636
5.	Lesen Kilang Industri Perhutanan	276,430	256,910	240,440
6.	Bayaran Jabatan Hutan	5,551,987	4,597,228	4,344,059
7.	Premium Perhutanan	49,569,567	41,441,047	62,398,443
8.	Ganti Rugi/Pampasan Jabatan Hutan	784,907	1,266,199	730,872
<b>Jumlah</b>		<b>81,919,149</b>	<b>81,864,640</b>	<b>97,871,232</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

### 3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini ialah untuk menilai sejauh mana pengurusan hutan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dan mengambil kira kesannya kepada alam sekitar.

### 3.3 SKOP PENGAUDITAN

Tertumpu kepada Pengurusan HSK yang melibatkan Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2008. Kajian Audit dijalankan di peringkat Pejabat Perhutanan Negeri dan tiga Pejabat Perhutanan Daerah.

### **3.4 KAE DAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan yang dijalankan ialah dengan cara menyemak rekod, data, fail dan dokumen yang berkaitan. Pengauditan ditumpukan kepada sampel yang dipilih iaitu sekurang-kurangnya tiga konsesi bagi HSK Hutan Pengeluaran dan satu lokasi/kawasan bagi HSK Hutan Perlindungan. Bagi HSK Hutan Pengeluaran, sampel yang dipilih ialah kawasan pembalakan di tanah tinggi yang diluluskan kepada tiga buah syarikat di HSK Lebir yang bersempadan dengan Taman Negara Kuala Koh. Bagi HSK Hutan Perlindungan, kawasan yang dipilih ialah Taman Negeri Gunung Stong. Kaedah pengauditan juga dijalankan dengan cara membuat lawatan ke tapak termasuk menggunakan helikopter, temu bual dan kerjasama dengan Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ).

### **3.5 PENEMUAN AUDIT**

#### **3.5.1 Pencemaran Air**

Mengikut Manual Perhutanan Semenanjung Malaysia 1953 (Pindaan 1995), setiap pemegang lesen yang hendak mengguna atau membina matau (tempat menyimpan balak sementara) di dalam kawasan HSK hendaklah mendapat permit jalan daripada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) sebagaimana dikehendaki di bawah Seksyen 32, APN 1984. Kedudukan matau yang dibina hendaklah sama seperti kedudukan yang dirancang dalam Rancangan Pengurusan Hutan. Sekiranya pembinaan matau di atas tanah kerajaan, tanah TOL, tanah lombong dan tanah rizab, pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pentadbir Tanah Jajahan atau pihak yang berkenaan. Bagi kawasan HSK, kelulusan pembinaan matau adalah di bawah bidang kuasa JPNK. Bagi pembinaan matau berhampiran dengan sungai atau alur air, jarak yang perlu dipatuhi seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Jarak Zon Penampan**

<b>Lebar Alur Air Dari Tebing Ke Tebing</b>	<b>Lebar Minimum Zon Penampan Alur Air</b>
Lebih daripada 40 meter	45 meter dari tebing
Di antara 20-40 meter	40 meter dari tebing
Di antara 10-20 meter	20 meter dari tebing
Kurang daripada 10 meter	10 meter dari tebing

*Sumber: Rekod Manual Perhutanan*

Sempadan kawasan zon penampan alur air tidak boleh dipinda dan cat tanda sempadan hendaklah jelas. Tebangan pokok tidak dibenarkan di dalam kawasan ini. Semakan Audit mendapati permohonan syarikat Wisma Timber Trading untuk menjalankan aktiviti pembalakan yang bersempadan dengan Taman Negara Kuala Koh telah diluluskan dan sedang dalam proses mendapatkan lesen. Oleh itu, sebagai persiapan awal syarikat ini telah membina matau luar tanpa membuat permohonan untuk mendapat kelulusan daripada PTJ atau JPNK. Akibatnya didapati matau tersebut telah dibina di dalam kawasan zon penampan alur air Sg. Pertam, Kuala Koh. Ia dibina hingga ke tebing sungai sedangkan jarak minimum zon penampan yang disyaratkan adalah 10 meter dari tebing sungai kerana keluasan tebing ke tebing sungai ini hanya 5 meter. Matau yang dibina sampai ke tebing

menyebabkan lumpur dari matau tersebut telah mengalir ke Sg. Pertam. Keadaan ini menyebabkan air sungai tercemar dan menjadi cetek. Kesan pengaliran lumpur dari matau ke Sg. Pertam seperti di **Foto 3.1**.

**Foto 3.1**  
**Matau Dibina Hingga Ke Tebing Sg. Pertam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 November 2008  
Lokasi: Sg. Pertam, Kuala Koh

Pada pendapat Audit, pembinaan matau tanpa kelulusan dan pemantauan pihak yang berkenaan telah menyebabkan berlakunya pencemaran air di Sg. Pertam, Kuala Koh.

### 3.5.2 Pembalakan Tanpa Kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

Mengikut Perenggan 6(b) Perintah Kualiti Alam Sekeliling 1987, mana-mana kawasan pembalakan atau pembangunan tanah yang bersempadan dengan Taman Negara mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Laporan EIA daripada JAS sebelum kawasan tersebut diluluskan walaupun keluasan yang dimohon kurang 500 ha.

Pemeriksaan Audit mendapati JPNK telah meluluskan lapan permohonan pembalakan bersempadan dengan Taman Negara Kuala Koh. Dua daripadanya telah selesai menjalankan kerja-kerja pembalakan tanpa Laporan EIA. Keadaan ini berlaku kerana selama ini pihak JPNK **tidak menyedari** tentang wujudnya peraturan sebagaimana Perenggan 6(b) Perintah Kualiti Alam Sekeliling 1987.

Pada pendapat Audit, bagi kawasan yang bersempadan dengan Taman Negara, Laporan EIA mestilah disediakan terlebih dahulu sebelum lesen pembalakan diluluskan. Bagaimanapun, baki enam permohonan kawasan pembalakan yang telah diluluskan tidak akan dikeluarkan lesen sehingga Laporan EIA disediakan.

### 3.5.3 Tanah Runtuh/Hakisan Kesan Pembalakan

Kawasan HSK yang melebihi 1,000 meter (m) atas paras laut (apl) telah ditetapkan sebagai kawasan perlindungan selaras dengan beberapa ketetapan dan keputusan yang telah

dibuat. Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara Ke 14 pada akhir Disember 1998 telah membuat keputusan bagi semua kawasan hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia yang melebihi had ketinggian 1,000 m apl perlu diwartakan sebagai Hutan Perlindungan Tanah dan Hutan Tadahan Air mengikut Seksyen 10(1), APN 1984. Mengikut pelan Rancangan Fizikal Negara, kawasan hutan dalam HSK yang melebihi 1,000 m apl perlulah dikategorikan sebagai *Environmentally Sensitive Areas Rank 1* dan hendaklah dianggap sebagai kawasan perlindungan sepenuhnya. Selain itu, mengikut perenggan 4.2.2(iv) Manual Perhutanan Jilid iii menyatakan kawasan HSK pada ketinggian melebihi 1,000 m apl diklasifikasikan sebagai hutan perlindungan tanah. Kawasan ini berfungsi sebagai kawasan pengawalan sumber air, pengawalan kualiti alam sekitar, pemeliharaan pelbagai biologi dan pemeliharaan kestabilan tanah dan sebarang aktiviti pembalakan tidak dibenarkan di kawasan ini. Begitu juga dalam pelaksanaan skim Persijilan Kayu Kayan MCI, kawasan hutan dalam HSK yang melebihi ketinggian 1,000 m apl dianggap sebagai Hutan Perlindungan Sepenuhnya (*Totally Protected Forest*). Oleh itu, berdasarkan ketetapan, keputusan dan peraturan yang sedia ada, pembalakan di kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 m apl adalah tidak dibenarkan.

Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati Kerajaan Negeri Kelantan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perhutanan (JKKP) Bil. 7/2004 telah meluluskan seluas 2,200 ha HSK yang ketinggiannya melebihi 1,000 m apl iaitu di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Sg. Betis dan Sg. Brook di Gua Musang kepada sebuah syarikat swasta. Kawasan ini diluluskan sebagai projek perintis dengan alasan untuk menggantikan kawasan konsesi yang diambil balik daripada Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK). Kaedah Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) dengan menggunakan jentera *Logfisher* akan diperkenalkan dan dilaksanakan di kawasan ini tertakluk kepada beberapa syarat. Di antaranya syarikat dikehendaki menyediakan Laporan EIA dan pemantauan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal. Bagaimanapun, sehingga kini Laporan EIA tidak disediakan dan Jawatankuasa Teknikal yang diwujudkan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh JKKP iaitu dari segi keahlian di mana sebahagian besar ahlinya terdiri daripada kakitangan syarikat yang mempunyai kepentingan. Akibatnya Jawatankuasa Teknikal telah membentarkan pembalakan kali kedua di blok A kompartmen 64 HSK Lojing yang sepatutnya di bawah bidang kuasa JKKP.

Kedudukan terperinci bilangan dan keluasan kompartmen yang diluluskan kepada syarikat berkenaan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3 Keluasan Projek Perintis			
Tahun Lulus	Hutan Simpan Kekal	Bil. Kompartmen	Keluasan (Ha)
2005	Lojing Gua Musang	10	978
2005	Sg. Betis Gua Musang	9	871
2006	Sg. Brook Gua Musang	4	351
<b>Jumlah</b>		<b>23</b>	<b>2,200</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Penggunaan *Logfisher* dijangka memberi kesan minima terhadap permukaan tanah di mana lorong penarik tidak perlu disediakan terlebih dahulu sebagaimana diamalkan dalam sistem jentolak. Kayu balak yang ditebang akan ditarik dengan menggunakan kabel dan mengurangkan risiko hakisan pada permukaan tanah. Selain itu, kaedah pembalakan ini tidak menggunakan kaedah konvensional sepenuhnya. Kaedah pembalakan yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) Tebangan tidak melebihi tiga pokok sepetak di dalam petak 50 m x 50 m atau 12 pokok sehektar dengan jarak tidak kurang daripada 15 meter di antara pokok yang ditebang.
- b) Tebangan tidak melebihi empat pokok sepetak di dalam petak 50 m x 50 m atau 16 pokok sehektar dengan jarak 8 meter di antara pokok tebangan.
- c) Tebangan sebagaimana kaedah konvensional iaitu tebangan maksima 30 pokok sehektar tanpa had jarak di antara pokok tebangan.

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008, JPNK telah meluluskan enam lesen pembalakan bagi projek perintis Pembalakan Berimpak Rendah (RIL), masing-masing tiga di HSK Lojing dan tiga di HSK Sg. Betis kepada syarikat berkenaan. Keluasan kawasan bagi enam lesen tersebut ialah 555 ha iaitu sebahagian daripada 2,200 ha yang diluluskan. Kedudukan terperinci seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Pengeluaran Lesen Kepada Syarikat Telemont Sdn. Bhd.**

No. Lesen	Tarikh Kuat Kuasa Lesen	Hutan Simpan Kekal	No. Kompartmen	Keluasan (Ha)
DS 01 51/2005	07.09.05 - 06.03.06	Lojing	64	155
DS 01 49/2006	27.12.06 - 26.06.07	Lojing	56	110
DS 01 27/2006	16.08.06 - 15.02.07	Lojing	57	80
DS 01 59/2007	18.12.07 - 17.07.08	Sg. Betis	218	50
DS 01 35/2007	26.07.07 - 25.01.08	Sg. Betis	220	90
DS 01 60/2007	18.12.07 - 17.07.08	Sg. Betis	219	70

*Sumber: Pejabat Perhutanan Negeri Kelantan*

Sehingga akhir tahun 2008 kesemua kawasan tersebut telah tamat pengusahaisan dengan menggunakan teknologi *Logfisher* dan tiga kaedah pembalakan sebagaimana yang dinyatakan di atas. Bagaimanapun, sehingga kini Laporan Kajian Pengusahaisan Hutan Berimpak Rendah tidak dibentangkan kepada JKPP untuk mendapat kelulusan. Selain itu, KPK juga sehingga kini tidak dimaklumkan secara rasmi mengenai kawasan balak di tanah tinggi tersebut yang dikatakan akan diberi sebagai ganti mengikut perjanjian konsesi. Jabatan Audit Negara mendapati projek perintis ini telah memberi keuntungan kepada syarikat berkenaan kerana mendapat kawasan pembalakan yang mempunyai kayu yang banyak dan berkualiti tinggi yang belum diterokai tanpa melalui proses tender. Kerajaan Negeri Kelantan hanya mendapat royalti dan premium sebagaimana kawasan pembalakan biasa yang lain. Sekiranya tujuan projek perintis ini untuk mengkaji pengusahaisan hutan berimpak rendah khususnya untuk kawasan hutan di tanah tinggi, pihak JPNK tidak sepatutnya meluluskan kawasan yang luas sehingga 2,200 ha sebagai projek perintis.

Pada akhir Januari 2009, pihak Audit dengan kerjasama JPNK dan JAS Negeri Kelantan telah membuat lawatan ke lokasi pembalakan di Tanah Tinggi Lojing dan Sg. Betis dengan

menaiki helikopter untuk meninjau kesan pembalakan melalui udara. Hasil tinjauan tersebut mendapati kesan dari aktiviti pembalakan di tanah tinggi amat ketara di mana berlakunya kerosakan yang serius kepada struktur tanah seperti tanah runtuh dan pokok tumbang. Contoh kesan tanah runtuh dan risiko pokok tumbang akibat dari pembalakan di tanah tinggi seperti di kompartmen 64 HSK Lojing serta kesan di kompartmen 218 HSK Sg. Betis. Bukti bergambar mengenai kerosakan tersebut adalah seperti di **Foto 3.2** hingga **Foto 3.5**. Mengikut kajian yang dijalankan oleh JAS, kebanyakan kawasan tanah tinggi tersebut dikategorikan sebagai kawasan sensitif kerana tanahnya mudah runtuh terutama bila musim hujan kerana ia dari jenis tanah berpasir dan tidak sesuai untuk aktiviti pembalakan walaupun dengan menggunakan jentera *Logfisher*.

**Foto 3.2**  
**Tanah Runtuh**



**Foto 3.3**  
**Tanah Runtuh Dan Pokok Tumbang**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 20 Januari 2009

Lokasi: Kompartmen 64 HSK Lojing, Gua Musang

**Foto 3.4**  
**Pokok Di Tebing Jalan Sekunder Berisiko Tumbang**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 29 Oktober 2008

Lokasi: Kompartmen 218, HSK Sg. Betis

**Foto 3.5**  
**Tanah Runtuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 20 Januari 2009

Lokasi: Kompartmen 218, HSK Sg. Betis

Pada pendapat Audit, HSK di tanah tinggi yang melebihi 1,000 m apl sepatutnya diwartakan sebagai Hutan Perlindungan demi menjaga kepentingan alam sekitar sebagaimana yang disyorkan oleh Majlis Perhutanan Negara. Risiko pembalakan di tanah tinggi terhadap kestabilan alam sekitar tidak dapat dinilai berbanding dengan peningkatan hasil negeri.

a) Kerosakan Flora Dan Fauna

- i) **Kesan Tanah Runtuh** - Kejadian tanah runtuhan akibat pembalakan di kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 m apl telah memberi kesan buruk kepada flora dan fauna. Ini kerana berlaku hakisan tanah yang serius di sepanjang jalan dalam kawasan pembalakan. Bagaimanapun, jumlah kemusnahan flora dan fauna tidak dapat ditentukan kerana tiada kajian dibuat oleh mana-mana pihak sebelum ini. Apa yang tidak dapat dinafikan ialah kewujudan pelbagai flora dan fauna di kawasan tersebut sebelum berlakunya kejadian tanah runtuhan. Kesan kemusnahan flora akibat tanah runtuhan seperti di **Foto 3.6** dan **Foto 3.7**.

**Foto 3.6**

Kemusnahan Flora Akibat Tanah Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 Januari 2009  
Lokasi: HSK Sg. Betis

**Foto 3.7**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 Januari 2009  
Lokasi: Kompartmen 218, HSK Sg. Betis

Pada pendapat Audit, pembalakan di kawasan tanah tinggi lebih banyak memberi kesan kepada kemusnahan flora dan kehidupan fauna berbanding dengan pembalakan di kawasan biasa kerana sebelum pencerobohan kehidupan flora dan fauna di kawasan tanah tinggi lebih terjamin.


- ii) **Pembalakan Haram HSK Lebir** - Semakan Audit mendapati berlakunya pembalakan haram di kompartmen 111 HSK Lebir dalam Daerah Hutan Timur Machang. Pihak Audit mendapati aktiviti pembalakan haram tersebut berlaku pada awal bulan April 2008. Bagaimanapun, ianya dapat dikesan oleh pihak JPNK pada akhir bulan April 2008 semasa pasukan penguat kuasa menjalankan rondaan di kawasan HSK tersebut. JPNK telah mengenal pasti pihak yang menjalankan pembalakan haram iaitu Syarikat Hasrat Rimba Enterprise yang sedang

mengusahakan aktiviti pembalakan yang bersempadan dengan kawasan HSK tersebut. Kesan dari pencerobohan ini terdapat 639 tunggal dan sukatan ke atas kayu balak yang menghasilkan sejumlah 1,635 tual yang bernilai RM1.21 juta telah dirampas oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

Hasil semakan Audit menunjukkan laporan pemantauan yang dilakukan oleh Pengawas Hutan tidak sempurna kerana pemeriksaan tidak dibuat secara menyeluruh. Kelemahan dalam menguatkuaaskan undang-undang juga menjadi punca utama kepada masalah pembalakan haram. Sebagai contoh, sepanjang tempoh tahun 2006 hingga 2008, tiada kes kesalahan hutan didakwa di Mahkamah. Tindakan tegas tidak diambil terhadap syarikat yang tidak membayar denda dan ganti rugi yang rendah juga menjadi punca kepada berlakunya pencerobohan. Pencerobohan hutan oleh pembalak haram menyebabkan kerosakan alam sekitar yang tidak terkawal kerana tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.

Kecurian kayu balak dari aktiviti pembalakan haram menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri Kelantan seperti premium, royalti dan pembayaran lesen. Selain itu, aktiviti penebangan hutan yang tidak sistematik telah menjelaskan alam sekitar. Ini disebabkan tidak mematuhi kaedah penebangan di mana semua pokok besar telah ditebang sewenang-wenangnya, penggunaan kawasan hutan sebagai lorong penarik telah merosakkan pokok dan anak pokok, laluan jentera dan alat pengangkutan turut merosakkan habitat flora dan fauna. Pemerhatian Audit juga mendapati pokok besar telah ditebang manakala anak pokok di kawasan tersebut telah musnah. **Foto 3.8** dan **Foto 3.9** jelas menunjukkan pokok di sekitar kawasan yang ditebang mengalami kerosakan. Ini telah menyebabkan berlakunya kemusnahan kepada pokok-pokok lain dan seterusnya menyebabkan flora dan fauna terjejas.

**Foto 3.8**  
**Kawasan Pembalakan Haram**



**Foto 3.9**  
**Kesan Penebangan Terhadap Anak Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 24 Julai 2008

Lokasi: Kompartmen 111, HSK Lebir

**Pada pendapat Audit, pemantauan oleh JPNK tidak memuaskan kerana pemeriksaan tidak dibuat secara menyeluruh. Selain itu, tindakan undang-undang tidak diambil terhadap pesalah hutan menyebabkan pencerobohan hutan terus berlaku.**

- iii) **Jalan Persendirian Dalam HSK** - Seksyen 50(1) APN 1984, menyatakan mana-mana orang yang hendak menggunakan jalan dalam HSK bagi aktiviti pertanian mestilah terlebih dahulu mendapat permit jalan daripada JPNK.

Semasa lawatan Audit ke HSK Lojing mendapati jalan sekunder telah digunakan oleh Syarikat Acomax Sdn. Bhd. sebagai jalan laluan utama ke kawasan tanaman sayur tanpa permit jalan. Syarikat berkenaan didapati menjalankan kerja penyenggaraan jalan seperti melebar, menebang pokok di sepanjang jalan dan memotong cerun. Kerja tersebut didapati telah menyebabkan kerosakan pada struktur tanah dan kemusnahan flora dan fauna yang ada di kawasan yang dbersihkan. **Foto 3.10** dan **Foto 3.11** menunjukkan bekas jalan sekunder dalam HSK Lojing yang dbersihkan oleh syarikat untuk dijadikan sebagai jalan utama laluan kenderaan dan jentera mereka ke kawasan tanaman sayur yang bersempadan dengan kompartmen 56, HSK Lojing.

**Foto 3.10**  
**Bekas Jalan Sekunder Yang Digunakan  
Sebagai Jalan Utama**



**Foto 3.11**  
**Kawasan Hutan Yang Dbersih Dan Dipotong**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 20 Januari 2009

Lokasi: Kompartmen 57, HSK Lojing

**Pada pendapat Audit, penggunaan dan penyenggaraan jalan dalam HSK tanpa kebenaran JPNK menyebabkan berlaku kemusnahan flora dan fauna di kawasan tersebut.**

### 3.5.4 Pewartaan

#### a) **HSK Dikeluarkan Belum Diganti**

Mengikut Seksyen 11,12 dan 13 APN 1984, mana-mana kawasan HSK yang dikeluarkan atau dilucutkan statusnya sebagai kawasan HSK hendaklah diganti. Dari semakan Audit terhadap rekod di JPNK, didapati tiga kawasan HSK dengan keluasan

5,838.46 ha telah dikeluarkan untuk dijadikan sebagai Tanah Kesultanan (*Sultanate Land*) masih belum diganti. HSK yang terlibat ialah Ulu Temiang seluas 2,023 ha, Sg. Betis seluas 3,775 ha dan Gunung Stong Tengah seluas 40.46 ha.

Pada pendapat Audit, pewartaan kawasan gantian adalah tidak memuaskan kerana JPNK tidak mengambil tindakan segera mengganti kawasan HSK yang dikeluarkan/dilucutkan statusnya. Ini menyebabkan keluasan kawasan HSK semakin berkurangan dan matlamat pengurusan hutan secara berkekalan akan terjejas.

**b) Pewartaan Hutan Perlindungan**

Mengikut Seksyen 10(1) APN. 1984, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mewartakan semua kawasan Hutan Perlindungan mengikut kategori hutan perlindungan.

i) **Rancangan Pewartaan Jangka Panjang** - JPNK telah membuat Rancangan Jangka Panjang meliputi tempoh selama 10 tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2015. JPNK telah mencadangkan enam kategori Hutan untuk diwartakan sebagai Hutan Perlindungan. Hutan perlindungan tersebut ialah Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Tadahan Air, Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Pelajaran dan Taman Negeri Gunung Stong. Keluasan keseluruhan kawasan hutan yang dicadangkan sebagai Hutan Perlindungan ialah 184,159 ha. Daripada jumlah keseluruhan yang dicadangkan, hanya 57,848 ha atau 31.4% sahaja telah diwartakan pada tahun 2008 dan baki kawasan hutan perlindungan yang belum diwartakan ialah 126,311 ha. Kawasan hutan perlindungan yang dicadang untuk diwartakan dalam tempoh 10 tahun (2006 hingga 2015) adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**

**Cadangan Pewartaan Hutan Perlindungan Bagi Tempoh 2006 Hingga 2015**

Bil.	Jenis Hutan Perlindungan	Cadangan (ha)	Diwarta (ha)	Belum Warta (ha)
1.	Hutan Perlindungan Tanah	119,223		119,223
2.	Hutan Tadahan Air	35,898	35,898	
3.	Hutan Simpanan Hutan Dara	3,784		3,784
4.	Hutan Lipur	3,042		3,042
5.	Hutan Pelajaran	262		262
6.	Taman Negeri Gunung Stong	21,950	21,950	
<b>Jumlah</b>		<b>184,159</b>	<b>57,848</b>	<b>126,311</b>

*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan*

ii) **Rancangan Pewartaan Jangka Pendek (2006-2008)** - Di bawah Rancangan Pengurusan Hutan Jangka Pendek bagi tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 17 kawasan hutan dengan jumlah keluasan yang akan diwartakan seluas 182,911 ha. Daripada jumlah yang dicadangkan, hanya seluas 57,848 ha sahaja atau 31.6% yang telah diwartakan manakala baki seluas 125,063 ha masih belum diwartakan sehingga akhir Disember 2008. Ini disebabkan kurangnya penekanan oleh pihak JPNK dalam pelaksanaan rancangan pewartaan tersebut. Kawasan yang dicadangkan seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Kawasan Yang Dicadangkan Pada Tahun 2006 Hingga 2008**

Bil.	Hutan Simpan Kekal	Dicadang (ha)	Diwarta (ha)	Belum Warta (ha)
1.	Kawasan Tadahan Air - Kelantan Barat	26,233	26,233	
2.	Kawasan Tadahan Air - Kelantan Selatan	2,962	2,962	
3.	Kawasan Tadahan Air - Kelantan Timur	6,703	6,703	
4.	Petak Tumbesaran ( <i>Growth Plot</i> ) – Kelantan Timur	907		
5.	Petak Tumbesaran ( <i>Growth Plot</i> ) – Kelantan Barat	1,259		2,430
6.	Petak Tumbesaran ( <i>Growth Plot</i> ) – Kelantan Selatan	264		
7.	<b>Kawasan tanah tinggi &gt;1,000 m apl</b> - Kelantan Selatan - Kelantan Barat - Kelantan Timur	79,694 39,448 81		119,223
8.	Inventori Hutan Berterusan (CFI) – Kelantan Timur	50		
9.	Inventori Hutan Berterusan (CFI) – Kelantan Selatan	50		106.25
10.	Inventori Hutan Berterusan (CFI) – Kelantan Barat	6.25		
11.	Kawasan Hutan Lipur – Kelantan Timur	3,042		3,042
12.	Kawasan Hutan Pelajaran – Kelantan Timur	262		262
13.	Taman Negeri Gunong Stong	21,950	21,950	
<b>Jumlah Luas Hutan Perlindungan</b>		<b>182,911</b>	<b>57,848</b>	<b>125,063</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**Pada pendapat Audit, pewartaan Hutan Perlindungan dalam kawasan HSK adalah tidak memuaskan kerana kegagalan JPNK mewartakan semua kawasan HSK Hutan Perlindungan sebagaimana yang dicadangkan. Perkara ini boleh menjelaskan keselamatan dan perlindungan hutan yang sepatutnya dilindungi bagi mengekalkan dan memulihara kualiti alam sekitar terutama kawasan perlindungan tanah tinggi melebihi 1,000 m apl.**

### 3.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan HSK di Kelantan adalah kurang memuaskan dari segi menjaga kepentingan alam sekitar kerana pemberian kawasan pembalakan lebih mementingkan kepada hasil yang diperolehi. Adalah disyorkan langkah-langkah diambil oleh JKKP, JPNK dan Jabatan berkaitan seperti berikut:

- a) Untuk memulihara kestabilan alam sekitar aktiviti pembalakan dalam HSK di kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 m apl tidak diteruskan sebagaimana arahan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- b) JPNK hendaklah mengambil tindakan segera mewartakan kawasan hutan perlindungan terutama kawasan tanah tinggi yang melebihi 1,000 m apl untuk mencegah aktiviti pembalakan.

- c) Akta dan peraturan terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan alam sekitar perlu diberi perhatian dan dipatuhi.
- d) Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang hendaklah dibuat secara menyeluruh dan berterusan untuk memastikan pengusahaan mematuhi syarat lesen dan kerosakan alam sekitar dapat diminimumkan.
- e) Untuk menjaga kepentingan alam sekitar, JPNK perlu peka dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh JAS terutama berkaitan dengan laporan EIA sebelum aktiviti pembalakan dijalankan.
- f) JPNK perlu mengambil tindakan tegas terhadap aktiviti pembalakan haram dan pembalakan di luar kawasan lesen kerana ia berkaitan dengan kemusnahan flora dan fauna di samping merugikan Kerajaan dari segi hasil.
- g) Koordinasi dan komunikasi antara JPNK, JAS, Jabatan PERHILITAN dan lain-lain Agensi yang berkaitan perlu wujud dan dipertingkatkan terutamanya dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan.
- h) Penyelidikan dan khidmat nasihat daripada universiti tempatan hendaklah diperolehi untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan hutan yang mapan.

## MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU - BANDAR RAYA ISLAM

### 4. PENGURUSAN ASET

#### 4.1 LATAR BELAKANG

**4.1.1** Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu (Majlis) adalah seluas 196 km persegi dan dibahagikan kepada 83 seksyen. Pentadbiran Majlis diketuai oleh Yang Dipertua dan dibantu oleh Setiausaha serta 23 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada setiap tahun. Pengurusan organisasi Majlis terdiri daripada sembilan Jabatan, dua Bahagian dan satu Unit Audit Dalam. Pengurusan aset Majlis diletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Harta (JKPH) yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membuat keputusan mengenai kaedah perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap bulan dan keputusan mesyuarat tersebut akan dibentang untuk disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Objektif pengurusan aset Majlis ialah untuk memastikan perolehan, penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan aset di urus dengan cekap dan berkesan serta mengikut peraturan.

**4.1.2** Aset Majlis pada akhir tahun 2008 bernilai RM66.41 juta berbanding pada awal tahun 2006 bernilai RM54.62 juta iaitu meningkat sejumlah RM11.78 juta atau 21.6%. Kedudukan jumlah aset pada akhir tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kedudukan Aset Pada Akhir Tahun 2008**

Bil.	Jenis Aset	Baki Pada 1 Januari 2006 (RM)	Tahun 2006 Hingga 2008		Baki Pada 31 Disember 2008 (RM)
			Perolehan (RM)	Pelupusan (RM)	
1.	Tanah Milik Kekal	7,934,453		(110,407)	7,824,046
2.	Tanah Milik Pajakan	843,939		(27,980)	815,959
3.	Bangunan Kekal	22,588,273	4,107,023	(104,259)	26,591,037
4.	Bangunan Separuh Kekal	972,497		(29,476)	943,021
5.	Jentera Berat	845,336		(400,060)	445,276
6.	Kenderaan	6,720,553	364,681	(3,340)	7,081,894
7.	Perabot	759,602	125,757		885,359
8.	Kelengkapan Pejabat	2,851,910	814,556		3,666,466
9.	Lain-Lain Peralatan	10,598,037	7,045,220		17,643,257
10.	Pagar-Pagar	234,883			234,883
11.	Kemudahan Sukan	175,149			175,149
12.	Lain-lain	100,389			100,389
<b>Jumlah</b>		<b>54,625,021</b>	<b>12,457,237</b>	<b>(675,522)</b>	<b>66,406,736</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

#### 4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif kajian Audit adalah untuk menilai sama ada pengurusan aset telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi keputusan Mesyuarat Penuh Majlis, JKPH dan juga mematuhi peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

#### **4.3 SKOP PENG AUDITAN**

Skop kajian Audit adalah meliputi pengurusan perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset Majlis seperti tanah, bangunan, jentera, kenderaan dan lain-lain peralatan bagi tempoh antara tahun 2006 hingga 2008.

#### **4.4 KAE DAH PENG AUDITAN**

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen mengenai pengurusan aset di pejabat Majlis seperti Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pembangunan Korporat, Jabatan Perancangan Dan Pembangunan dan Bahagian Letak Kereta. Selain itu, temu bual dan lawatan fizikal ke lokasi aset berkenaan juga dibuat untuk pengesahan.

#### **4.5 PENEMUAN AUDIT**

##### **4.5.1 Perolehan Aset**

Perolehan aset pada tahun 2006 hingga 2008 sejumlah RM12.46 juta. Komponennya terdiri dari bangunan, kenderaan, perabot, kelengkapan pejabat, meter letak kereta dan lain-lain peralatan. Kedudukan terperinci adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Perolehan Aset Pada Tahun 2006 Hingga Tahun 2008**

Bil.	Jenis Aset	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Bangunan Dewan Jubli Perak, Padang Perdana	1,956,841			1,956,841
2.	Bangunan Pejabat Padang Perdana		743,029		743,029
3.	Bangunan Pasar Pauh Panji	585,353			585,353
4.	Bangunan Medan Selera Padang Tembak			431,800	431,800
5.	2 Unit Rumah Kedai Di Kedai Buluh			390,000	390,000
6.	Kenderaan	180,175	184,506		364,681
7.	Perabot		48,219	77,538	125,757
8.	Kelengkapan Pejabat	196,335	464,106	154,115	814,556
9.	Meter Letak Kereta	1,796,000	3,696,500	1,369,500	6,862,000
10.	Lain-lain Peralatan	67,250	84,983	30,987	183,220
<b>Jumlah</b>		<b>4,781,954</b>	<b>5,221,343</b>	<b>2,453,940</b>	<b>12,457,237</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

##### **a) Perolehan Bangunan**

- i) **Bangunan Dewan Jubli Perak** - Bangunan Dewan Jubli Perak di Padang Perdana diperolehi melalui tuntutan insurans kebakaran kerana bangunan ini telah terbakar pada bulan Oktober 2001. Majlis telah melindungi bangunan ini dengan mengambil insurans kebakaran daripada Takaful Nasional Berhad. Jawatankuasa Tender telah meluluskan pembinaan semula bangunan ini kepada Syarikat Perusahaan Majubina Sdn. Bhd. dengan kos sejumlah RM1.87 juta dan kos perunding sejumlah RM86,362. Dengan ini menjadikan kos membaik pulih bangunan sejumlah RM1.96 juta yang dibayar sepenuhnya oleh Takaful Nasional Berhad. Oleh itu, Majlis tidak menanggung sebarang kos untuk membaik pulih bangunan ini.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menginsuranskan bangunan ini mengikut nilai semasa menyebabkan Majlis tidak perlu menanggung sebarang kos pembaikan.**

- ii) **Ubahsuai Bangunan Kompleks Sukan Sebagai Pejabat** - Pada awal tahun 2006, Majlis telah meluluskan untuk mengubahsuai bangunan lama Kompleks Sukan di Padang Perdana untuk dijadikan pejabat. Semakan Audit mendapati pengurusan kontrak pembinaan adalah baik dan bangunan ini telah siap pada akhir April 2007. Kos sebenar ubahsuai bangunan ini sejumlah RM0.74 juta termasuk kos perunding. Bangunan ini telah diduduki pada awal tahun 2008 yang menempatkan Jabatan Pembangunan Islam, Jabatan Korporat, Bahagian Letak Kereta dan Unit Audit Dalam yang mana sebelum ini menyewa ruang pejabat sebanyak RM10,050 sebulan.

**Pada pendapat Audit, tindakan mengubahsuai ruang kompleks sukan sebagai pejabat adalah baik kerana dapat menjimatkan perbelanjaan sewa bulanan.**

- iii) **Pembinaan Pasar Bukan Atas Tanah Milik Majlis** - Majlis meluluskan cadangan pembinaan sebuah pasar di atas tanah Lot 648, 649, 650 dan 1506 dengan keluasan 1.148 ekar yang terletak di Mukim Pauh, Panji, Kota Bharu. Pada bulan Ogos 2003, JKPH telah menyediakan kertas kerja memohon kelulusan daripada PBN untuk membuat pengambilan balik tiga lot tanah milik persendirian sebagai tapak pasar awam. PBN meluluskan permohonan ini pada awal November 2005. Kedudukan hak milik tanah pada awal tahun 2004 seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Kedudukan Hak Milik Tanah Tapak Pasar Pauh Panji**

Bil.	No. Lot	Keluasan (ekar)	Status Pemilik
1.	1506	0.397	Milik Majlis
2.	648	0.293	Milik Persendirian
3.	649	0.166	Milik Persendirian
4.	650	0.292	Milik Persendirian
<b>Jumlah</b>		<b>1.148</b>	

*Sumber: Rekod Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Majlis*

Bagaimanapun, pada bulan Ogos 2004, Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Majlis telah mendapat surat kebenaran daripada salah seorang pemilik tanah yang mendakwa mewakili 21 orang pemilik untuk memasuki tanah ini bagi memulakan kerja menambun tapak. Berdasarkan surat kebenaran tersebut kerja menambun tapak telah dibuat melalui tender sejumlah RM0.59 juta kepada Syarikat CRE Construction Sdn. Bhd.. Bangunan pasar pula dibina secara berperingkat melalui sebut harga kepada enam kontraktor dengan kos sejumlah RM0.20 juta dan bangunan ini siap dibina pada akhir tahun 2005. Pada awal tahun 2006 pasar ini telah beroperasi dengan hasil pajakan sejumlah RM1,000 sebulan hingga bulan Julai 2007.

Pada bulan Ogos 2007 pemilik sah tanah ini (hanya seorang sahaja) telah mengarahkan Majlis menutup pasar ini kerana beliau mendakwa pembinaannya

dibuat tanpa mendapat kebenaran. JKPH telah memohon PBN menyegerakan proses pengambilan balik tanah dan mendepositkan kos harga tanah tersebut sejumlah RM0.19 juta di Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu.

Seterusnya pada bulan November 2008 Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu mengesahkan proses pengambilan balik tanah tersebut telah selesai dan menjadi hak milik Kerajaan. Bagaimanapun, proses pengambilan balik tanah ini tidak dipersetujui oleh pemilik tanah dan kes ini dibicarakan di Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu dan masih tertangguh atas sebab pemilik sedang melantik peguam untuk mewakilinya. Majlis membuka semula perniagaan di pasar ini pada akhir Januari 2009.

**Foto 4.1** adalah gerai dalam pasar tersebut yang dikosongkan atas arahan pemilik tanah bagi tempoh awal September 2007 hingga akhir Januari 2009.

**Foto 4.1**  
Keadaan Gerai Kosong



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 Disember 2008  
Lokasi: Pasar Pauh Panji, Kota Bharu*

**Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan pasar ini tidak mengikut peraturan kerana pembinaan telah dibuat di atas tanah milik sebelum proses pengambilan balik tanah selesai.**

- iv) **Perolehan Melalui Usaha Sama** - Bagi menambah aset dan menjana pendapatan, Majlis telah melaksanakan projek usaha sama dengan pihak swasta. Pada akhir tahun 2008 terdapat lima projek yang sedang dilaksanakan dan tiga projek di peringkat perancangan. Kedudukan kemajuan dan pulangan yang dijangka kepada Majlis bagi lima projek yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kedudukan Kemajuan Projek Dan Pulangan Kepada Majlis**

Bil.	Nama Projek Usaha Sama Dan Syarikat	Tempoh Pelaksanaan	Pulangan Kepada Majlis	Status Kemajuan
1.	37 Unit Rumah Kedai Di Kedai Buluh Syarikat Azam Construction	2000 hingga 2004	i) Pulangan kepada Majlis RM1.70 juta (dijangka). ii) Pulangan sebenar RM0.39 juta dalam bentuk aset 2 unit kedai.	Fasa 1 - 14 unit siap 70%. Fasa 2 – 23 unit tidak dibuat.
2.	Menara Pusat Dagangan Seksyen 7, Kota Bharu Syarikat E.C. Alam Jaya	2006 hingga 2009	i) RM5 juta telah diterima semasa tanda tangan perjanjian. ii) RM1.40 juta setelah siap blok podium. iii) RM1.05 juta bentuk <i>inkind</i> (medan emas). iv) RM6.70 juta bentuk kutipan letak kereta setelah tanah dipindah milik.	Kemajuan projek 89% dan dijangka siap dalam tempoh.
3.	Pembangunan Tanah Tapak Bengkel MPKB di Jalan Kuala Krai Syarikat Alam Jaya	2008 hingga 2011	i) RM6.98 juta harga jualan tanah. ii) RM1.42 juta pulangan tunai dan telah dijelaskan RM10,000. iii) RM2.88 juta pulangan <i>inkind</i> bangunan pejabat. iv) RM1.22 juta pulangan <i>inkind</i> sebuah apartmen.	Kemajuan projek 7% kerana perjanjian belum ditandatangani kerana sedang disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri.
4.	Pembangunan Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh Syarikat Sensatimur Sdn. Bhd. secara konsesi 20 tahun.	2006 hingga 2008	i) RM40,000 sebulan semasa tempoh penempatan sementara peniaga. ii) RM0.50 juta bayaran tunai setiap tahun dalam tempoh 20 tahun. iii) RM0.20 juta sumbangan muhibah kepada Majlis. iv) RM50,000 kepada Tabung Belia.	Pembinaan telah siap 100%.
5.	Pembangunan Bandar Satelit Pasir Tumbuh Syarikat MSO Corporation	2008 hingga 2010	i) RM0.25 juta pulangan semasa menandatangani perjanjian. ii) RM0.25 juta pulangan tunai setelah siap fasa kedua. iii) RM0.50 juta pulangan tunai mengikut kemajuan pelaksanaan projek fasa ke 3.	Pembinaan siap 17.5%.

Sumber: Rekod Bahagian Pembangunan Korporat

Daripada lima projek usaha sama tersebut didapati satu projek Rumah Kedai 37 unit menghadapi masalah kerana projek terbengkalai dan tidak diteruskan. Bagi fasa 1 yang mengandungi 14 unit, hanya siap tujuh unit sahaja, manakala tujuh unit lagi separa siap dan masih terbengkalai. Kegagalan menyiapkan projek ini adalah disebabkan pemaju menghadapi masalah kewangan dan permohonan pemaju untuk mencagar tanah kepada bank tidak diluluskan oleh JKPH. Jualan rumah kedai juga tidak mendapat sambutan pembeli. Bagi tujuh unit kedai yang siap pula, sebanyak dua unit (nilaian RM0.39 juta) telah diserahkan kepada Majlis bagi menggantikan

pulangan tunai sejumlah RM1.70 juta sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian dan telah diluluskan oleh JKPH. Bangunan kedai fasa 1 adalah seperti di **Foto 4.2** dan **Foto 4.3**.

**Foto 4.2**  
**Bangunan Kedai Fasa 1 Lot 1531-1537**  
**Yang Telah Siap**



**Foto 4.3**  
**Projek Kedai Fasa 1 Lot 1538-1544**  
**Yang Terbengkalai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 Disember 2008  
Lokasi: Projek Usaha Sama Kedai Buluh Fasa 1

Pada pendapat Audit, pengurusan projek usaha sama ini adalah memuaskan kerana satu daripada lima projek usaha sama terbengkalai.

**b) Perolehan Jentera Dan Kenderaan**

JKPH meluluskan perolehan jentera dan kenderaan dibuat melalui sumber kewangan Majlis dan sumber pembiayaan daripada Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) yang menawarkan skim sewa pajak Al Ijarah.

**i) Sumber Majlis** - Bagi sumber Majlis, tiga buah jentera dan kenderaan telah dibuat perolehan melalui proses sebut harga. Semakan Audit mendapati proses sebut harga telah dilaksanakan dengan baik dan mematuhi peraturan yang berkaitan. Jumlah dan bilangan perolehan jentera seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Perolehan Jentera/Kenderaan Sumber Kewangan Majlis**

Tahun	Jenis	No. Pendaftaran	Kos Perolehan (RM)	Nama Pembekal
2006	Kereta Perdana	DBA 9000	91,920	Edaran Otomobil Nasional Berhad
	Ford Everest	DW 9000	88,255	Tugu Etika Sdn. Bhd.
2007	Backhoe Loader	DBF 7104	184,506	UMW Equipment
<b>Jumlah</b>			<b>364,681</b>	

Sumber: Rekod Bahagian Mekanikal Majlis

Perolehan Kereta Perdana adalah untuk kegunaan Yang Dipertua, Ford Everest pula untuk kegunaan Jabatan Khidmat Pengurusan dan jentera Backhoe Loader untuk kegunaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan.

ii) **Sumber Pembiayaan SME Bank** - Bagi mengatasi kekurangan jentera dan kenderaan yang digunakan untuk menjalankan perkhidmatan kebersihan dan pengurusan sisa pepejal, JKPH meluluskan perolehan dibuat melalui skim pembiayaan dengan SME Bank melalui kaedah sewa pajak dengan had tidak melebihi RM5 juta. Antara syarat perjanjian pembiayaan ini ialah:

- Tempoh bayaran sewa pajak selama lima tahun.
- Kos penyenggaraan ditanggung oleh Majlis.
- Setelah selesai pembiayaan, kenderaan akan dijual kepada pihak ketiga dan hasil jualan setelah ditolak cukai akan dibahagikan 95% kepada Majlis dan 5% kepada bank.

Majlis telah membuat perolehan jentera dan kenderaan ini secara berperingkat mulai tahun 2004 hingga 2007. Kedudukan kos perolehan dan sewa pajak seperti di **Jadual 4.6.**

**Jadual 4.6**  
**Perolehan Melalui Skim Pembiayaan SME Bank**

Tahun	Bil. Jentera/Kenderaan	Kos Perolehan (RM)	Bayaran Sewa Pajak Tahunan (RM)
2004	18 Unit Lori Sampah	3,348,685	205,066
2005	-	-	701,918
2006	1 Unit Toyota Hilux	80,558	836,501
2007	4 Unit Jentera	1,313,101	973,944
2008	-	-	1,184,679
<b>Jumlah</b>	<b>23 Buah</b>	<b>4,742,344</b>	<b>3,902,108</b>

*Sumber: Rekod Bahagian Mekanikal Majlis*

Jumlah bayaran sewa pajak yang telah dijelaskan bagi 23 buah jentera dan kenderaan tersebut hingga akhir tahun 2008 berjumlah RM3.90 juta berbanding dengan kos perolehan sejumlah RM4.74 juta. Ini bermakna pengurusan perolehan melalui skim sewa pajak adalah lebih baik kerana Majlis tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan sekali gus sebaliknya secara ansuran selama lima tahun. Dengan skim ini juga Majlis dapat mengatasi masalah kekurangan jentera dan kenderaan dalam pengurusan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan jentera dan kenderaan melalui skim sewa pajak Al-Ijarah adalah baik kerana Majlis dapat mengatasi masalah kekurangan jentera dan kenderaan tanpa mengeluarkan modal yang besar.**

#### c) Perolehan Meter Letak Kereta

Majlis mempunyai 4,802 unit meter letak kereta dan daripada jumlah tersebut sebanyak 2,500 unit sahaja yang boleh menggunakan kad pintar yang ditempatkan di pusat bandar dan bakinya adalah meter jenis lama yang menggunakan duit syiling. JKPH telah meluluskan perolehan meter baru yang lengkap dengan kad pintar bagi menggantikan meter lama. Mengikut kertas kerja yang disediakan, dengan adanya kad pintar ini kutipan hasil letak kereta dijangka akan meningkat daripada RM3,000 sebulan pada tahun 2006 kepada RM15,000 sebulan pada tahun 2007. JKPH meluluskan

perolehan meter jenis Mackay Guardian XI secara rundingan terus dengan Syarikat Raisevest Sdn. Bhd.. Bahagian Letak Kereta telah membuat perolehan pada tahun 2006 hingga 2008 sebanyak 4,802 unit meter dengan kos perolehan berjumlah RM6.86 juta. Kedudukan perolehan tersebut seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Kedudukan Perolehan Meter Letak Kereta Jenis Mackay Guardian XI**

Tahun	Bil. Unit	Kos Seunit (RM)	Kos Perolehan (RM)	Komponen Meter
2006	1,000	1,730	1,730,000	Set Lengkap
2006	2	33,000	66,000	Meter Peraga
2007	2,200	1,245	2,739,000	Mekanisme Meter
2007	500	1,915	957,500	Set Lengkap
2008	1,100	1,245	1,369,500	Mekanisme Meter
<b>Jumlah</b>	<b>4,802</b>		<b>6,862,000</b>	

Sumber: Rekod Bahagian Letak Kereta Majlis

Harga perolehan set lengkap meter pada tahun 2006 sebanyak RM1,730 seunit yang telah meningkat kepada RM1,915 pada tahun 2007 adalah kerana kenaikan kadar insurans dan pertukaran mata wang. Bagaimanapun pembekal telah memberi percuma sebuah alat kutipan wang daripada meter yang berharga RM7,760 kepada Majlis sebagai balasan di atas kenaikan harga. JKPH telah mengesahkan perkara ini dan meluluskan perolehan tersebut. Semakan Audit mendapati setelah perolehan meter baru dibuat yang dilengkapi dengan kad pintar, pungutan hasil bagi tempoh 2006 hingga 2008 telah meningkat kecuali pada bulan Mac dan Oktober hingga Disember 2008. Manakala penurunan hasil pada bulan Julai dan Ogos disebabkan kehabisan stok kad pintar. Kedudukan peratus kenaikan dan penurunan hasil jualan kad pintar dan hasil bermeter bagi tahun 2006 hingga 2008 seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Kedudukan Pungutan Hasil Jualan Kad Pintar Dan Bermeter**

Bulan	Kutipan Hasil Jualan Kad Pintar Dan Bermeter				
	2006 (RM)	2007 (RM)	Kenaikan (%)	2008 (RM)	Kenaikan/ (Kurangan) (%)
Januari	186,379	248,645	33.4	288,101	15.9
Februari	209,161	209,582	0.2	233,234	11.3
Mac	201,879	246,573	22.1	223,739	(9.3)
April	193,890	222,275	14.6	272,635	22.7
Mei	227,475	243,787	7.2	249,963	2.5
Jun	206,202	233,843	13.4	286,106	22.3
Julai	230,993	276,010	19.5	266,489	(3.4)
Ogos	228,652	284,067	24.2	240,425	(15.4)
September	209,586	259,654	23.9	260,896	0.5
Oktober	200,221	272,462	36.1	229,314	(15.8)
November	228,389	273,732	19.9	244,696	(10.6)
Disember	227,223	304,554	34.0	238,405	(21.7)
<b>Jumlah</b>	<b>2,550,050</b>	<b>3,075,184</b>		<b>3,034,003</b>	

Sumber: Rekod Bahagian Letak Kereta Majlis

Pada pendapat Audit, penggunaan meter letak kereta dengan kad pintar telah dapat meningkatkan hasil kutipan tempat letak kereta di samping dapat memberi kemudahan kepada orang ramai.

**d) Perolehan Perabot, Kelengkapan Pejabat Dan Lain-Lain Peralatan**

Pada tahun 2006 hingga 2008 Majlis telah membuat perolehan perabot berjumlah RM0.13 juta, peralatan berjumlah RM0.18 juta dan kelengkapan lain berjumlah RM0.81 juta melalui kaedah pembelian terus dan sebut harga. Proses perolehan ini diuruskan oleh Bahagian Perolehan yang bertanggungjawab melaksanakan keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKPH. Semakan Audit mendapati Bahagian Perolehan telah melaksanakan pembelian tersebut dan proses menerima, merekod dan melabel aset berkenaan telah dibuat dengan teratur sebagaimana kehendak peraturan.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah mematuhi kaedah perolehan pembelian perabot, peralatan dan kelengkapan lain.**

**4.5.2 Penggunaan Aset**

Hasil sewaan dan pajakan merupakan antara punca pendapatan kedua terbesar Majlis selepas cukai taksiran. Bangunan yang diguna untuk menjana pendapatan ialah seperti pasar, kedai, gerai dan kiosk yang diberi pajak atau sewa bulanan. Pengurusan pajakan dan sewaan ini di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Harta yang akan menguruskan pemilihan penyewa, menyediakan perjanjian, membuat pungutan, menyelenggara rekod dan melaporkan prestasi pendapatan kepada JKPH yang bermesyuarat pada setiap bulan. Kedudukan aset yang menjana pendapatan dan jumlah sewaan atau pajakannya bagi setiap tahun adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Kedudukan Pendapatan Dan Tunggakan Pada 31 Disember 2006 Hingga 2008**

Bil.	Jenis Aset	Pajakan/Sewaan Tahun 2006 (RM)	Tunggakan Pada 31.12.2006 (RM)	Pajakan/Sewaan Tahun 2007 (RM)	Tunggakan Pada 31.12.2007 (RM)	Pajakan/Sewaan Tahun 2008 (RM)	Tunggakan Pada 31.12.2008 (RM)
1.	Pajakan Pasar-Pasar	1,569,541	994,446	1,273,843	829,630	2,293,882	1,543,769
2.	Pasar Malam	97,440	130,040	97,460	128,785	110,840	139,165
3.	Tandas Awam	105,000	34,355	105,456	13,052	109,308	31,898
4.	Gerai Dan Kiosk	1,942,540	637,233	1,907,004	450,891	955,445	384,812
5.	Kedai Dan Bangunan	56,280	138,306	53,810	123,386	53,530	119,146
<b>Jumlah</b>		<b>3,770,801</b>	<b>1,934,380</b>	<b>3,437,573</b>	<b>1,545,744</b>	<b>3,523,005</b>	<b>2,218,790</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

Pajakan pasar telah dibuat secara tender manakala bangunan lain adalah secara sewa. Semakan Audit mendapati proses pemilihan penyewa adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, proses pengeluaran surat tawaran penyewaan, penyediaan perjanjian dan tindakan mengutip sewa yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Harta tidak mengikut prosedur seperti berikut:

- a) **Gerai Medan Selera Di Padang Tembak** - Kompleks gerai ini mengandungi 19 unit telah siap pada Jun 2008 dan Bahagian Pengurusan Harta telah selesai memilih penyewa. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada penyewa bagi 11 unit gerai pada

pertengahan Jun 2008 dan enam unit gerai pada awal September 2008, manakala dua unit lagi belum diluluskan penyewaannya. Bagaimanapun, surat tawaran tersebut tidak menetapkan kadar sewa dan juga deposit sebanyak 2 bulan sewaan tidak dipungut semasa penyewa memasuki gerai. Perkara ini tidak dilaporkan kepada JKPH untuk dibuat keputusan. Bahagian Pengurusan Harta hanya menyediakan kertas kerja kadar sewa pada Januari 2009 dan belum diluluskan oleh JKPH. Kadar sewa dicadangkan ialah RM200 sebulan dan tempoh kuat kuasa mulai bulan November 2008. Berdasarkan cadangan kadar sewa RM200 sebulan, semua 17 penyewa akan tertunggak sewa berjumlah RM10,200 iaitu bagi bulan November 2008 hingga Januari 2009. Surat perjanjian sewaan juga belum disediakan. Mengikut penjelasan Majlis, penyewa belum lagi memulakan perniagaan walaupun menerima surat tawaran pada pertengahan Jun 2008 kerana bekalan air dan elektrik belum lagi siap. Pihak Kerajaan Negeri juga mengarahkan bahagian hadapan gerai ini diubahsuai dengan menyediakan khemah untuk ruang hadapan dan kos ubahsuainya di tanggung oleh Pihak Kerajaan Negeri. Perniagaan sebenar adalah bermula pada awal November 2008. Bangunan gerai medan selera tersebut seperti di **Foto 4.4**.

**Foto 4.4**  
**Gerai Medan Selera Padang Tembak**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 3 Disember 2008  
Lokasi: Gerai Medan Selera Padang Tembak*

**Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan gerai ini tidak memuaskan kerana kadar sewa belum ditetapkan dan perjanjian belum disediakan walaupun penyewa telah memasuki premis melebihi enam bulan.**

- b) **Rumah Kedai Lot 1562 Dan 1563 Kg. Kedai Buluh** - Pada awal tahun 2006 JKPH meluluskan Bangunan Kedai 2 Tingkat di Lot 1562 dan 1563 Kg. Kedai Buluh disewakan kepada Persatuan Wanita dan Armalah Kijang Emas, Pengkalan Chepa. Kadar sewa bulanan bagi tempoh tiga tahun mulai bulan Jun 2006 ialah RM200 sebulan dan selepas tiga tahun kadar sewa dinaikkan kepada RM450 sebulan. Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab menyediakan surat perjanjian dan memungut sewa tersebut.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sewa belum dikutip dan surat perjanjian belum disediakan semenjak Jun 2006 lagi. JKPH juga tidak mengambil tindakan terhadap kegagalan memungut sewa dan tidak menyediakan perjanjian ini. Akibatnya, Majlis tidak menerima hasil sewaan semenjak Jun 2006 hingga Disember 2008 yang berjumlah RM12,400. Tindakan memungut tunggakan ini sukar diambil kerana perjanjian tidak disediakan. Dua unit bangunan kedai tersebut adalah seperti di **Foto 4.5** dan **Foto 4.6**.

**Foto 4.5**  
Rumah Kedai 2 Tingkat Lot 1563 dan 1562  
Di Kedai Buluh



**Foto 4.6**  
Rumah Kedai 2 Tingkat Lot 1562  
Di Kedai Buluh



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 3 Disember 2008

Lokasi: Kompleks Kedai Majlis Kedai Buluh

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan kedai ini tidak memuaskan kerana Bahagian Pengurusan Harta tidak membuat pungutan dan menyediakan perjanjian walaupun penyewa telah mendudukinya hampir tiga tahun.

- c) **Tunggakan Pajakan Pasar Besar Siti Khadijah** - Semakan Audit terhadap rekod pemajak mendapati tunggakan ini disebabkan oleh perkara berikut:
  - i) Syarikat Duty Bound Sdn. Bhd. yang mempunyai tunggakan sejumlah RM0.24 juta telah lewat diambil tindakan oleh Bahagian Pengurusan Harta. Kedudukan semasa tunggakan ini dalam proses tindakan Mahkamah kerana kecuaian pihak bank yang melepaskan jaminan bank tanpa kelulusan Majlis.
  - ii) Syarikat Tegas Adil Sdn. Bhd. pula mempunyai tunggakan sejumlah RM0.20 juta dan tindakan Mahkamah telah diambil. Mahkamah meminta Majlis mengemukakan bukti supaya tindakan kebankrapan dapat dibuat terhadap syarikat ini.

*Mengikut ulasan Majlis tanggungjawab memungut tunggakan pada masa itu adalah di bawah Jabatan Pelesenan dan Yang Dipertua pada masa itu meluluskan rayuan penangguhan bayaran sehingga pemajak telah meninggal dunia.*

Pada pendapat Audit, pengurusan pajakan tingkat bawah pasar ini tidak memuaskan kerana Bahagian Pengurusan Harta gagal mengutip pajakan dalam tahun yang sama.

d) **Pajakan Pasar Wakaf Che Yeh** - Pada tahun 2006 Jawatankuasa Tender telah mengeluarkan tender pajakan pasar ini dan lapan penender telah membuat tawaran tender antara RM69,800 hingga RM78,000 sebulan. Jawatankuasa Tender tidak membuat keputusan memilih atau menolak lapan penender tersebut sebaliknya JKPH meluluskan pajakan kepada Syarikat Sensatimur Sdn. Bhd. yang tidak memasuki tender tetapi merupakan syarikat yang telah membangunkan tapak pasar ini. Kadar pajakan yang diluluskan ialah RM68,000 sebulan mulai bulan Mac 2006 hingga Jun 2006 dan mulai bulan Julai 2006 hingga sekarang kadar pajakan dikurangkan menjadi RM40,000 sebulan kerana berlaku perpindahan ke tapak pasar sementara, yang mana jumlah peniaga telah berkurangan. Tempoh tamat pajakan ini tidak ditetapkan dalam kelulusan tersebut. Mengikut rekod di Bahagian Pengurusan Harta, pada akhir tahun 2008 pemajak masih belum menjelaskan tunggakan pajakan bagi tahun 2008 sejumlah RM0.48 juta. Tunggakan ini sukar dikutip kerana perjanjian pajakan tidak disediakan. Mengikut penjelasan Majlis, pemberian pajakan kepada pemaju ini adalah bagi mematuhi kehendak perjanjian usaha sama yang menyatakan pemaju bertanggung jawab membuat pungutan hasil pasar ini. Bagaimanapun, ia sepatutnya dibuat secara teratur melalui surat perjanjian pajakan.

**Pada pendapat Audit, pemberian pajakan pasar ini kepada pemaju projek yang bukan penender adalah tidak teratur kerana ia menimbulkan persepsi yang tidak baik terutamanya di kalangan penender. Pihak Majlis sepatutnya tidak membuka tender pajakan pasar ini kerana perjanjian usaha sama dengan pemaju yang membangunkan tapak pasar ini telah dimeterai pada 17 Oktober 2005 lagi.**

#### **4.5.3 Penyenggaraan Aset**

##### **a) Penyenggaraan Kenderaan Dan Jentera**

Penyenggaraan kenderaan sejumlah RM0.41 juta dan jentera berjumlah RM59,588 merupakan belanja menyenggara lori kompaktor dan kenderaan lain yang dibuat di bengkel luar. Penyenggaraan terhadap kenderaan yang mengalami kerosakan besar terpaksa dibuat di bengkel luar kerana Bengkel Majlis tidak mempunyai pekerja mahir dan peralatan tidak mencukupi. Kedudukan perjawatan di Bahagian Mekanikal pada 31 Disember 2008 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**  
**Kedudukan Perjawatan Bahagian Mekanikal Pada 31 Disember 2008**

Bil.	Jawatan	Gred	Jawatan Diluluskan	Jawatan Diisi	Kekosongan
1.	Jurutera	J48	1	1	
2.	Jurutera	J41	1		1
3.	Pembantu Teknik	J36	1	1	
4.	Pembantu Teknik	J29	1		1
5.	Juruteknik	J22	1		1
6.	Juruteknik	J17	3	3	
7.	Pembantu Tadbir	N22	1	1	
				4	
8.	Pembantu Tadbir	N17	4	(2 menyandang di jabatan lain)	
9.	Tukang	R22	3	2	1
10.	Pembantu Tadbir	N11	1	1 (menyandang di jabatan lain)	
11.	Tukang	R11	11	10	1
				7	
12.	Pembantu Am Rendah	R6	7	(7 menyandang di jabatan lain)	
13.	Pekerja Rendah Awam Khas	R3	46	26 (20 orang menyandang di jabatan lain)	20
<b>Jumlah</b>		<b>81</b>		<b>56</b>	<b>25</b>

Sumber: Rekod Bahagian Mekanikal Majlis

Kekurangan kakitangan di bahagian ini berlaku kerana 25 perjawatan tidak diisi dan 30 jawatan yang diisi pula telah dipindah ke bahagian lain. Selain itu stok alat ganti tidak mencukupi untuk semua kenderaan dan jentera. Majlis tidak mengambil tindakan yang berkesan untuk mengatasi kekurangan kakitangan dan peralatan ini.

**Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan jentera dan kenderaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan segera perlu diambil untuk mengisi semua perjawatan dan memastikan stok alat ganti mencukupi bagi membolehkan bengkel digunakan sepenuhnya.**

#### 4.5.4 Penyimpanan Aset

##### a) Penyimpanan Meter Letak Kereta

Bahagian Letak Kereta bertanggungjawab menyimpan dan menyenggara meter pada setiap masa supaya dapat diguna apabila diperlukan untuk gantian dan pemasangan di petak baru. Mengikut rekod Bahagian Letak Kereta pada akhir tahun 2008, stok meter masih berbaki sebanyak 576 unit yang disimpan di dalam stor sebagaimana butiran lengkap seperti di **Jadual 4.11**.

<b>Jadual 4.11</b>		
<b>Baki Stok Meter Letak Kereta Di Stor Majlis Tahun 2008</b>		
Bil.	Keadaan Meter dan Tujuan	Bilangan (Unit)
1.	Meter Baru Belum Digunakan	423
2.	Untuk Dibaiki Di Kanada	98
3.	Untuk Gantian Kerosakan	55
	<b>Jumlah</b>	<b>576</b>

Sumber: Rekod Bahagian Letak Kereta Majlis

Bagaimanapun, baki stok meter letak kereta tidak dapat disahkan kerana pemeriksaan fizikal tahunan tidak pernah dibuat oleh Lembaga Pemverifikasi Stok. Kesemua meter ini perlu di periksa untuk mendapat sijil penentuan sah penggunaannya oleh Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Tempoh penentuan sah setiap meter ialah setahun dan meter yang tamat tempoh penentuan sah tidak boleh digunakan. Oleh itu ia perlu disimpan dengan teratur dalam stor bagi memudahkan urusan penyenggaraan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati semua meter ini tidak disimpan dengan teratur kerana ruangan stor tidak mempunyai rak untuk penyimpanan yang lebih tersusun. Manakala stok meter yang rosak dan dalam proses pemberian pula disimpan di luar stor yang bercampur dengan peralatan lain. Keadaan stor tersebut adalah seperti di **Foto 4.7** dan **Foto 4.8**.

**Foto 4.7**  
Stor Tanpa Rak



**Foto 4.8**  
Meter Di Luar Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Disember 2008  
Lokasi: Stor Bahagian Letak Kereta

Lawatan Audit mendapati pihak Majlis telah mengambil tindakan segera menaik taraf stor yang terbuka dengan mengadakan rak khusus untuk menyimpan meter dengan teratur dan peralatan lain telah diasingkan. Keadaan stor pada awal Jun 2009 adalah seperti di **Foto 4.9** dan **Foto 4.10**.

**Foto 4.9**  
**Stor Setelah Dinaik Taraf**



**Foto 4.10**  
**Meter Disimpan Dengan Teratur**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13 Jun 2009

Lokasi: Stor Bahagian Letak Kereta

**Pada pendapat Audit, tindakan pihak Majlis menaik taraf stor dengan menyediakan rak khusus untuk menyimpan meter adalah satu langkah yang sangat baik.**

#### 4.5.5 Pelupusan Aset

JKPH akan menentukan aset yang perlu dilupuskan dan menetapkan kaedah pelupusan tersebut dengan melantik Jawatankuasa Pelupusan. Bagi aset tanah dan bangunan pula, sebelum dijual mesti mendapat kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu. Pada tahun 2006 hingga 2008 sejumlah RM0.67 juta nilai aset telah dilupuskan melalui kaedah sebut harga, tender dan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan. Butiran lengkap seperti di **Jadual 4.12**.

**Jadual 4.12**  
**Aset Dilupuskan Pada Tahun 2006 Hingga 2008**

Bil.	Jenis Aset	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Tanah Lot PT 329, Padang Bongor (Berek 12)	27,661			27,661
2.	Tanah PT 108, Seksyen 19, Jln. Hamzah	82,746			82,746
3.	Tanah PT 338, Seksyen 14, Off Jln. Dusun Muda/Jln. Sultan Yahya			27,980	27,980
4.	Bangunan PT 329, Padang Bongor (Berek 12)	104,259			104,259
5.	Kiosk PT 338, Seksyen 14, Off Jln Dusun Muda/Jln. Sultan Yahya Petra			29,476	29,476
6.	2 Jentera Berat		400,060		400,060
7.	14 Kenderaan (Pemberian Kerajaan Persekutuan)		3,340		3,340
<b>Jumlah</b>		<b>214,666</b>	<b>403,400</b>	<b>57,456</b>	<b>675,522</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis

#### a) Pelupusan Tanah Dan Bangunan

- i) **Jualan Rumah Kedai Lot PT 329, Berek 12** - Pada tahun 2006 JKPH telah meluluskan penjualan satu unit kedai 2 tingkat Lot PT 329, Mukim Padang Bongor melalui tender dengan harga RM0.30 juta dan proses pindah milik telah diluluskan oleh PBN. Majlis telah mendapat keuntungan sejumlah RM0.17 juta hasil penjualan

ini setelah ditolak kos perolehan tanah sejumlah RM27,661 dan bangunan sejumlah RM0.10 juta. Semakan Audit mendapati proses penjualan ini adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

- ii) **Jualan Tanah Lot PT 108, Seksyen 19, Jalan Hamzah** - JKPH telah meluluskan penjualan 4 unit kedai 4 tingkat di atas Lot PT 108, Seksyen 19, Jalan Hamzah untuk dijual secara tender dengan harga sejumlah RM3.45 juta. Bangunan ini telah siap pembinaannya pada awal tahun 2006 dengan kos kontrak sejumlah RM1.71 juta dan kos perolehan tanah sejumlah RM82,746. Hasil penjualan ini Majlis telah mendapat keuntungan sejumlah RM1.65 juta iaitu setelah ditolak semua kos perolehan tanah dan bangunan. Pembeli telah menjelaskan kesemua bayaran pada akhir tahun 2006. Semakan Audit mendapati proses penjualan aset ini mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- iii) **Tanah Yang Diambil Balik Oleh Kerajaan** - Tanah dan kiosk Majlis di Lot 338, Seksyen 14, Jalan Sultan Yahya telah diambil balik oleh kerajaan untuk projek pelebaran jalan bagi pembinaan Jambatan Sultan Yahya Petra Kedua. Nilai pampasan diterima oleh Majlis pada awal tahun 2008 sejumlah RM84,104 dengan ini Majlis mendapat lebihan sejumlah RM26,648 setelah ditolak kos perolehan tanah sejumlah RM27,980 dan kiosk sejumlah RM29,476.

**Pada pendapat Audit, proses penjualan tanah dan bangunan telah dilaksanakan dengan teratur dan Majlis telah mendapat pulangan sejumlah RM1.85 juta.**

**b) Pelupusan Meter Letak Kereta**

Meter yang dipasang di kawasan petak letak kereta adalah tidak terkawal dan terdedah kepada kecurian dan sabotaj oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Bahagian Letak Kereta ada membuat rondaan mengawasi meter tersebut pada waktu bekerja. Bahagian Letak Kereta telah melaporkan kes kehilangan dan kebakaran meter ini kepada JKPH pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati kes kehilangan dan kebakaran semenjak tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak 53 unit meter melibatkan kos sejumlah RM87,080 telah dibuat laporan kehilangan. Bagaimanapun, tindakan melupuskannya dalam rekod dan penyata kewangan belum dibuat. Bilangan meter tersebut seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Kedudukan Bilangan Dan Kos Perolehan Meter Yang Terbakar Dan Hilang**

Tahun	Kes Disebabkan Oleh	Bil. Unit Meter	Jumlah Kos Perolehan Setiap Satu (RM)	Jumlah Kos Terlibat (RM)
2006	Kecurian Sebagaimana Dilaporkan Kepada Polis	2	1,100 hingga 1,245	4,690
2007	Kebakaran Bangunan Berhampiran	19	1,650	31,350
2007	Kecurian Sebagaimana Dilaporkan Kepada Polis	2	1,650	3,300
2008	Kebakaran Bangunan Berhampiran	19	1,650	31,350
2008	Kecurian Sebagaimana Dilaporkan Kepada Polis	11	1,245 hingga 1,915	16,390
<b>Jumlah</b>		<b>53</b>		<b>87,080</b>

Sumber: Rekod Bahagian Letak Kereta Majlis

**Pada pendapat Audit, tindakan melupuskan meter hendaklah dibuat dengan segera oleh Jawatankuasa berkenaan.**

#### 4.6 PEMANTAUAN

**4.6.1** Kaedah pemantauan aset adalah melalui pemeriksaan fizikal dan mesyuarat bulanan oleh JKPH dan Jawatankuasa yang dilantik olehnya. Perkara yang dilaporkan dan diputuskan dalam mesyuarat tersebut hendaklah diambil tindakan segera oleh Jabatan atau Bahagian berkenaan. Semakan Audit mendapati kaedah pemantauan yang dibuat adalah tidak berkesan kerana lawatan fizikal tidak dibuat oleh JKPH terhadap perkara berbangkit seperti berikut:

- a) Pembinaan bangunan Pasar Pauh Panji di atas tanah milik.
- b) Sewa rumah kedai di Kedai Buluh tidak dikutip semenjak tiga tahun.
- c) Gerai Medan Selera di Padang Tembak belum ditetapkan sewa dan belum dikutip walaupun penyewa telah memulakan perniagaan pada November 2008.

**4.6.2** Semakan Audit terhadap 880 fail atau 40.4% daripada 2,179 fail penyewa di Bahagian Pengurusan Harta mendapati sebanyak 683 penyewa tidak disediakan surat perjanjian dan 146 penyewa perjanjian tamat tempoh dan tidak diperbaharui. Bagaimanapun, perkara ini tidak dilaporkan kepada JKPH supaya tindakan selanjutnya dapat diambil kerana tanpa perjanjian tindakan memungut tunggakan tidak dapat dilakukan dengan berkesan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aset Majlis masih kurang memuaskan kerana Jawatankuasa dan Jabatan di bawahnya tidak mengambil tindakan segera terhadap keputusan yang dibuat oleh JKPH.**

#### **4.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan aset Majlis adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti kelewatian mengutip sewa bangunan hampir tiga tahun, kadar sewa belum ditetapkan selepas enam bulan peniaga memasuki premis, pembinaan bangunan di atas tanah milik, pajakan tidak dipungut dalam tahun semasa dan perjanjian sewa tidak disediakan. Bagi mengatasi kelemahan tersebut adalah disyorkan Majlis melalui JKPH mengambil tindakan segera seperti berikut:

- a) Memantau dengan lebih berkesan terhadap keputusan yang dibuat dengan cara mendapat maklum balas segera daripada jawatankuasa, Jabatan dan Bahagian serta membuat lawatan fizikal secara berkala.
- b) Jawatankuasa perlu memantau Bahagian Pengurusan Harta yang menguruskan pajakan dan sewaan supaya sentiasa mengemas kini rekod dan mengambil tindakan mengutip sewa dalam tahun semasa supaya tidak berlaku tunggakan.
- c) Sebelum projek usaha sama dijalankan, kajian terperinci perlu dibuat dari segi kehendak pasaran, keuntungan kepada Majlis, lokasi dan jenis projek untuk memastikan projek tersebut berjaya.
- d) Mengambil tindakan segera untuk menamatkan perjanjian usaha sama jika pemaju gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
- e) Pemilihan pemaju untuk menjalankan projek usaha sama perlu diteliti dalam semua aspek terutamanya modal pusingan bagi memastikan projek tidak terbengkalai serta objektif usaha sama tercapai.
- f) Memastikan status tanah atau hak milik yang sah sebelum sesuatu projek dimulakan.
- g) Menyediakan surat perjanjian dengan segera terhadap semua penyewa dan pemajak.

## AIR KELANTAN SDN. BHD. (AKSB)

### 5. PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM

#### 5.1 LATAR BELAKANG

**5.1.1** Bekalan air yang bersih dan berkualiti sangat penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum. Air yang bersih dan berkualiti dinilai dari segi ciri-ciri fizikal, kimia, biologi dan radioaktif. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan kualiti air minum yang dibekalkan oleh pengusaha air hendaklah mematuhi Standard Kualiti Air Minuman Kebangsaan (*The National Standard For Drinking Water Quality*). Mulai awal Januari 2008, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah dikuatkuasakan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi mengawal selia dan memantau industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia. Di bawah penstrukturuan baru, bidang kawal selia air dibahagikan kepada dua bahagian iaitu punca bekalan air mentah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, manakala daripada loji rawatan air sehingga kepada pengguna adalah di bawah bidang kuasa SPAN.

**5.1.2** Pada akhir Disember 1995, Jabatan Air Negeri Kelantan (JANK) telah ditubuhkan. Pengurusan bekalan air di Negeri Kelantan telah diswastakan kepada syarikat konsesi mulai tahun 1995. Pada bulan Mac 1999 pula pengurusannya diambil alih oleh Perbadanan Menteri Besar dan satu syarikat konsesi yang baru telah ditubuhkan iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Pada tahun 2005, terdapat 34 buah loji air milik Aksb yang beroperasi dengan keupayaan pengeluaran air bersih sebanyak 241 juta liter sehari (jlh). Pada akhir tahun 2008, bilangan loji yang beroperasi adalah sebanyak 31 buah setelah 3 loji ditutup dan bekalan air kepada rangkaian loji terlibat telah diambil alih oleh loji yang dinaik taraf pengeluarannya. Di Negeri Kelantan, seramai 843,105 orang atau 62% mendapat bekalan air yang dirawat oleh Aksb. Sumber air mentah yang dibekalkan kepada loji Aksb terbahagi kepada dua punca iaitu air sungai dan air telaga tiub. Loji yang mendapat sumber air mentah daripada sungai ialah loji di Jajahan Tanah Merah, Jeli, Gua Musang, Pasir Puteh, Pasir Mas dan Kuala Krai manakala loji yang memperolehi sumber air mentah daripada telaga tiub ialah loji air di Jajahan Kota Bharu, Tumpat dan Bachok.

#### 5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kualiti air minum telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh KKM untuk memastikan air minum yang dibekalkan adalah selamat dan boleh diterima oleh pengguna.

#### 5.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap program ini adalah bagi tempoh 3 tahun iaitu dari 2006 hingga 2008 meliputi kualiti air yang dibekal, pengambilan/pengujian sampel, pemeriksaan

terhadap stesen pensampelan, pewartaan kawasan, analisis keputusan sampel, menyemak punca pelanggaran parameter dan soal selidik berkaitan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna. 3 buah Loji Rawatan Air (LRA) dipilih untuk dikaji dan dilawati iaitu LRA Pintu Geng, Bukit Remah dan Aring. Agensi yang terlibat untuk semakan rekod ialah AKSB, KKM/Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), SPAN, Jabatan Alam Sekitar (JAS), JANK dan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan turut terlibat secara tidak langsung dalam pengauditan ini.

#### 5.4 KAEDEH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen Laporan Tahunan Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) serta Laporan Ujian Kualiti Air. Selain itu, temubual dengan pegawai terlibat serta lawatan tapak ke LRA yang dipilih telah dibuat. Pemeriksaan fizikal oleh pegawai Jabatan Audit Negara bersama pihak KKM dan AKSB telah dijalankan di LRA dan di rangkaian yang dipilih bermula dari sumber air, proses rawatan dan agihan air kepada pengguna. Pihak Audit juga menyemak punca berlakunya pelanggaran parameter terhadap kualiti air seperti akibat kegagalan proses rawatan, kerosakan *filter* tidak dibaiki, kerja pemberian paip pecah tidak mematuhi peraturan, paip tidak dicuci/*flushing* dan tangki imbangan tidak dicuci serta kawalan keselamatan kawasan tahanan, muka sauk dan loji. Di samping itu, borang soal selidik diedarkan kepada pengguna di rangkaian yang terlibat bagi mengenal pasti tahap kepuasan pengguna terhadap kualiti air yang dibekalkan.

##### 5.4.1 Kriteria Pemilihan


Pihak Audit telah memilih tiga LRA sebagai sampel dan kriteria pemilihan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Kriteria Pemilihan**

Bil.	LRA/ Kapasiti/Daerah	Operator/ Tahun Dibina/ Punca Air	Kriteria Pemilihan
1.	Pintu Geng (Fasa II/ 7.85 jlh/Kota Bharu)	AKSB/1990/ Bawah Tanah (Telaga Tiub)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Punca air bawah tanah melalui telaga tiub.</li> <li>Isu pencemaran dibangkitkan NGO.</li> <li>Bekalan air bersih tidak mencukupi.</li> <li><i>Filter</i> rosak tidak dibaiki.</li> <li>Tiada kemudahan rawatan <i>sludge</i>.</li> <li>Pernah dibangkitkan dalam Laporan Audit yang lalu.</li> </ul>
2.	Bukit Remah/27.8 jlh/Tanah Merah	AKSB/1984/ Sg. Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Loji terbesar di Jajahan Tanah Merah.</li> <li>Loji terletak di atas bukit dan air terawat disalurkan ke tangki agihan secara graviti.</li> <li><i>Filter</i> rosak tidak dibaiki.</li> <li>Tiada kemudahan rawatan <i>sludge</i>.</li> <li>Isu pencemaran dan pernah dibangkitkan dalam Laporan Audit yang lalu.</li> </ul>
3.	Aring/1.8 jlh/ Gua Musang	AKSB/1990/ Sg. Aring/Lebir	<ul style="list-style-type: none"> <li>Loji terletak di Tanah Rancangan Felda.</li> <li>Kedudukan loji jauh di pedalaman.</li> <li>Kemudahan stesen pensampelan tidak disediakan.</li> </ul>

Lokasi kedudukan LRA yang dipilih adalah seperti **Peta 5.1**.

**Peta 5.1**  
**Lokasi Loji Rawatan Air Yang Terpilih**



Sumber: Laman Web Kerajaan Negeri Kelantan

## 5.5 PENEMUAN AUDIT

### 5.5.1 Pewartaan Kawasan Tadahan Air, Sungai, Muka Sauk, Telaga Dan Loji

Pewartaan terhadap kawasan tadahan air, muka sauk, medan telaga dan loji rawatan air adalah perlu diambil tindakan segera oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menentukan sebarang pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dapat diambil tindakan sewajarnya. Tatacara pewartaan ini telah diperuntukkan dalam Akta Perhutanan Negara 1984, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Bekalan Air 1995. Tindakan Kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan tadahan air, muka sauk, medan telaga dan loji rawatan air adalah sebagaimana berikut:

#### a) Pewartaan Kawasan Tadahan Air

Kawasan tadahan air adalah satu kawasan hutan yang berfungsi mengawal larian air permukaan yang berlebihan dan berkeupayaan untuk menakung air. Oleh itu, kawasan tadahan air perlu diwartakan sebagai kawasan Hutan Tadahan Air. Tujuan pewartaan ini ialah untuk memberi jaminan pemegangan (*security of tenure*) yang membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan mengurus dan mentadbir kawasan hutan secara berkekalan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984. Mengikut rekod, Pihak Berkuasa Negeri telah mewartakan kawasan Hutan Simpanan Kekal seluas 35,898 hektar pada Januari 2008 sebagai Hutan Tadahan Air di bawah Seksyen 10(1), Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985. Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Pewartaan Kawasan Hutan Tadahan Air**

Bil.	Jajahan	Hutan Simpanan Kekal	Keluasan (Hektar)
1.	Kelantan Barat	Gunung Basor	23,521
2.	Kelantan Barat	Gunung Stong Utara	1,128
3.	Kelantan Barat	Jeli	717
4.	Kelantan Barat	Jedok	657
5.	Kelantan Barat	Bukit Akar	210
6.	Kelantan Selatan	Batu Papan	2,709
7.	Kelantan Selatan	Limau Kasturi	253
8.	Kelantan Timur	Cabang Tongkat	4,814
9.	Kelantan Timur	Sungai Rek	1,707
10.	Kelantan Timur	Ulu Temiang	182
<b>Jumlah</b>			<b>35,898</b>

*Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan*

Pada pendapat Audit, tindakan Kerajaan Negeri mewartakan kawasan Hutan Simpanan Kekal sebagai Hutan Tadahan Air adalah baik. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan oleh pihak berwajib dapat dilaksanakan sewajarnya di kawasan tersebut bagi menjamin kawasan tadahan air terpelihara.

**b) Pewartaan Kawasan Sungai, Muka Sauk, Telaga Dan Loji Air**

Mengikut Seksyen 3, Enakmen Bekalan Air 1995, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui warta mengisytiharkan tasik, sungai atau terusan menjadi suatu kawasan tadahan untuk kolam air atau pengambilan bekalan air untuk tujuan penjagaan atau perlindungan. Cadangan pewartaan kawasan medan telaga dan sungai serta loji rawatan air hanya dikemukakan oleh JANK pada pertengahan Julai 2007 kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit di Pejabat UPEN pada awal Oktober 2008 mendapati tindakan lanjut belum diambil. Mengikut rekod terkini di JANK, cadangan pewartaan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada pertengahan Januari 2009 tetapi tindakan pewartaan belum dibuat. Kegagalan mewartakan segera kawasan muka sauk, medan telaga serta LRA sebagai kawasan larangan menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sewajarnya. **Pihak Audit pernah membuat teguran mengenai perkara ini dalam Laporan Audit Tahun 2004.**

*Pihak UPEN menyatakan kawasan muka sauk, medan telaga serta LRA masih dalam proses pewartaan dan kelewatan berlaku kerana ianya melibatkan kos yang tinggi bagi kerja ukur serta masalah had sempadan kawasan tadahan yang tidak jelas dan berbeza dengan tafsiran oleh pihak KKM dan JANK. Pihak JANK pula memaklumkan bahawa tiada garis panduan yang jelas bagi mewartakan kawasan tadahan air.*

Pada pendapat Audit, proses mewartakan kawasan sungai,muka sauk, medan telaga dan loji adalah tidak memuaskan. Kawasan yang dicadangkan itu masih belum diwartakan sehingga kini. Tindakan segera perlu diambil bagi mewartakan kawasan sungai, muka sauk dan medan telaga serta kawasan LRA supaya penguatkuasaan

dan pemantauan dapat dilaksanakan sewajarnya oleh Pengarah Air Negeri sebagaimana diperuntukkan di Seksyen 5, Enakmen Bekalan Air 1995.

#### **5.5.2 Kaedah Kawal Selia Kawasan Tadahan Air**

Kerajaan Negeri hanya mempunyai kuasa untuk membuat dan melaksanakan undang-undang serta peraturan berhubung dengan sumber air mentah sahaja. JANK memaklumkan bahawa tiada kaedah dan peraturan baru diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengawal selia kawasan tadahan, sungai, tasik atau terusan untuk pengambilan air mentah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Enakmen Bekalan Air 1995. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Audit mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mendapatkan contoh garis panduan dari negeri yang telah menguatkuasakan kawal selia terhadap kawasan tadahan yang diwartakan seperti Pulau Pinang dan Sarawak.

**Pada pendapat Audit, Pihak Berkuasa Negeri sepatutnya mengambil tindakan segera menyediakan kaedah dan peraturan baru bagi melaksanakan tindakan kawal selia dan pemantauan terhadap kawasan tadahan air kerana sumber air mentah adalah merupakan aset penting yang boleh menjana pendapatan baru kepada Kerajaan Negeri dan membuat pindaan terhadap Enakmen Bekalan Air 1995.**

#### **5.5.3 Caj Bekalan Air Mentah**

JANK telah mengemukakan kertas cadangan caj bekalan air mentah terhadap AKSB kepada pihak UPEN pada bulan November 2008 untuk pertimbangan MMK. Kadar caj yang dicadangkan ialah satu sen/meter padu bagi penggunaan bekalan air awam dan 5 sen/meter padu bagi penggunaan bekalan air komersial. Bagaimanapun, pengeluaran lesen dan caj terhadap air sungai oleh AKSB tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan khusus mengenainya dalam Enakmen Bekalan Air 1995. JANK melalui suratnya bertarikh 17 Disember 2008 memaklumkan bahawa perkara ini telah pun diambil kira dalam pindaan Enakmen yang sedang digubal. Pihak Audit mendapati, MMK pada pertengahan Januari 2009 telah meluluskan cadangan di atas dan JANK melalui surat bertarikh 9 April 2009 telah mengemukakan cadangan caj tersebut kepada pihak UPEN untuk tindakan selanjutnya. Sehingga kini, belum ada pewartaan yang dibuat mengenai caj air mentah terhadap AKSB.

**Pada pendapat Audit, Pihak Berkuasa Negeri sepatutnya mengambil tindakan segera terhadap pindaan enakmen supaya kadar caj bekalan air mentah dapat dikuatkuasakan.**

#### **5.5.4 Kualiti Air**

##### **a) Kualiti Air Mentah**

Sumber air mentah boleh diperolehi daripada air sungai, tasik, kolam, empangan atau sumber air bawah tanah. Sumber air mentah yang berkualiti hendaklah bebas dari pencemaran sama ada secara semula jadi atau kerana aktiviti harian di kawasan sumber air mentah. Kualiti air mentah sebagaimana Julat Indeks Kualiti Air (IKAN) yang ditetapkan oleh JAS adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Indeks Kualiti Air Mentah (IKAN)**

Kelas	Julat IKAN	Kegunaan/Klasifikasi	Kategori/Status
I	>92.7	Persekutuan semulajadi ( <i>natural environment</i> ), sesuai untuk semua hidupan akuatik, bekalan air tanpa perlu sebarang rawatan.	Sangat Bersih
II	76.5 – 92.7	Bekalan air dengan rawatan konvensional, rekreasi termasuk mandi manda, perikanan dan minuman ternakan.	Bersih
III	51.9 – 76.5	Bekalan air dengan rawatan intensif rekreasi biasa, perikanan dan minuman ternakan.	Sederhana Bersih
IV	31.0 – 51.9	Sesuai untuk pengairan pertanian.	Tercemar
V	<31.0	Selain dari kegunaan-kegunaan di atas.	Sangat Tercemar

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan

Mengikut rekod JAS Negeri Kelantan, sumber air mentah Sungai Kelantan dan Sungai Aring/Lebir pada tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Bacaan Indeks Julat IKAN Sungai Kelantan Dan Sungai Aring/Lebir**  
**Bagi Tempoh 2006 Hingga 2008**

Loji Rawatan Air	Tahun	Sumber Air	Indeks Kualiti Air	Kelas	Status
Bukit Remah	2006	Sungai Kelantan	88	II	Bersih
	2007	Sungai Kelantan	74	III	Sederhana Bersih
	2008	Sungai Kelantan	84	II	Bersih
Aring	2006	Sungai Aring/Lebir	94	II	Sangat Bersih
	2007	Sungai Aring/Lebir	86	II	Bersih
	2008	Sungai Aring/Lebir	78	II	Bersih

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan

Nota: LRA Pintu Geng mengambil sumber air mentah daripada telaga tiub

Berdasarkan maklumat di atas menunjukkan bahawa berlaku penurunan kualiti air mentah dari sumber Sungai Aring/Lebir iaitu bacaan indeks dari 94 pada tahun 2006 kepada indeks 78 pada tahun 2008. Bagi Sungai Kelantan, berlaku penurunan kualiti air pada tahun 2007 iaitu bacaan indeks dari 88 pada tahun 2006 kepada indeks 74 pada tahun berkenaan. Temu bual pihak Audit dengan Pegawai Kawalan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kelantan menyatakan faktor yang menyebabkan penurunan indeks ialah aktiviti kerja tanah untuk pertanian dan pembalakan di hulu sungai terutama kawasan tадahan air. Selain itu, terdapat juga aktiviti pengorekan pasir di sepanjang Sungai Kelantan seperti di **Foto 5.1**.

**Foto 5.1**  
**Aktiviti Menyedut Pasir Di Hulu Muka Sauk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Februari 2009  
Lokasi: Sungai Kelantan

LRA Bukit Remah mendapat bekalan air mentah daripada Sungai Kelantan dan LRA Aring daripada Sungai Aring/Lebir. Semakan Audit mendapati kira-kira 1 km di hulu muka sauk rumah pam LRA Bukit Remah terdapat kegiatan menyedut pasir yang juga menjadi punca air sungai keruh dan tumpahan minyak diesel daripada pam penyedut pasir berkenaan. Mengikut rekod JANK, pencemaran air mentah pernah berlaku di loji ini pada pertengahan Februari 2007 iaitu tumpahan minyak dari pam penyedut pasir. Tindakan segera diambil oleh pihak AKSB dengan menutup loji sementara waktu dan memasang pelampung getah bagi menghalang minyak dari memasuki muka sauk dan laporan dibuat kepada Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah dan Jabatan Alam Sekitar.

**Pada pendapat Audit, indeks kualiti air mentah adalah baik dan masih terkawal. Bagaimanapun, jika aktiviti perlombongan pasir dan tumpahan minyak tidak dikawal akan memberi kesan yang lebih buruk kepada kualiti air mentah pada masa hadapan.**

**b) Program Meningkatkan Kualiti Air**

KKM telah merangka satu program yang dikenali sebagai Kawalan Mutu Air Minum bagi memastikan kualiti air minum yang dibekalkan kepada orang awam oleh pihak berkuasa air adalah selamat, mematuhi piawaian air kebangsaan dan mengesan kemungkinan berlakunya penyakit bawaan air. Agensi lain yang terlibat dengan program ini ialah Jabatan Kimia yang akan menjalankan ujian kandungan kimia dalam air yang dirawat dan JAS pula berfungsi menjalankan pemeriksaan dan ujian terhadap air mentah serta membuat pengawasan dan pemantauan terhadap kualiti air sungai dan air bawah tanah. Peranan Jabatan Perhutanan adalah mewartakan kawasan tadahan air di kawasan Hutan Simpanan Kekal sebagai kawasan Hutan Tadahan Air manakala Jabatan Air Negeri pula mewartakan kawasan sungai, muka sauk dan medan telaga serta LRA sebagai kawasan larangan.

Di bawah program Kawalan Mutu Air Minum, KKM bertindak sebagai pemantau kualiti air akan mengambil contoh air dari paip khas di stesen pensampelan yang disediakan oleh pihak AKSB dan juga di LRA di seluruh negeri. Mengikut rekod KKM, di Negeri Kelantan terdapat sebanyak 257 stesen pensampelan telah disediakan untuk tujuan ini dan terdapat sebanyak 31 LRA yang beroperasi serta mempunyai kemudahan makmal bagi ujian terhadap kualiti air mentah dan air yang dirawat. Sampel air yang diambil oleh KKM dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian kandungan bakteria dan bahan kimia dalam air yang diproses. Jabatan Kimia akan mengemukakan keputusan ujian tersebut kepada KKM dalam tempoh 2 minggu. Laporan ujian tersebut dikemukakan kepada JANK untuk diserahkan kepada AKSB supaya diambil tindakan sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, program yang dibuat bagi meningkatkan kualiti air adalah baik.**

**c) Analisis Kualiti Air Mentah**

Pengambilan sampel air mentah dibuat di muka sauk atau LRA oleh KKM dan kakitangan loji bagi menguji sama ada kualiti air mentah mematuhi piawaian yang ditetapkan. **Jadual 5.5** adalah analisis terhadap kualiti air mentah di Negeri Kelantan bagi tahun 2006 hingga 2008 oleh Unit KMAM, KKM bagi parameter Kumpulan I sehingga Kumpulan III.

**Jadual 5.5**  
**Analisis Kualiti Air Mentah Di Negeri Kelantan Bagi Tahun 2006 Hingga 2008**

Bil.	Parameter	Nilai Yang Boleh Diterima	2006			2007			2008		
			A	B	C (%)	A	B	C (%)	A	B	C (%)
<b>Kumpulan I</b>											
1.	Total Coliform	5,000MPN/100ml	1,167	300	25.7	1,162	272	23.4	1,210	311	25.7
2.	F. Coliform	5,000MPN/100ml	1,167	113	9.7	1,162	94	8.1	1,210	126	10.4
3.	pH	Low-5.5	1,167	13	1.1	1,162	19	1.6	1,223	5	0.4
4.	pH	High-9.0	1,167	1	0.1	1,162	2	0.2	1,223	37	3.0
5.	Kekeruhan	1000 NTU	1,167	0	0.0	1,162	0	0.0	1,223	1	0.1
6.	Warna	300TCU	725	1	0.1	1,162	1	0.1	747	94	12.6
<b>Kumpulan II</b>											
7.	Iron (Fe)	0.3mg/l	286	111	38.8	302	95	31.5	274	36	13.1
8.	Aluminium	0.2 mg/l	287	107	37.3	302	99	32.8	272	0	0.0
9.	Ammonia (NH <sub>4</sub> )	0.5mg/l	266	14	5.3	302	18	6.0	274	4	1.5
10.	Chemical Oxygen Demand (COD)	10 mg/l	260	112	43.1	296	107	36.1	244	64	26.2
11.	Manganese (Mn)	0.2mg/l	287	13	4.5	302	19	6.3	270	11	4.1
12.	Biological Oxygen Demand (BOD)	6mg/l	260	7	2.7	296	3	1.0	242	2	0.8
13.	Nitrate (NO <sub>3</sub> )	10mg/l	285	0	0.0	302	1	0.3	269	1	0.4
<b>Kumpulan III</b>											
14.	Mercury	0.001mg/l	111	0	0.0	119	0	0.0	107	0	0.0
15.	Cadmium	0.005mg/l	111	0	0.0	118	3	2.5	107	1	0.9
16.	Arsenic	0.05mg/l	111	0	0.0	118	0	0.0	107	5	4.7
17.	Lead	0.1mg/l	114	0	0.0	117	0	0.0	107	0	0.0
18.	Chromium	0.5mg/l	111	0	0.0	117	0	0.0	107	0	0.0

Sumber: Unit Kejuruteraan Kesihatan, JKN Kelantan

Petunjuk: A - Bilangan Sampel; B - Bilangan Pelanggaran Sampel; C - Peratus Pelanggaran Sampel

Berdasarkan Laporan Tahunan Program KMAM, Negeri Kelantan, semakan Audit mendapati secara keseluruhannya kualiti air mentah pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan kualiti berbanding tahun 2006 dan 2007. Bagaimanapun, peratus pelanggaran sampel yang sama masih wujud iaitu bagi parameter *Total Coliform*, *Iron (Fe)* dan *Chemical Oxygen Demand (COD)* yang disebabkan oleh kegiatan penerokaan tanah yang tidak terkawal dan aktiviti perlombongan pasir berdekatan dengan muka sauk.

Mengikut Laporan Analisis Kualiti Air Mentah oleh Jabatan Kimia bagi bulan Ogos 2008 pula melaporkan dari 95 sampel yang dianalisis didapati sebanyak 38 sampel atau 40% melanggar piawaian parameter *Total Coliform* manakala bagi parameter *COD* dan *Iron (Fe)*, peratus pelanggaran masing-masing sebanyak 31.6% dan 12.5% berdasarkan sampel yang dianalisis oleh Jabatan berkenaan. Manakala mengikut KMAM pada tahun 2008, peratus pelanggaran sampel telah menurun kecuali bagi parameter *Total Coliform* sedikit meningkat berbanding tahun 2007. Walau bagaimanapun, *trend* kualiti air dari tahun 2006 sehingga 2008 adalah memuaskan kerana ada peningkatan kualiti.

**Pada pendapat Audit, kualiti air mentah secara keseluruhannya masih kurang memuaskan. Kualiti air mentah dapat ditingkatkan sekiranya pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti yang menyumbang kepada penurunan kualiti air mentah ditingkatkan.**

#### **5.5.5 Loji Rawatan Air (LRA)**

##### **a) Loji Tidak Memproses/Merawat Air Sewajarnya**

Pihak Audit mendapati LRA Pintu Geng dan Bukit Remah tidak memproses dan merawat air untuk dibekalkan kepada pengguna dengan sewajarnya. LRA Pintu Geng yang terletak 6 km dari Bandar Kota Bharu pada asalnya berkemampuan memproses air sebanyak 16.85 jlh tetapi keupayaannya dikurangkan kepada 7.85 jlh kerana pam air yang lama tidak berfungsi dan bekalan air mentah dari telaga tiub juga tidak mencukupi kerana hanya 10 daripada 13 telaga yang beroperasi. Pihak AKSB telah mengambil tindakan mengepam air mentah dari enam buah telaga iaitu telaga no. 2, 3, 4, 5, 7 dan 8 terus kepada tangki air bersih tanpa melalui proses pengudaraan dan flokulasi seperti di **Foto 5.2.**

**Foto 5.2**  
**Air Mentah Dipam Terus Kepada**  
**Tangki Air Bersih Tanpa Proses Rawatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25 November 2008  
Lokasi: Loji Rawatan Air Pintu Geng

Selain itu, pihak Audit mendapati proses penyambungan paip ini menyebabkan lubang tangki imbangan air bersih terdedah kepada pencemaran kerana sentiasa terbuka bagi membolehkan paip air dari telaga yang dipam terus kepada tangki imbangan ini digunakan seperti di **Foto 5.2**. Pihak AKSB memaklumkan bahawa masalah di LRA ini akan diambil tindakan semasa kerja naik taraf loji ini dan permohonan peruntukan sejumlah RM54 juta akan diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah Air Kelantan pada pertengahan Mei 2009 iaitu di bawah bajet Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB).

Manakala LRA Bukit Remah yang terletak kira-kira 2 km dari Bandar Tanah Merah terpaksa memproses air melebihi kemampuan loji bagi memenuhi keperluan pengguna. Pada tahun 2008, LRA ini telah memproses bekalan air dengan jumlah anggaran pengeluaran 27.29 jlh sehingga 45.77 jlh berbanding dengan reka bentuk asal berkapasiti 27.8 jlh. Ini menyebabkan proses flokulasi tidak sempurna di loji ini kerana pergerakan air dari tangki flok ke tangki lovo agak laju akibat dari pertambahan jumlah air yang dipam dan menyebabkan flok yang terbentuk tidak sempat mendap dalam tangki *lovo* dan akhirnya memasuki tangki *filter*. Flok tersebut seterusnya memasuki tangki imbangan air kerana tidak ditapis disebabkan *filter* rosak dan ini akan membahayakan kesihatan pengguna. **Foto 5.3** dan **Foto 5.4** menunjukkan operator loji terpaksa membuang flok yang terapung dalam tangki *filter* semasa lawatan Audit pada pertengahan Oktober 2008 dan Disember 2008.

**Foto 5.3**

**Operator Sedang Membuang Flok**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 20 Oktober 2008

Lokasi: Loji Rawatan Air Bukit Remah

**Foto 5.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 22 Disember 2008

Lokasi: Loji Rawatan Air Bukit Remah

Lawatan Audit selanjutnya pada pertengahan Januari 2009 mendapati flok yang terbentuk dan tidak sempat mendap dalam tangki lovo dan akhirnya memasuki tangki filter masih berlaku. Pihak AKSB memaklumkan proses menaik taraf loji ini telah diluluskan dengan kos berjumlah RM15 juta bermula pada Oktober 2008 dan dijangka siap pada Oktober 2009. Bagaimanapun, kemajuan kerja menaik taraf adalah tidak memuaskan dan kedudukan pada akhir April 2009 hanya mencapai 15.9% siap berbanding mengikut program sepatutnya telah mencapai kemajuan sebanyak 25.1%.

Manakala LRA Aring hanya beroperasi selama 10 jam sehari kerana bilangan penduduk di kawasan ini tidak ramai dan hanya seorang operator yang ditugaskan di sini. Kedudukan LRA ini jauh di pedalaman iaitu kira-kira 57 km daripada Bandar Gua Musang dan pada asalnya dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi membekalkan air bersih kepada penduduk di tanah rancangan Felda Aring dengan kemampuan 95,000 liter sejam. Mengikut laporan AKSB bagi tahun 2008, terdapat kekerapan pelanggaran parameter kekeruhan dan warna di loji ini. Daripada 16 kali ujian yang dijalankan oleh pihak AKSB pada tahun berkenaan sebanyak 11 kali pelanggaran kekeruhan berlaku manakala 7 kali pelanggaran parameter warna.

**Pada pendapat Audit, proses rawatan air di loji yang dilawati adalah tidak memuaskan kerana air mentah tidak dirawat sepenuhnya di LRA Pintu Geng dan Bukit Remah disebabkan bekalan air bersih tidak mencukupi untuk diagihkan kepada pengguna. Manakala di LRA Aring walaupun bekalan air yang dirawat melebihi keperluan penduduk tetapi kualiti air yang dirawat masih tidak memuaskan. Tindakan AKSB menaik taraf loji terlibat diharap akan dapat mengatasi masalah di loji berkenaan.**

#### b) Rekod Ujian Balang/Jar Test

Di setiap loji, sebuah makmal dengan kelengkapan alat ujian disediakan bagi keperluan operator menjalankan ujian terhadap air mentah dan air yang dirawat oleh loji berkenaan. Semakan Audit mendapati ujian kekeruhan, warna, pH dan baki klorin ada

dijalankan dan direkodkan oleh operator loji. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati ujian balang/jar test tidak dapat ditentukan kerana rekod ujian yang dijalankan tidak disediakan. Mengikut ulasan AKSB, LRA Bukit Remah tidak perlu melakukan ujian balang kerana Streaming Current Analyser dipasang di loji berkenaan. Selain itu, dari lawatan Audit ke LRA Pintu Geng mendapati keadaan makmal kurang memuaskan kerana sebahagian kabinet dalam makmal telah rosak dimakan anai-anai seperti di

**Foto 5.5.**

**Foto 5.5**  
**Kabinet Makmal Yang Rosak Dimakan Anai-Anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25 November 2008  
Lokasi: Makmal di LRA Pintu Geng

**c) Kolam Khas/Sludge Lagoon**

Bahan buangan ini diklasifikasikan sebagai sisa bahan berjadual dan perlu dilupuskan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh JAS. Pihak Audit mendapati kesemua loji tidak mempunyai kolam khas atau *sludge lagoon* bagi air buangan kotoran/pencucian tangki, *lovo* dan *filter*. Operator loji memaklumkan bahawa air buangan daripada loji dialirkan terus ke longkang tanpa dirawat terlebih dahulu.

**Pada pendapat Audit, kaedah pembuangan air kotoran/cucian tangki, *lovo* dan *filter* yang terhasil daripada proses rawatan air adalah tidak memuaskan.**

**d) Tangki Penapis Loji**

Semakan Audit mendapati kesemua 4 buah tangki penapis di LRA Pintu Geng dan 2 buah kolam penapis di LRA Bukit Remah tidak berfungsi/rosak sejak sekian lama dan tindakan pemberian tidak dibuat sejak AKSB mengambil alih loji tersebut. Antara punca tidak dibaiki ialah AKSB tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan proses rawatan air tidak dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang ditetapkan dan menyebabkan air yang dibekalkan kepada pengguna tidak menepati piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Temu bual dengan operator loji mendapati pencucian terhadap tangki/petak penapis di LRA Bukit Remah terpaksa dibuat setiap minggu kerana penapis tidak berfungsi/rosak dan pasir terpaksa dibuang bagi

mengelakkan memasuki tangki imbangan air bersih. Ini menunjukkan bahawa, air yang dirawat di loji ini tidak melalui proses penapisan sebelum dihantar kepada tangki imbangan. Keadaan petak penapis semasa proses pencucian oleh operator AKSB dan pasir penapis yang dibuang daripada petak berkenaan adalah seperti di **Foto 5.6** dan **Foto 5.7**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Disember 2008  
Lokasi: Petak Filter LRA Bukit Remah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Disember 2008  
Lokasi: Hadapan Kuarters LRA Bukit Remah

Pada pendapat Audit, pembaikan terhadap kerosakan peralatan di loji seperti *filter nozzle* tidak diberi keutamaan oleh AKSB kerana kos pembaikan yang besar dan masalah kewangan. Bagaimanapun, 2 loji ini telah diberi keutamaan oleh pihak AKSB untuk dinaik taraf melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Negeri dan akan dilaksanakan pada tahun 2009 bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti air serta untuk memenuhi permintaan pengguna yang semakin bertambah.

#### e) Keselamatan Kawasan Loji Dan Muka Sauk/Medan Telaga

Keselamatan kawasan loji dan muka sauk hendaklah berada dalam keadaan yang memuaskan, selamat dari pencerobohan dan tidak terdedah kepada pencemaran yang boleh menjelaskan kualiti air. Tahap keselamatan kawasan loji dan muka sauk/medan telaga yang tidak memuaskan boleh mengakibatkan pencerobohan, perbuatan khianat dan juga *vandalisme*. Bagaimanapun, sehingga tarikh kajian ini dijalankan kesemua kawasan loji dan muka sauk/medan telaga belum diwartakan sebagai kawasan larangan.

Pihak Audit mendapati tiada papan tanda kawasan larangan diletakkan pada pagar yang disediakan bagi 5 buah medan telaga yang berada di luar kawasan LRA Pintu Geng. Manakala muka sauk bagi LRA Bukit Remah terletak kira-kira 2 km dari loji dan muka sauk LRA Aring yang terletak kira-kira 1 km dari loji ada disediakan pagar tetapi tidak menyeluruh sehingga ke tebing sungai dan ianya boleh dimasuki penceroboh.

Mengikut rekod, rumah pam di muka sauk LRA Bukit Remah telah dua kali dimasuki pencuri dan kali terakhir pada bulan November 2008. Kedudukan rumah pam ini yang agak tersorok, ketiadaan pengawal keselamatan di waktu malam dan *spot light* tidak berfungsi memudahkan bagi pencuri dan penceroboh memasuki kawasan muka sauk serta menjadi laluan kepada pemancing. Keadaan pagar yang dipotong oleh pencuri adalah seperti di **Foto 5.8**.

**Foto 5.8**  
**Pagar Dipotong Pencuri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Disember 2008  
Lokasi: Rumah Pam/Muka Sauk Loji Rawatan Air Bukit Remah

Selain kawasan muka sauk tidak dipagar sepenuhnya, kedudukan alur muka sauk tidak bertutup bagi LRA Bukit Remah menyebabkan sampah sarap memasuki alur muka sauk tersebut dan dipam naik ke loji apabila air sungai naik melepas tebing. Perkara ini terjadi semasa musim banjir dan diakui berlaku oleh operator rumah pam loji berkenaan. Keadaan muka sauk yang tidak dipagar sepenuhnya dan alur muka sauk tidak bertutup di rumah pam LRA Bukit Remah adalah seperti di **Foto 5.9** dan **Foto 5.10**. Pihak AKSB telah mengenal pasti perkara ini dan keperluan tersebut telah dimasukkan dalam skop kerja naik taraf loji terlibat.

**Foto 5.9**  
Alur Muka Sauk Tidak Bertutup



**Foto 5.10**  
Muka Sauk Tidak Dipagar Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 18 Februari 2009

Lokasi: Muka Sauk Sebelah Kanan LRA Bukit Remah

Muka sauk bagi LRA Aring walaupun pagar keselamatan disediakan tetapi tidak menyeluruh sehingga ke tebing sungai dan beberapa bahagian pagar telah rosak dan kawasan sekitar muka sauk terbiar dengan semak samun. Di kawasan muka sauk ini tiada papan tanda disediakan sebagai kawasan larangan dan tiada kemudahan lampu untuk kegunaan di waktu malam. Keadaan muka sauk LRA Aring adalah seperti di **Foto 5.11** dan kedudukannya yang agak jauh dari loji serta jalan masuk yang tidak sempurna menyukarkan pihak operator loji untuk ke muka sauk terutama sewaktu musim hujan.

**Foto 5.11**  
Muka Sauk LRA Aring, Gua Musang



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 8 September 2008

Lokasi: Sungai Aring/Lebir

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan di kawasan muka sauk adalah tidak memuaskan kerana pagar keselamatan tidak menyeluruh dan sebahagiannya telah rosak serta tiada papan tanda kawasan larangan disediakan. Kawasan muka sauk serta sekitarnya hendaklah sentiasa dibersihkan dari semak samun dan pagar

keselamatan yang rosak serta lampu perlu dibaiki segera bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**f) Bahagian Kawalan Mutu Air (Makmal Pusat AKSB)**

Bagi memastikan kualiti air yang dirawat mematuhi Standard Kualiti Air Minum Kebangsaan (*The National Standard For Drinking Water Quality*), AKSB telah menubuhkan Bahagian Kawalan Mutu Air yang bertanggungjawab terhadap kawalan mutu air iaitu di Makmal Pusat AKSB di LRA Kg. Putih, Kota Bharu. Semakan Audit mendapati makmal ini diketuai oleh Pengurus Kualiti dan dibantu oleh seorang Ahli Kimia yang berkelayakan. Jenis ujian yang dijalankan oleh Makmal Pusat AKSB adalah seperti di **Jadual 5.6**.


**Jadual 5.6**  
**Jenis Ujian Yang Jalankan Oleh Makmal Pusat AKSB**

Bil.	Jenis Ujian Yang Dijalankan	
1.	Fizikal	pH, Kekeruhan, Baki Klorin dan Warna
2.	Bakteria	<i>Total Coliform</i> dan <i>E.Coli</i>
3.	Kimia	Keliatan, Kealkalian, Ammonia, Nitrat, Sulfat, Aluminium, Besi, Mangan, Fluorida dan Klorida
4.	Logam Berat	Kuprum, Kadmium, Plumbum, Nickel, Zink, Kromium, Arsenik dan <i>Mercury</i>

Sumber: Rekod Makmal Pusat AKSB

Semakan Audit mendapati makmal ini ada menyediakan rancangan tahunan bagi ujian dan pengambilan sampel air. Ujian fizikal iaitu pH, kekeruhan, *Total Dissolved Solid* (TDS) dan baki klorin dijalankan di stesen pensampelan. Manakala bagi lain-lain ujian, contoh air akan diambil dan dimasukkan ke dalam bekas plastik khas yang dilabelkan untuk dibuat ujian di Makmal Pusat pada keesokan harinya. Keadaan di makmal ini adalah seperti di **Foto 5.12** dan **Foto 5.13**.

**Foto 5.12**  
**Makmal Pusat AKSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13 Januari 2009

Lokasi: Makmal Pusat LRA Kg. Putih

**Foto 5.13**  
**Tempat Penyimpanan Bekas Sampel Air**



### 5.5.6 Prosedur Dan Protokol Pensampelan

Prosedur atau protokol pensampelan hendaklah disediakan dengan lengkap, kemas kini serta mudah difahami sebagai garis panduan kepada kakitangan dalam menjalankan pensampelan. Semakan Audit mendapati Unit KMAM menggunakan Manual Program

KMAM yang menerangkan dengan terperinci kaedah dan prosedur pensampelan. Kikitangan AKSB juga mengguna pakai prosedur pensampelan *The National Guidelines for Drinking Water Quality*, KKM dan *WHO Guidelines on Drinking Water Quality* serta *The Water Supply Regulations 1989*.

**Pada pendapat Audit, prosedur dan protokol pensampelan bagi AKSB adalah baik kerana menerima pakai semua manual atau prosedur khusus sebagai rujukan dalam menjalankan pensampelan.**

#### 5.5.7 Peralatan Yang Digunakan

Peralatan yang digunakan untuk menjalankan ujian pensampelan hendaklah berada dalam keadaan baik, mencukupi, terkini dan diuruskan dengan baik dari segi penyelenggaraan dan kalibrasinya. Peralatan yang digunakan bagi ujian parameter kualiti air di makmal LRA dan Makmal Pusat AKSB adalah seperti di **Jadual 5.7** dan **Foto 5.14** serta **Foto 5.15**.

**Jadual 5.7**  
**Senarai Peralatan Pengujian Kualiti Air Bagi LRA**

Bil.	Parameter Diuji	LRA Pintu Geng		LRA Bukit Remah		LRA Aring	
		Peralatan	Jenama	Peralatan	Jenama	Peralatan	Jenama
1.	pH	Test kit pH	HACH	Test kit pH	HACH	Test kit pH	HACH
2.	Kekeruhan	2100P	HACH	2100P	HACH	2100P	HACH
3.	Klorin	CN 66	HACH	Pocket Colorimeter	HACH	Pocket Colorimeter	HACH
4.	Warna	Test kit colour	HACH	Test kit colour	HACH	Test kit colour	HACH
5.	Aluminium/ Florida	Lovibond	HACH	Lovibond	HACH	Lovibond	HACH
6.	E-Coli, Total Coliform	-	-	-	-	-	-

Sumber: Rekod AKSB

**Foto 5.14**  
**Peralatan Test Kit Yang Digunakan Di Makmal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 22 Disember 2009  
Lokasi: LRA Bukit Remah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 13 Januari 2009  
Lokasi: Makmal Pusat LRA Kg. Putih

Semakan Audit ke makmal LRA mendapati ianya dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi dan terkini untuk menjalankan ujian parameter kualiti air. Peralatan tersebut telah direkodkan dalam daftar di Makmal Pusat AKSB dan penyelenggaraannya telah direkodkan dengan kemas kini dalam daftar tersebut.

**Pada pendapat Audit, peralatan yang digunakan adalah baik kerana mampu menguji tahap kualiti air.**

**a) Kalibrasi Peralatan**

Setiap peralatan ujian perlu dikalibrasi berdasarkan tempoh atau jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan peralatan berada dalam keadaan baik semasa digunakan. Kalibrasi peralatan di makmal loji dilakukan secara *in-house* atau dihantar ke Agensi luar. Semakan Audit mendapati, perlaksanaan kalibrasi peralatan makmal mengikuti jadual yang ditetapkan. Semua peralatan telah dikalibrasi secara dalaman, manakala kalibrasi luaran dibuat oleh pembekal berkenaan. Laporan kalibrasi bagi semua peralatan yang digunakan untuk ujian difaillkan bersama sijil kalibrasi. Selain itu, label maklumat kalibrasi terkini dilekatkan pada peralatan tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kalibrasi peralatan makmal LRA adalah baik.**

**5.5.8 Penggunaan Fluorida**

Pemfluoridaan merupakan satu daripada piawaian mutu air minum yang ditetapkan oleh KKM bagi meningkatkan taraf kesihatan gigi pengguna. Pihak AKSB memaklumkan bahawa hanya 2 daripada 28 buah LRA di Negeri Kelantan iaitu LRA Kelar dan Merbau Chondong yang menggunakan fluorida dalam proses rawatan air. Bagaimanapun, mengikut rekod pihak KKM hanya LRA Kelar yang ada menjalankan proses fluoridasi terhadap rawatan air secara konsisten. Pihak KKM menyatakan bahawa apabila LRA yang diuruskan oleh kerajaan telah diswastakan, semua kos bagi program fluoridasi adalah tanggungjawab pihak syarikat rawatan air yang terbabit dan pihak KKM tidak lagi menyalurkan peruntukan bagi tujuan tersebut. Mengikut rekod KKM hanya 5 daripada 28 LRA milik AKSB yang mempunyai peralatan *dosing* fluorida iaitu LRA Kelar, Merbau Chondong, Chicha, Kampung Puteh dan Pahi.

**Pada pendapat Audit, penggunaan fluorida di LRA Negeri Kelantan adalah tidak memuaskan kerana hanya 1 daripada 28 LRA yang menggunakan fluorida dalam rawatan air. Program fluoridasi hendaklah dilaksanakan di semua loji bagi memenuhi piawaian KKM kerana ia adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan gigi penduduk.**

**5.5.9 Tangki/Kolam Imbangan Dan Perkhidmatan**

Penyenggaraan tangki imbangan adalah tanggungjawab Agensi Bekalan Air bagi memastikan kualiti air yang disimpan sebelum diagihkan kepada pengguna adalah bersih dan selamat digunakan. Di Negeri Kelantan, tangki imbangan diselia dan di senggara oleh AKSB. Tangki imbangan perlu dicuci secara berkala bagi memastikan kualiti air yang dirawat sentiasa terjamin dan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM. Jumlah bilangan tangki imbangan dan tangki perkhidmatan milik AKSB berjumlah 139 buah dan berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) setiap tangki akan dicuci enam bulan

sekali. Semakan Audit terhadap tangki imbangan dan tangki perkhidmatan di LRA yang dilawati mendapat perkara berikut:

**a) Keselamatan Kawasan Kolam/Tangki Air**

Semakan Audit mendapat kawasan tangki imbangan di LRA Pintu Geng, Bukit Remah dan Aring adalah memuaskan dan papan tanda kawasan larangan ada dipamerkan. Bagaimanapun, keadaan tangki imbangan di LRA Pintu Geng kurang memuaskan kerana lubang tangki imbangan air bersih terdedah kepada pencemaran kerana lubang tangki sentiasa terbuka bagi menyalurkan paip manakala *air vent* tangki imbangan LRA Bukit Remah telah lama rosak dan perlu diganti seperti di **Foto 5.16** dan **Foto 5.17**. Pihak AKSB memaklumkan bahawa keselamatan tangki air telah di ambil kira dalam kerja-kerja menaik taraf loji berkenaan.

**Foto 5.16**

**Keadaan Air Vent Yang Rosak**



**Foto 5.17**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 15 Januari 2009

Lokasi: Tangki Imbangan LRA Bukit Remah

**b) Pemeriksaan Dan Cucian Tangki**

Lawatan Audit terhadap LRA Pintu Geng pada akhir November 2008 mendapat tangki air imbangan dan tangki air perkhidmatan ini tidak dicuci sejak sekian lama. Temu bual dengan operator loji dimaklumkan bahawa pencucian terhadap tangki ini kali terakhir dibuat pada tahun 2000 tetapi tiada rekod cucian disediakan. Oleh itu, tarikh sebenar tangki imbangan dicuci tidak dapat ditentukan. Pemeriksaan Audit terhadap tangki air agihan mendapati *scour valve* bagi tujuan mengalirkan keluar air cucian tangki ini sudah pun reput dan tidak boleh digunakan lagi seperti di **Foto 5.18**.

**Foto 5.18**  
**Alat Pembuka Valve Tangki Air Imbangan Reput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25 November 2008  
Lokasi: Tangki Imbangan LRA Pintu Geng

Bagi tangki air agihan di LRA ini, operator loji memaklumkan bahawa valve bagi mengalirkan keluar air cucian juga tidak dapat digunakan. Ini menunjukkan bahawa tangki imbangan dan tangki agihan tidak dicuci sejak sekian lama dan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Makmal Pusat AKSB mengenai air terawat bagi tahun 2008, didapati sebanyak 45 kali pelanggaran kekeruhan iaitu melebihi 2 NTU seperti yang ditetapkan oleh AKSB bagi loji ini dan 12 kali pelanggaran warna berlaku daripada 46 sampel yang diambil dari loji tersebut.

Lawatan Audit terhadap LRA Bukit Remah pada pertengahan Januari 2009 juga mendapati tangki air imbangan tidak dicuci sejak sekian lama. Temu bual dengan operator di loji ini dimaklumkan bahawa pencucian terhadap tangki imbangan kali terakhir dibuat pada tahun 2004 tetapi tiada rekod cucian disediakan. Pemeriksaan Audit terhadap salah satu tangki di LRA ini mendapati keadaan di dalam tangki berkenaan sangat kotor di mana dinding tangki berlumpur dan terdapat longgokan pasir di dasar tangki. Keadaan dalam tangki imbangan di LRA Bukit Remah semasa lawatan Audit seperti di **Foto 5.19** dan **Foto 5.20**.



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 15 Januari 2009  
Lokasi: Dalam Tangki Imbangan LRA Bukit Remah*

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Makmal Pusat AKSB mengenai air terawat bagi tahun 2008, didapati sebanyak 33 kali pelanggaran kekeruhan dan 20 kali pelanggaran warna berlaku daripada 46 sampel yang diambil dari loji ini. Pihak AKSB dalam jawapannya menyatakan cucian terhadap tangki imbangan LRA Pintu Geng dan Bukit Remah akan dibuat apabila kerja naik taraf terhadap loji berkenaan selesai dilaksanakan.

Pemeriksaan Audit di LRA Aring pada awal September 2008 juga mendapati tangki air imbangan tidak dicuci sejak sekian lama. Mengikut rekod AKSB Jajahan Kuala Krai, cucian terakhir yang dibuat terhadap tangki imbangan ini adalah pada akhir November 2006. Pihak AKSB memaklumkan akan mencuci tangki imbangan di loji ini pada bulan Jun 2009. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Makmal Pusat AKSB mengenai air terawat bagi tahun 2008, didapati sebanyak 11 kali pelanggaran Kekeruhan dan 7 kali pelanggaran Warna berlaku daripada 16 sampel yang diambil di loji ini.

**Pada pendapat Audit, kebersihan tangki imbangan adalah tidak memuaskan. Pihak AKSB perlu memantau bagi menentukan semua tangki imbangan dicuci dan *flushing* sewajarnya sebagaimana jadual yang ditetapkan. Pelanggaran parameter yang berlaku menunjukkan bahawa kualiti air yang dirawat masih tidak memuaskan.**

#### **5.5.10 Paip Agihan**

Paip agihan berfungsi menyalurkan bekalan air daripada tangki perkhidmatan ke paip retikulasi. Paip retikulasi adalah paip rangkaian yang menyalurkan bekalan air ke paip komunikasi termasuk untuk pili bomba. Jumlah keseluruhan panjang paip agihan sehingga akhir tahun 2008 bagi seluruh Negeri Kelantan adalah sepanjang 4,711 km. Semakan Audit terhadap program pencucian, penyenggaraan dan *flushing* paip agihan mendapati perkara berikut:

### a) Program Pencucian Paip

Pihak Audit mendapati program pencucian/*flushing* terhadap paip agihan tidak dibuat mengikut jadual dan pelaksanaan kerja tidak direkodkan dengan kemas kini. pencucian/*flushing* paip ini hanya dibuat apabila terdapat aduan kekeruhan diterima daripada pengguna. Lawatan Audit bersama pegawai dan kakitangan AKSB dan pihak KKM untuk ujian *flushing* terhadap rangkaian bekalan air dari LRA Pintu Geng pada pertengahan Januari 2009 mendapati kadar kekeruhan adalah melebihi parameter yang ditetapkan. Kerja ujian *flushing* di pili Bomba di Jajahan Kota Bharu semasa lawatan Audit adalah seperti di **Foto 5.21** dan **Foto 5.22**.

**Foto 5.21**  
Ujian *Flushing* Di Jajahan Kota Bharu  
Semasa Valve Mula Dibuka



**Foto 5.22**  
Ujian *Flushing* Di Jajahan Kota Bharu  
Selepas 10 Minit Valve Dibuka



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 14 Januari 2009

Lokasi: Pili Bomba, Jalan Puteri Sa'dong, Kota Bharu

Ujian *flushing* terhadap rangkaian bekalan air dari LRA Bukit Remah pada pertengahan Disember 2008 iaitu di pili Bomba berhampiran bengkel Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan, Tanah Merah juga sama seperti yang berlaku di Jajahan Kota Bharu. Keadaan kekeruhan air yang keluar semasa ujian tersebut adalah seperti di **Foto 5.23** dan **Foto 5.24**.

**Foto 5.23**  
Ujian *Flushing* Di Jajahan Tanah Merah



**Foto 5.24**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 21 Disember 2008

Lokasi: Pili Bomba, Bersebelahan Bengkel SKMK Tanah Merah

Selain itu, lawatan Audit ke *end point valve* Kg. Pasir Sat Hilir, Tanah Merah bersama kakitangan AKSB mendapati kedudukannya sukar dikesan kerana terlalu lama tidak disenggarakan. Setelah pencarian dilakukan akhirnya ia ditemui berada berhampiran pokok salak seperti di **Foto 5.25** dan **Foto 5.26**. Pihak AKSB mengakui perkara ini kerana program *flushing* tidak dilakukan secara berjadual, bergantung kepada aduan dari pengguna dan laporan kualiti dari Unit Makmal jika berlaku perlanggaran parameter.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 22 Disember 2008

Lokasi: Kedudukan *End Point* di Kg. Pasir Sat Hilir, Tanah Merah

Pada pendapat Audit, kerja pencucian/*flushing* adalah tidak memuaskan kerana pihak AKSB tidak memberi keutamaan terhadap program tersebut dan rekod pencucian tidak disediakan dengan teratur. Pencucian paip agihan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan menyebabkan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM. AKSB perlu memantau kerja penyenggaraan paip terutama kerja pencucian/*flushing* paip dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan dan bukan dibuat apabila ada aduan kekeruhan air diterima daripada pengguna. Selain itu, satu daftar khas perlu disediakan bagi merekodkan kerja yang telah dilakukan dan maklumat yang perlu dikemas kini ialah lokasi paip agihan yang perlu dicuci/*flushing*, jumlah panjang paip yang telah dicuci dan kaedah pencucian dijalankan.

#### b) Pembaikan Kebocoran Paip Agihan

Bagi kerja pembaikan dan penggantian paip, pihak AKSB ada menyediakan manual kerja operasi/SOP dan ianya diuruskan oleh Unit Penyelenggaraan yang bertanggungjawab membaiki semua kerosakan paip agihan, perhubungan pengguna, paip utama, injap udara dan injap sambungan. Kerja pembaikan kebocoran paip dilaksanakan secara dalaman atau kontrak.

Semakan Audit terhadap SOP yang disediakan mendapati ianya tidak lengkap menyebabkan kerja pembaikan paip tidak dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur kualiti air. Lawatan Audit ke tapak pembaikan mendapati air tidak dipam keluar semasa

kerja pembaikan dilakukan seperti di **Foto 5.27**. Keadaan ini menyebabkan tahap kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna terjejas dari segi parameter kekeruhan dan kebersihan. Pihak AKSB perlu memantau kerja pembaikan dan mengemas kini SOP supaya tindakan pemantauan dapat dilaksanakan sewajarnya.

**Foto 5.27**  
Kerja Pembaikan Paip Agihan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28 September 2008  
Lokasi: Taman Sentosa Pemuda, Kota Bharu

#### 5.5.11 Stesen Pensampelan

Stesen pensampelan yang mencukupi perlu disediakan untuk pengambilan sampel bagi ujian terhadap air mentah dan air yang dirawat oleh pihak AKSB dan KKM di setiap Jajahan/Daerah. Mengikut piawaian KKM, bagi setiap 2,000 penduduk satu stesen pensampelan perlu disediakan untuk pengambilan sampel air. Di Negeri Kelantan, terdapat 2 jenis stesen pensampelan iaitu model lama berbentuk empat segi dan model baru berbentuk silinder seperti di **Foto 5.28** dan **Foto 5.29**.

**Foto 5.28**  
Jenis Reka Bentuk Stesen Pensampelan  
Model Lama- Empat Segi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 21 Disember 2008  
Lokasi: Depan Sek. Keb. Gual Ipoh, Tanah Merah

**Foto 5.29**  
Model Baru -Silinder



Mengikut laporan KKM, banyak stesen pensampelan model lama telah uzur dan rosak serta tidak dapat digunakan. Jika berdasarkan jumlah penduduk di negeri ini yang melebihi 1.6 juta orang, sebanyak 800 buah stesen pensampelan perlu disediakan oleh pihak AKSB. Mengikut rekod KKM hanya terdapat 257 buah stesen pensampelan yang digunakan untuk ujian kualiti air. Dari jumlah tersebut, sebanyak 142 stesen pensampelan adalah tidak sempurna, uzur dan rosak. Akibat dari kekurangan/kerosakan stesen pensampelan menyebabkan sampel air terpaksa diambil dari paip biasa di rumah pengguna, rumah pam, klinik dan masjid. Status stesen pensampelan bagi setiap Jajahan/Daerah di Negeri Kelantan pada tahun 2008 mengikut rekod KKM adalah seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8**  
**Status Stesen Pensampelan Air (SPA) Di Negeri Kelantan Pada Tahun 2008**

Daerah	Bilangan SPA	SPA Rosak/Uzur	SPA Tiada Air	SPA Tidak Mengikut Spesifikasi/Di Tepi Jalan	Tiada SPA	Perlu Pembinaan Baru/Ditukar/Penggantian
Kota Bharu	46	1	2		18	21
Kuala Krai	24	23				23
Machang	19	12	1	3		16
Bachok	14	14				14
Pasir Puteh	17	5			2	7
Pasir Mas	18	5			3	8
Tanah Merah	35	22	1			23
Gua Musang	38	38			2	40
Tumpat	19	8	4			12
Jeli	27	4	2			6
<b>Jumlah</b>	<b>257</b>	<b>132</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>25</b>	<b>170</b>

Sumber: Unit Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pihak Audit mendapati peruntukan yang dikhaskan bagi pembinaan SPA sejumlah RM50,000 setahun tidak digunakan sepenuhnya. Perbelanjaan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah RM4,641 dan RM7,952. Ini menunjukkan bahawa pihak AKSB kurang memberi perhatian dalam pembinaan SPA bagi memudahkan pihak KKM melakukan pengambilan sampel dengan lebih sempurna mengikut piawaian yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, stesen pensampelan yang disediakan adalah tidak memuaskan iaitu tidak memenuhi kehendak KKM. Pihak AKSB perlu mengambil tindakan segera bagi memenuhi keperluan pihak KKM untuk mengambil sampel air supaya air yang dirawat selamat digunakan dan bebas daripada pencemaran. Kekurangan stesen pensampelan menyebabkan ujian menyeluruh tidak dapat dilaksanakan dan mutu kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna tidak memuaskan.**

#### **5.5.12 Quality Assurance Programme (QAP)**

Keputusan ujian pensampelan air mestilah mematuhi parameter yang telah ditetapkan oleh KKM berdasarkan QAP seperti di **Jadual 5.9**. Semakan Audit terhadap Laporan Tahunan KKM mendapati perkara berikut:

Jadual 5.9 Piawaian Yang Ditetapkan Berdasarkan QAP	
Parameter	Pelanggaran
Baki Klorin	Kurang Dari 2.8%
E.Coli	Kurang Dari 0.5%
Baki Klorin Dan E.Coli	Kurang Dari 0.3%
Kekeruhan	Kurang Dari 3.2%
Aluminium	Kurang Dari 10.2%

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

### a) Pelanggaran Parameter

Air yang dirawat dan dibekalkan kepada pengguna sepatutnya mematuhi parameter yang ditetapkan oleh KKM. Mengikut Laporan Tahunan KKM, berlaku pelanggaran parameter yang ditetapkan dalam QAP seperti kekeruhan, baki klorin dan aluminium tidak dipatuhi. Pelanggaran parameter baki klorin adalah disebabkan kerosakan *chlorinator* yang tidak dibaiki dengan segera. Bagi pelanggaran parameter kekeruhan dan aluminium adalah disebabkan kadar permintaan air yang tinggi berbanding kapasiti loji yang terhad dan ujian balang tidak dilakukan sewajarnya. Masalah rangkaian paip air yang sudah terlalu lama juga menjadi penyebab berlakunya pelanggaran parameter kekeruhan terhadap air yang dirawat. Peratus pelanggaran QAP mengikut Jajahan/Daerah pada tahun 2006 dan 2007 mengikut Jajahan di Negeri Kelantan adalah seperti di **Jadual 5.10**. Bagi mengatasi masalah yang berterusan terutama bagi pelanggaran parameter aluminium dan klorin, pihak AKSB bercadang untuk memasang *Streaming Current Analyzer* terhadap loji yang terlibat seperti yang dilaporkan oleh pihak KKM.

Jadual 5.10  
Peratus Pelanggaran QAP Negeri Kelantan Bagi Tahun 2006 Hingga 2007

Daerah	Baki Klorin (QAP<2.8%)		E.Coli (QAP<0.5%)		Baki Klorin & E.Coli (QAP<0.3%)		Kekeruhan (QAP<3.2%)		Aluminium (QAP<10.2%)	
	2006 (%)	2007 (%)	2006 (%)	2007 (%)	2006 (%)	2007 (%)	2006 (%)	2007 (%)	2006 (%)	2007 (%)
Kota Bharu	8.6	5.6	0.0	0.3	0.0	0.3	0.8	9.9	22.1	13.1
Kuala Krai	15.6	13.8	0.5	0.0	0.5	0.0	6.1	5.3	11.0	20.0
Machang	0.6	0.6	0.3	0.0	0.3	0.0	0.0	0.3	3.2	0.0
Bachok	1.8	0.4	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	4.1	21.4	28.3
Pasir Puteh	4.8	8.4	1.0	0.9	1.0	0.9	3.8	4.6	8.5	3.9
Pasir Mas	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	2.2	0.0
Tanah Merah	5.1	7.8	0.5	0.5	0.0	0.3	11.9	14.9	36.6	58.8
Gua Musang	2.2	2.2	0.8	0.9	0.2	0.0	11.3	29.5	36.6	33.2
Tumpat	1.2	0.9	0.0	0.3	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Jeli	10.8	4.7	1.6	0.5	1.6	0.5	20.7	8.1	5.5	5.2
<b>Kelantan</b>	<b>6.1</b>	<b>5.2</b>	<b>0.6</b>	<b>0.4</b>	<b>0.4</b>	<b>0.2</b>	<b>7.2</b>	<b>10.6</b>	<b>17.1</b>	<b>19.0</b>

Sumber: Laporan KKM Bagi Tahun 2006 dan 2007

Lawatan Audit ke LRA Pintu Geng, Kota Bharu mendapati sumber air mentah di diperolehi daripada telaga/bawah tanah dan proses rawatan pula tidak sempurna menyebabkan air yang dibekalkan kepada pengguna tidak menepati standard yang ditetapkan oleh KKM. **Pelanggaran terhadap parameter kandungan ferum, baki klorin dan kekeruhan dalam air yang dirawat adalah tinggi.** Mengikut laporan AKSB pada tahun 2008, pelanggaran parameter kekeruhan, warna dan baki klorin hasil

ujian yang dijalankan sebulan sekali untuk rangkaian bekalan air dari loji ini adalah seperti di **Jadual 5.11**.

**Jadual 5.11**  
**Kekerapan Pelanggaran Parameter**

Bil/Lokasi	Kekerapan Pelanggaran Parameter		
	Kekeruhan <5 NTU (Kali)	Warna <15 TCU (Kali)	Klorin >0.2 ppm (Kali)
Kg. Pendek	2	4	5
Lundang Paku	9	7	2

Sumber: AKSB Tahun 2008

Mengikut laporan KKM pula, pada tahun 2007 peratus pelanggaran *ferum* terhadap air terawat bagi Jajahan Kota Bharu adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 37.6% manakala pada tahun 2006 pelanggaran sebanyak 48.8%. Mengikut rekod ujian makmal di loji ini mendapati berlaku pelanggaran yang amat ketara bagi parameter *ferum* iaitu melebihi 0.3 mg/l. Sebagai contoh, pada bulan Februari 2009, sebanyak 20 kali/hari ujian yang dilakukan mendapati kandungan *ferum* dalam air dirawat antara 1.5 hingga 1.8 mg/l pada setiap hari manakala piawaian yang ditetapkan oleh KKM ialah tidak melebihi 0.3 mg/l.

Ujian bersama antara AKSB dan KKM di LRA Bukit Remah, Tanah Merah pada pertengahan November 2008 mendapati kadar kekeruhan air yang dirawat di loji mengikut alat ujian AKSB ialah 13.8 NTU manakala mengikut alat KKM ialah 14.5 NTU. Berdasarkan rekod ujian harian yang dilakukan oleh operator di makmal loji mendapati pelanggaran parameter kekeruhan kerap berlaku di loji ini. Semakan Audit selanjutnya di LRA Aring, Gua Musang mendapati pelanggaran parameter kekeruhan dan warna terhadap air yang dirawat di loji ini adalah tinggi iaitu melebihi parameter yang ditetapkan. Mengikut laporan AKSB bagi tahun 2008, kekerapan pelanggaran parameter kekeruhan dan warna daripada 16 kali ujian yang dijalankan mendapati berlaku 11 kali pelanggaran kekeruhan manakala tujuh kali pelanggaran parameter warna. Pelanggaran parameter kekeruhan adalah antara 5.73 NTU hingga 287.0 NTU manakala pelanggaran parameter warna adalah antara 20 TCU hingga 250 TCU.

Keadaan ini dapat ditunjukkan sebagaimana hasil daripada ujian bersama oleh AKSB, KKM dan disertai oleh pihak Audit mendapati kadar kekeruhan semakin meningkat apabila air terawat dari loji diagihkan kepada pengguna. Sebagai contoh, keputusan kekeruhan yang dicatat oleh alat ujian AKSB di LRA Pintu Geng pada pertengahan Januari 2009 ialah 1.63 NTU tetapi setelah diagihkan kepada pengguna bacaan kadar kekeruhan telah meningkat kepada 2.09 NTU semasa ujian di Klinik Bidan Kg. Pendek. Keadaan yang sama berlaku semasa ujian bersama AKSB dan KKM pada awal November 2008 di LRA Bukit Remah. Kadar kekeruhan yang dicatat oleh alat ujian AKSB di LRA Bukit Remah pada tarikh tersebut ialah 9.36 NTU tetapi setelah diagihkan kepada pengguna bacaan kadar kekeruhan telah meningkat kepada 19.00 NTU semasa ujian di premis di Gual Ipoh, Tanah Merah.

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan terhadap parameter yang ditetapkan oleh KKM adalah tidak memuaskan. Pembaikan terhadap tangki penapis dan *chlorinator* hendaklah dilakukan dengan segera dan program penggantian rangkaian paip agihan yang terlalu lama dan uzur perlu disegearkan.

#### b) Pelanggaran Parameter KKM

Berdasarkan laporan pihak AKSB bagi tempoh 2006 hingga 2008, pelanggaran parameter kekeruhan dan warna yang dilaporkan bagi tiga buah loji yang dipilih untuk di Audit iaitu LRA Pintu Geng, Kota Bharu, Bukit Remah, Tanah Merah dan Aring, Gua Musang adalah seperti di **Jadual 5.12** dan **Jadual 5.13**.

**Jadual 5.12**  
**Pelanggaran Parameter Kekeruhan**

Bil.	LRA	Kekerapan Pelanggaran Berlaku			Catatan Parameter Kekeruhan (<5 NTU)]
		2006 (Kali)	2007 (Kali)	2008 (Kali)	
1.	Pintu Geng (Sumber air bawah tanah)	7	38	45	Tidak melebihi 2 NTU seperti standard parameter yang ditetapkan oleh AKSB. Bacaan antara 2.02 NTU hingga 10.30 NTU
2.	Bukit Remah	31	22	32	Bacaan antara 5.11 NTU hingga 257.0 NTU
3.	Aring	Tiada rekod	2	11	Bacaan antara 5.56 NTU hingga 33.90 NTU

Sumber: Laporan Bulanan AKSB

**Jadual 5.13**  
**Pelanggaran Parameter Warna**

Bil.	LRA	Pelanggaran Berlaku			Catatan Parameter Warna (TCU)
		2006 (Kali)	2007 (Kali)	2008 (Kali)	
1.	Pintu Geng	Tiada kes	7	11	Bacaan antara 20 TCU hingga 150 TCU
2.	Bukit Remah	19	9	53	Bacaan antara 20 TCU hingga 350 TCU
3.	Aring	1	2	Tiada rekod	Bacaan antara 30 TCU hingga 60 TCU

Sumber: Laporan Bulanan AKSB

Antara faktor berlaku pelanggaran parameter yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i) Kerosakan penapis di loji tidak dibaiki segera.
- ii) Peralatan ujian balang yang dibekalkan kepada loji tidak digunakan.
- iii) Proses rawatan tidak sempurna di LRA Pintu Geng dan Bukit Remah kerana permintaan air bertambah.
- iv) Kebanyakan rangkaian paip air agihan sudah terlalu lama iaitu berusia melebihi 30 tahun dan tidak diganti kerana melibatkan kos yang tinggi.

Satu kajian kebersihan yang dijalankan oleh pihak KKM pada tahun 2007 terhadap 7 buah loji mendapati LRA Bukit Remah berisiko tinggi manakala 3 loji lagi berisiko sederhana. Manakala mengikut laporan SPAN, status kualiti air terawat hasil daripada sampel yang dibuat ujian pada tahun 2008 mendapati berlaku pelanggaran parameter seperti di **Jadual 5.14**.

**Jadual 5.14**  
**Kedudukan Kualiti Air Terawat Hasil Ujian Oleh SPAN**  
**Pada Tahun 2008**

Bil.	Parameter	Jumlah Sampel	Bilangan Pelanggaran	Pelanggaran (%)
1.	Kekeruhan	100	19	19
2.	Besi/Ferum	75	11	15
3.	Warna	41	3	7
4.	Baki Klorin	100	7	7
5.	pH	96	4	4

Sumber: SPAN Wilayah Timur

Pada pendapat Audit, pihak AKSB perlu meningkatkan tahap kualiti air yang dirawat bagi mencapai piawaian QAP yang ditetapkan. Kesan daripada kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna tidak menepati piawaian yang ditetapkan akan menjelaskan kesihatan pengguna.

#### 5.5.13 Pensampelan Bersama Terhadap Kualiti Air

##### a) LRA Pintu Geng Pada 13 Januari 2009

Keputusan ujian sampel terhadap air yang dirawat di loji ini adalah seperti di **Jadual 5.15**.

**Jadual 5.15**  
**Keputusan Ujian LRA Pintu Geng**

Jenis Ujian	Mengikut Alat Ujian AKSB	Mengikut Alat Ujian KKM	Catatan
Kekeruhan	3.54 NTU	2.30 NTU	Melebihi 2 NTU yang ditetapkan oleh AKSB
Klorin	1.29 mg	1.35 mg	Mematuhi piawaian
pH	6.77	7.42	Mematuhi piawaian

Sumber: AKSB dan KKM

Ujian selanjutnya ke premis pengguna mendapati bacaan kekeruhan adalah tidak stabil seperti di **Jadual 5.16**.

**Jadual 5.16**  
**Keputusan Ujian Premis Pengguna**

Bil.	Premis Pengguna Air	Bacaan Kekeruhan AKSB (NTU)	Bacaan Kekeruhan KKM (NTU)
1.	Intake di Loji Rawatan	1.63	1.66
2.	TPO Loji Rawatan	3.54	2.30
3.	PT 387, Jalan Puteri Saadong	3.27	3.29
4.	Klinik Bidan, Kg. Pendek	2.09	2.10

Sumber: AKSB dan KKM

##### b) LRA Bukit Remah Pada 22 November 2008

Keputusan ujian sampel terhadap air yang dirawat di loji ini adalah seperti di **Jadual 5.17**.

**Jadual 5.17**  
**Keputusan Ujian LRA Bukit Remah**

Jenis Ujian	Mengikut Alat Ujian AKSB	Mengikut Alat Ujian KKM	Catatan
Kekeruhan	14.3 NTU	14.8 NTU	Melebihi 5 NTU
Klorin	0.81 mg	0.88 mg	Mematuhi piawaian
pH	6.56	6.46	Mematuhi piawaian

Sumber: AKSB dan KKM

Ujian selanjutnya ke premis pengguna mendapati bacaan kekeruhan adalah tidak stabil seperti di **Jadual 5.18**.

**Jadual 5.18**  
**Keputusan Ujian Premis Pengguna**

Bil.	Premis Pengguna Air	Bacaan Kekeruhan AKSB (NTU)	Bacaan Kekeruhan KKM (NTU)
1.	Masjid Tepi Sungai, Tanah Merah	9.36	9.45
2.	Kg. Chekok, Ipoh, Tanah Merah	12.6	13.1
3.	Klinik Desa Kusial Baru, Tanah Merah	14.0	13.8
4.	Kg. Gual Ipoh, Tanah Merah	19.0	21.6
5.	Kedai Runcit Hjh Che Munah Bt. Jusoh Depan Sek. Keb. Gual Ipoh, tanah Merah	25.3	25.8
6.	Rumah Cikgu Ramli B. Hasan Kampung Gual Ipoh, Tanah Merah	19.0	18.1

Sumber: AKSB dan KKM

### c) LRA Aring Pada 8 September 2008

Keputusan ujian sampel terhadap air yang dirawat di loji ini adalah seperti di **Jadual 5.19**.

**Jadual 5.19**  
**Keputusan Ujian LRA Aring**

Jenis Ujian	Mengikut Alat Ujian AKSB	Mengikut Alat Ujian KKM	Catatan
Kekeruhan	13.8 NTU	14.5 NTU	Melebihi 5 NTU
Klorin	0.81 mg	0.88 mg	Mematuhi piawaian
pH	6.56	6.46	Mematuhi piawaian

Sumber: AKSB dan KKM

Pada pendapat Audit, tahap kualiti air yang dirawat tidak memuaskan terutama dari segi parameter kekeruhan. Protokol pensampelan tidak dapat dilaksanakan sewajarnya kerana tiada kemudahan stesen pensampelan dan sampel terpaksa diambil di klinik kesihatan atau masjid. Pelanggaran parameter yang berlaku adalah disebabkan proses rawatan yang tidak sempurna, tangki tidak dicuci, sistem paip yang telah berusia dan paip agihan tidak dibuat *flushing* mengikut jadual.

#### 5.5.14 Pengurusan Aduan Pengguna

Aduan pengguna diterima oleh Bahagian Hal Ehwal Pelanggan (HEP) AKSB sama ada secara lisan, surat, telefon atau media cetak/elektronik. Pihak AKSB merekodkan aduan yang dilaporkan dalam media cetak sebanyak 109 kes pada tahun 2008 (setakat bulan Ogos). Aduan yang dibuat terus kepada Pusat Info dan Talian Aduan AKSB (PINTAS) akan dihantar ke HEP untuk tindakan. Aduan yang diterima akan direkod dalam SiSPAk dan

butiran yang direkodkan ialah bil. aduan, tarikh, nama pelanggan, alamat, nombor akaun pengguna, jenis aduan dan tarikh selesai masalah dilaksanakan. Mengikut reked AKSB, pada tahun 2007 sejumlah 12,436 aduan telah diterima dan antara jenis aduan ialah tiada air, tekanan rendah, kualiti air, masalah meter/bil/tarif, paip bocor, paip pecah dan sebagainya. Pada tahun 2008 pula sejumlah 16,035 aduan telah diterima iaitu peningkatan sebanyak 3,599 aduan. Peningkatan kes aduan ini menjurus kepada masalah kerosakan dan kebocoran paip, ketiadaan air, tekanan rendah dan masalah kualiti air dan pelanggaran parameter yang ditetapkan oleh KKM. Butiran lengkap mengenai aduan yang diterima pada tahun 2006 hingga 2008 mengenai kualiti air, paip bocor dan paip pecah adalah seperti di **Jadual 5.20**.

Jadual 5.20 Senarai Aduan Pengguna Bagi Tahun 2006 Hingga 2008				
Tahun	Kualiti Air	Paip Bocor	Paip Pecah	Jumlah
2006	687	4,228	1,141	6,056
2007	450	4,760	1,113	6,323
2008	614	7,071	1,024	8,709
<b>Jumlah</b>	<b>1,751</b>	<b>16,059</b>	<b>3,278</b>	<b>21,088</b>

Sumber: AKSB

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan pengguna adalah baik. Siasatan dan penyelesaian setiap masalah yang diterima dari pengguna telah diambil tindakan segera. Bagaimanapun, masalah peningkatan masalah paip bocor dan paip pecah sukar di atasi sekiranya paip agihan sedia ada tidak diganti baru.

### 5.5.15 Kajian Kepuasan Pengguna

Sebanyak 500 Borang Soal Selidik telah diedarkan oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Kelantan di tiga Jajahan/loji yang dipilih iaitu Jajahan Kota Bharu, Tanah Merah dan Gua Musang bagi tujuan mengukur tahap kepuasan pengguna. Dari jumlah tersebut, sebanyak 307 borang selidik telah mendapat respon daripada pengguna dengan pelbagai komen. Hasil dari analisis Audit terhadap soal selidik yang diterima, maklum balas adalah seperti di **Jadual 5.21** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.21  
Aduan Dan Komen Pengguna Hasil Daripada Kajian Kepuasan Pengguna

Bil.	Nama Loji	Analisa Dari Soal Selidik Mengikut Loji				Peratus Aduan
		1	2	3	4	
1.	LRA Pintu Geng, Kota Bharu (205)	99 (48.3)	93 (45.4)	59 (28.8)	70 (34.1)	39.1
2.	LRA Bukit Remah, Tanah Merah (87)	76 (87.4)	16 (18.4)	44 (50.6)	37 (42.5)	49.7
3.	LRA Aring, Gua Musang (15)	14 (93.3)	15 (100)	15 (100)	3 (20)	78.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

Petunjuk Aduan:

1. Gangguan bekalan air
2. Air berkarat dan berkeladak
3. Tekanan air rendah dan bekalan kerap terputus
4. Penggunaan penapis

Pada pendapat Audit, berdasarkan kajian kepuasan pengguna yang dijalankan mendapati aduan gangguan bekalan air dan bekalan air berkarat bagi LRA Pintu Geng masing-masing melebihi 45% dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 39.1%. Bagi LRA Bukit Remah mencatat aduan gangguan bekalan air melebihi 87% dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 49.7%. Manakala LRA Aring aduan gangguan bekalan air melebihi 93% bahkan aduan terhadap bekalan air berkarat dan tekanan air rendah mencatat 100% aduan dan keseluruhan aduan bagi loji ini sebanyak 78.3%. Pihak AKSB perlu menangani masalah ini dengan segera.

#### 5.5.16 Keperluan Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi membolehkan kerja yang dirancang dapat dilaksanakan. Di bawah RMKe-8 dan RMKe-9, jumlah peruntukan pinjaman diluluskan berjumlah RM629.03 juta. Selain itu, AKSB perlu menyediakan peruntukan yang besar bagi kerja penyenggaraan terhadap loji dan tangki serta perolehan peralatan ujian dan *reagent*. Pada tahun 2008, mengikut rekod AKSB sejumlah RM2.69 juta diperuntukkan bagi penyenggaraan LRA dan sejumlah RM0.78 juta bagi penyenggaraan tangki air manakala sejumlah RM2.06 juta bagi pembelian peralatan makmal dan *reagent* serta stesen pensampelan. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM50,000 diperuntukkan bagi pembinaan stesen pensampelan tetapi sehingga akhir tahun 2008, hanya sejumlah RM7,952 (15.9%) dibelanjakan bagi tujuan ini.

Di bawah RMKe-8, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pinjaman kepada AKSB melalui Kerajaan Negeri berjumlah RM368.78 juta tetapi sejumlah RM278.03 juta (75.4%) dibelanjakan. Antara sebab peruntukan pinjaman di bawah RMKe-8 tidak dibelanjakan sepenuhnya kerana projek tidak disiapkan seperti projek Bekalan Air Skim Kg. Puteh dan pinjaman tidak diterima bagi projek Bekalan Air Skim Chicha Tambahan, Kg. Puteh Tambahan, Kelar Tambahan, Kuala Krai Tambahan dan Merbau Chondong Tambahan. Manakala dalam RMKe-9, sejumlah RM351 juta pinjaman diluluskan bagi membiayai 11 projek bekalan air di Negeri Kelantan iaitu 4 projek sambungan daripada RMKe-8 berjumlah RM90.75 juta manakala 7 projek baru berjumlah RM260.25 juta. Projek sambungan di atas adalah termasuk projek di mana pinjaman tidak diterima dalam RMKe-8 dan butiran lengkap seperti di **Jadual 5.22**. Setelah kajian semula Separuh Penggal RMKe-9, hanya sejumlah RM180.25 juta diluluskan bagi projek baru dan pihak AKSB terpaksa menangguhkan buat sementara waktu beberapa projek yang telah dirancang.

**Jadual 5.22**  
**Senarai Projek Sambungan RMKe-8**

Bil.	Projek	Peruntukan Pinjaman Yang Diterima (RM)
1.	Bekalan Air Kelantan Utara	42,289,988
2.	Bina/Pasang Loji/Kolam Tangkungan dan Paip Utama Kuala Krai	4,500,000
3.	Bekalan Air Skim Merbau Chondong	23,962,000
4.	Menaiktaraf dan Membaikpulih Sistem Retikusi Air Negeri Kelantan	20,000,000
<b>Jumlah</b>		<b>90,751,988</b>

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan Dan AKSB

Pada pendapat Audit, pelaksanaan terhadap projek pembangunan adalah memuaskan. Bagaimanapun, AKSB perlu melaksanakan segera semua projek yang telah diluluskan supaya tidak berlaku pemotongan peruntukan pada masa akan datang. Peruntukan yang diluluskan bagi pembinaan stesen pensampelan perlu dilaksanakan segera kerana kekurangan stesen telah menimbulkan masalah kepada pihak KKM untuk menjalankan ujian pensampelan yang sepatutnya.

#### **5.5.17 Pemantauan**

Pemantauan merupakan elemen penting bagi memastikan kualiti air mentah dan terawat yang disalurkan kepada pengguna sentiasa mematuhi standard yang ditetapkan. Mekanisme pemantauan terhadap kualiti air minum adalah seperti berikut:

##### **a) Jawatankuasa Pemantauan Kualiti Air Minum**

Satu jawatankuasa khas telah diwujudkan antara AKSB dan KKM untuk menyelia kualiti air minum. Mesyuarat koordinasi diadakan setahun sekali manakala di peringkat Jajahan, tiada mesyuarat khusus mengenai kualiti air diadakan dan masalah kualiti air akan dibincangkan dalam mesyuarat Unit Kesihatan Persekutaran Daerah seperti di **Jadual 5.23**.

**Jadual 5.23**  
**Jawatankuasa Pemantauan Kualiti Air Minum Bagi Tahun 2006 Hingga 2008**

<b>Bil.</b>	<b>Mesyuarat</b>	<b>Kekerapan Mesyuarat</b>			<b>Jabatan/Agenzi Terlibat</b>	<b>Perkara Dibincangkan</b>
		<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>		
1.	Jawatankuasa Penyelarasan Mutu Air Minum Peringkat Negeri	1	1	1	Jabatan Kesihatan Negeri, SPAN, AKSB, Jabatan Kimia, JAS, Unit Kerajaan Tempatan SUK, Jabatan Pergigian, JANK, JPS, UPEN, MPKB dan Bah. Kejuruteraan KKM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan prestasi air minum oleh JKN.</li> <li>• Pemantauan air sungai oleh Jabatan Alam Sekitar.</li> <li>• Kajian kebersihan bekalan air.</li> </ul>
2.	Jawatankuasa Teknikal KMAM Peringkat Jajahan	4	4	4	Ketua Jajahan, Semua Ketua Jabatan Persekutuan Jajahan, AKSB, JKR, JPS, Jab. Pertanian dan Majlis Daerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan pelanggaran parameter.</li> <li>• Status stesen pensampelan air.</li> <li>• Status kualiti air sungai.</li> </ul>

*Sumber: KKM*

Pada pendapat Audit, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Kualiti Air dan Jawatankuasa Teknikal KMAM Peringkat Jajahan adalah memuaskan kerana telah mengadakan mesyuarat dan membincangkan perkara berbangkit mengenai kualiti air.

##### **b) Laporan Tahunan Program KMAM**

Pada tahun 2006 hingga 2007, JKN telah menyediakan Laporan Tahunan Program KMAM yang mengandungi *trend* kualiti air mentah dan terawat, senarai LRA dengan pelanggaran tertinggi di Negeri serta sistem rangkaian baru/tutup dan sebagainya. Laporan ini juga mengandungi ringkasan aktiviti tahunan, penilaian pencapaian aktiviti, isu dan masalah serta cadangan penambahbaikan. Laporan ini merangkumi keseluruhan rangkaian bekalan air Negeri Kelantan mengikut Jajahan/Daerah.

**Pada pendapat Audit, JKN telah menyediakan Laporan Tahunan Program KMAM dengan lengkap.**

**c) Buku Laporan Ujian Makmal**

Ketiga-tiga makmal di LRA yang di Audit telah menyediakan Buku Laporan Ujian Makmal. Semua keputusan ujian makmal setiap 4 jam direkodkan oleh Operator Loji berkenaan. Bagaimanapun, keputusan ujian balang yang dilakukan tidak direkodkan dalam Buku Laporan ini.

**Pada pendapat Audit, penyediaan Buku Laporan Ujian Makmal di loji adalah baik.**

**d) Pemantauan Dan Pemeriksaan Oleh SPAN**

Selaras dengan Akta 655, SPAN telah membuat pemantauan terhadap operasi sesuatu loji rawatan air bagi menentukan ianya mematuhi piawaian yang ditetapkan dan melaporkan kedudukan hasil pemeriksaannya kepada pihak AKSB untuk tindakan selanjutnya. Mengikut rekod SPAN, pada tahun 2008 sebanyak 23 daripada 31 buah loji air AKSB telah dilawati dan sebanyak 421 sampel telah diambil untuk dianalisis. Daripada jumlah sampel tersebut sebanyak 44 sampel telah tidak mematuhi parameter yang ditetapkan oleh KKM. Pihak Audit mendapati walaupun pihak SPAN telah mengemukakan sebanyak 9 surat/laporan hasil daripada pemeriksaannya tetapi tiada jawapan diberikan oleh pihak AKSB. Pihak Audit telah dimaklumkan bahawa tiada pegawai khusus yang dipertanggungjawabkan untuk memberi jawapan kepada pihak SPAN. Bagaimanapun, pihak AKSB telah mengambil tindakan segera dan telah mengarahkan Pengurus Kualiti mengambil tindakan memberi jawapan dan mengambil tindakan pembetulan terhadap perkara yang ditegur oleh pihak SPAN. Semakan pihak Audit mendapati beberapa perkara yang ditegur oleh pihak SPAN seperti masalah kualiti air dan tekanan air telah pun diambil tindakan oleh pihak AKSB. Manakala jawapan bertulis kepada pihak SPAN telah dikemukakan oleh AKSB pada pertengahan Mac 2009 dan awal April 2009.

**Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan adalah memuaskan.**

## **5.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

**Pada keseluruhannya, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kualiti air minum di Negeri Kelantan adalah tidak memuaskan.** Antara kelemahan yang ditemui ialah kelewatan pewartaan muka sauk dan loji, kaedah kawal selia kawasan tadahan tidak disediakan, caj air mentah belum diwartakan, proses rawatan air tidak memuaskan, keselamatan muka sauk tidak memuaskan, tangki imbangan dan agihan tidak dicuci, paip agihan tidak dicuci/*flushing* mengikut jadual (SOP), stesen pensampelan tidak mencukupi dan tahap kualiti air yang dirawat tidak memuaskan. Bagi meningkatkan lagi kualiti air minum yang dibekalkan kepada pengguna, pihak Kerajaan Negeri dan AKSB perlu mengambil tindakan berikut:

- a) Pihak Berkuasa Negeri perlu menyegerakan pewartaan kawasan tadahan, muka sauk, medan telaga dan LRA sebagai kawasan larangan supaya tindakan dapat dilaksanakan sewajarnya.
- b) AKSB perlu menaiktaraf LRA supaya masalah bekalan tidak mencukupi dan kualiti air tidak mematuhi piawaian dapat diatasi.
- c) Kawalan keselamatan muka sauk hendaklah ditingkatkan oleh AKSB.
- d) Selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan demi menjamin mutu kualiti alam sekeliling terpelihara, AKSB perlu memastikan keladak/enap cemar atau sisa yang dihasilkan daripada loji rawatan air diurus dengan sempurna mengikut peraturan-peraturan alam sekitar yang berkuat kuasa.
- e) Tangki imbangan dicuci mengikut jadual dan direkodkan oleh AKSB.
- f) AKSB perlu melaksanakan pencucian/*flushing* terhadap paip agihan mengikut jadual dan direkodkan.
- g) AKSB perlu menambahkan stesen pensampelan bagi memenuhi keperluan ujian oleh pihak KKM.
- h) Pembaikan terhadap paip pecah perlu dipantau oleh AKSB supaya mematuhi SOP dan standard yang ditetapkan.
- i) Pihak AKSB perlu menyegerakan pelaksanaan projek yang diluluskan bagi mengelakkan pemotongan bajet dalam kajian semula peruntukan.
- j) Tambahan kakitangan dan peruntukan kewangan KKM yang melaksanakan pensampelan ujian perlu diberi perhatian.
- k) Pelanggaran parameter yang dilaporkan oleh pihak KKM dan SPAN hasil daripada ujian yang dijalankan perlu diambil tindakan segera oleh AKSB.



## **BAHAGIAN II**

# **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **6. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2008 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. yang merupakan salah sebuah syarikat dimiliki penuh oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

### **7. KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN. BHD.**

#### **7.1 LATAR BELAKANG**

**7.1.1** Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK) telah ditubuhkan pada 26 Januari 1979 dengan modal dibenarkan berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM6 juta. KPK merupakan sebuah syarikat pembalakan yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Misi utama penubuhan KPK ialah untuk menjadi pelopor Bumiputera dalam bidang industri kayu bersepadu dan juga sebagai payung bagi penyertaan Bumiputera dalam industri perkayuan secara langsung atau tidak langsung. Objektif utama KPK adalah bertujuan mengeluarkan produk/perkhidmatan terbaik dalam industri perkayuan, menguasai pasaran bagi produk keluaran syarikat, memberi keuntungan yang memuaskan bagi menjamin syarikat terus hidup dan memberi pulangan atas pelaburan kepada pemegang saham. KPK mula beroperasi pada tahun 1980 apabila diberi konsesi hutan seluas 14,200 ekar di kawasan Kuala Krai Selatan yang diusahasarkan secara pengurusan hutan berkekalan dengan pusingan tebangan selama 30 tahun.

**7.1.2** Pada tahun 1983, KPK mula mencebur aktiviti hiliran dengan membina sebuah kilang memproses kayu di Kg. Stong Kemubu. Pada tahun 1983 juga, KPK sekali lagi diperuntukkan konsesi hutan seluas 92,449 hektar di kawasan Hutan Simpan Berangkat, Balah, Gunung Stong Selatan, Gunung Stong Utara dan Gunung Stong Tengah. Pemberian ini adalah bertujuan untuk memastikan bekalan balak mencukupi dan diperolehi secara berterusan. Pada masa yang sama KPK telah mempertingkatkan keupayaan kilang papannya dengan melakukan pengubahsuaian serta membina kilang tanur dan kumai. Pada tahun 1990, KPK telah menambah pelaburan berjumlah RM1.30 juta bagi menaikkan taraf kilangnya. Hasil daripada langkah dan usaha yang dijalankan KPK telah berjaya meningkatkan modal berbayar sejumlah RM19.61 juta.

**7.1.3** Pada tahun 2001, sebuah tapak semaihan telah dibina di kawasan seluas enam hektar bertempat di Kem Meranto. Tapak semaihan ini bertujuan untuk melaksanakan usaha pembangunan, pemulihan dan penghutanan semula dan berupaya menyediakan lebih 250,000 anak pokok.

## **7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan.

## **7.3 SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek tadbir urus korporat, perancangan strategik, pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi, pengurusan risiko dan analisis kewangan. Analisis terhadap maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat dijalankan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007.

## **7.4 KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti fail mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, undang-undang dan peraturan yang digunakan, buku dan rekod perakaunan, fail projek, aset/inventori dan lain-lain yang berkaitan pada tahun semasa dan juga fail kontrak tahun semasa dan dua tahun ke belakang. Analisis kewangan turut dibuat berdasarkan penyata kewangan syarikat secara perbandingan dengan indeks prestasi syarikat dengan syarikat lain dalam bidang yang sama. Perbincangan dan temu bual bersama pegawai syarikat subsidiari dan pelanggan syarikat juga diadakan. Lawatan ke tapak projek dan kemudahan yang disediakan juga dilakukan.

## **7.5 PENEMUAN AUDIT**

### **7.5.1 Analisis Kewangan**

#### **a) Analisis Terhadap Item Signifikan**

Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti item yang menunjukkan perubahan yang ketara pada tahun semasa berbanding tahun lepas. Beberapa item Penyata Kewangan yang signifikan disemak dan dianalisis. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan syarikat bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 mendapati beberapa item menunjukkan perubahan ketara antaranya ialah penghutang perdagangan, lain-lain penghutang dan lain-lain pembiutang. Maklumat terperinci mengenai perubahan ini adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Perubahan Kedudukan Item Signifikan Dalam Penyata Kewangan**  
**Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Item	2005		2006		Peningkatan/ (Penurunan)		2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Penghutang Perdagangan	4.93	2.23	(2.70)	(55)	5.45	3.22	144		
Lain-lain Penghutang	8.89	11.78	2.89	32	11.45	(0.33)	(3)		
Lain-lain Pembiutang	7.98	6.53	(1.45)	(19)	10.35	3.82	58		

Sumber: Fail KPK

**b) Analisis Trend**

Analisis trend bertujuan untuk menilai perubahan item dalam Penyata Kewangan sama ada meningkat atau menurun. Analisis ini digunakan dengan menilai perubahan item Penyata Kewangan dalam bentuk nilai dan peratusan. Bagi menilai dan menganalisis prestasi kewangan syarikat, asas perbandingan yang digunakan adalah berdasarkan asas intra syarikat iaitu membandingkan item Penyata Kewangan bagi dua tahun. Prestasi kewangan KPK adalah seperti di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.2**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Item	2005		2006		Penurunan		2007	Peningkatan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
Jumlah Pendapatan	19.70	15.44	(4.26)	(21)	17.56	2.12	12		
Jumlah Perbelanjaan	16.00	14.40	(1.60)	(10)	15.60	1.20	8		
Lebihan/(Kurangan)	3.70	1.04	(2.66)	(71)	1.96	0.92	88		

Sumber: Fail KPK

Analisis terhadap Penyata Kewangan KPK bagi tahun 2007 mendapati KPK mencatat lebihan pendapatan sejumlah RM0.92 juta berbanding 2006 kerana peningkatan jualan kayu gergaji dan kayu balak. Sungguhpun begitu pendapatan ini merosot berbanding tahun 2005 kerana KPK mengalami kekurangan bekalan balak untuk dijual dan juga diproses.

**i) Analisis Trend Pendapatan** - Pendapatan KPK pada keseluruhannya mengalami keadaan yang tidak menentu yang mana ianya menurun sejumlah RM4.24 juta pada 2006 berbanding tahun 2005 tetapi ianya meningkat sejumlah RM2.12 juta pada tahun 2007. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh harga yang tidak stabil di pasaran dalam dan juga luar negara. Maklumat terperinci mengenai pendapatan adalah seperti di **Jadual 7.3**.

**Jadual 7.3**  
**Perbandingan Pendapatan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Item	2005		2006		Penurunan		2007	Peningkatan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		(RM Juta)	(%)
1.	Pendapatan	17.67	14.78	(2.89)	(16)	16.41	1.63	11		
2.	Lain-lain Pendapatan	2.01	0.66	(1.35)	(67)	1.15	0.49	74		
<b>Jumlah</b>		<b>19.68</b>	<b>15.44</b>	<b>(4.24)</b>	<b>(22)</b>	<b>17.56</b>	<b>2.12</b>	<b>14</b>		

Sumber: Fail KPK

- ii) **Analisis Trend Perbelanjaan** - Analisis perbelanjaan dibuat berdasarkan tiga item perbelanjaan tetap syarikat iaitu kos jualan, belanja pengurusan serta belanja jualan dan pemasaran. Perbelanjaan KPK pada tahun 2007 meningkat sejumlah RM2.54 juta berbanding tahun 2006. Peningkatan ini adalah ekoran daripada kenaikan kos bahan mentah terutama kenaikan harga minyak petrol di peringkat pasaran dunia dan tempatan. Maklumat terperinci mengenai perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Item	2005	2006	Peningkatan/ (Penurunan)		2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kos Jualan	11.96	9.10	(2.86)	(24)	12.04	2.94	32
2.	Belanja Pengurusan	3.80	3.38	(0.42)	(11)	3.04	(0.34)	(10)
3.	Belanja Jualan Dan Pemasaran	0.20	0.29	0.09	45	0.23	(0.06)	(20)
<b>Jumlah</b>		<b>15.96</b>	<b>12.77</b>	<b>(3.19)</b>	<b>(20)</b>	<b>15.31</b>	<b>2.54</b>	<b>20</b>

Sumber: Fail KPK

c) **Analisis Aliran Tunai**

Penyata Aliran Tunai merupakan satu penyata yang memberikan maklumat untuk menaksir keupayaan syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Penyata ini dapat menggambarkan kedudukan pertambahan atau pengurangan tunai pada tahun semasa. Penyediaan penyata ini berdasarkan dua kaedah iaitu secara langsung dan tidak langsung. Pendedahan mengenai tunai dan kesetaraan tunai perlu dinyatakan dalam nota kepada akaun seperti kehendak MASB Standard dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia FRS 107. Analisis aliran tunai merangkumi tiga aspek seperti berikut:

- i) **Aliran Tunai Operasi** - Aliran tunai operasi adalah merupakan pergerakan tunai sama ada penerimaan ataupun pembayaran semasa melaksanakan operasi. Pada tahun 2007, KPK telah mencatatkan peningkatan aliran tunai dari operasi berjumlah RM0.59 juta berbanding tahun 2006 iaitu berjumlah kredit RM0.76 juta. Sungguhpun begitu aliran tunai operasi ini menurun berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM3.70 juta.
- ii) **Aliran Tunai Pelaburan** - Aliran tunai pelaburan adalah aliran tunai terhasil daripada aktiviti pelaburan seperti pembelian Aset Tetap atau penjualannya. Pada tahun 2007, KPK telah mencatatkan penurunan aliran tunai pelaburan berbanding tahun 2006 dan 2005. Pada tahun 2007, jumlah aliran tunai pelaburan ialah RM1.30 juta sahaja berbanding tahun 2006 dan 2005 yang masing-masing berjumlah RM1.47 juta dan RM1.63 juta.
- iii) **Aliran Tunai Pembiayaan** - Aliran tunai pembiayaan adalah bagi menunjukkan tunai terhasil daripada aktiviti pembiayaan. Pada tahun 2007, KPK telah mencatatkan peningkatan aliran tunai pembiayaan berjumlah RM0.83 juta berbanding tahun 2006 dan 2005 yang mana ada pembiayaan telah dibuat.

#### d) Analisis Nisbah

- i) **Nisbah Kecairan** - Kecairan merujuk kepada seberapa cepat dan cekap aset dapat ditukarkan kepada tunai. Nisbah kecairan mengukur keupayaan syarikat memenuhi tanggungjawab atau tuntutan liabiliti semasa. Dari segi prinsip, syarikat yang mempunyai nisbah lebih daripada 1 disifatkan sebagai berkemampuan memenuhi liabiliti semasanya.

Nisbah Kecairan	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>i. Modal Kerja</b>			
Aset Semasa	27,534,663	26,306,445	30,962,027
Tolak: Liabiliti Semasa	<u>17,913,939</u>	<u>13,948,257</u>	<u>18,703,509</u>
	<b>9,620,724</b>	<b>12,358,188</b>	<b>12,258,518</b>
Nisbah ini menunjukkan syarikat berupaya untuk menjana aliran tunai dalam jangka masa panjang. Analisa modal kerja bagi tempoh tiga tahun mendapat syarikat berjaya mencatatkan surplus yang mana aset semasa adalah lebih tinggi berbanding liabiliti semasa.			
<b>ii. Nisbah Semasa</b>			
Aset Semasa	<u>27,534,663</u>	<u>26,306,445</u>	<u>30,962,027</u>
Liabiliti Semasa	17,913,939	13,948,257	18,703,509
	<b>1.53 kali</b>	<b>1.88 kali</b>	<b>1.65 kali</b>
Nisbah ini menunjukkan syarikat berupaya untuk membayar balik liabiliti semasa kerana nilai asetnya adalah melebihi nilai liabiliti.			
<b>iii. Nisbah Cepat</b>			
Aset Semasa	27,534,663	26,306,445	30,962,027
- Inventori	<u>450,723</u>	<u>1,157,300</u>	<u>3,663,911</u>
	<b>27,083,940</b>	<b>25,149,145</b>	<b>27,298,116</b>
Liabiliti Semasa	17,913,939	13,948,257	18,703,509
	<b>1.51 kali</b>	<b>1.80 kali</b>	<b>1.46 kali</b>
Nisbah ini menunjukkan syarikat mempunyai lebihan sumber kecairan untuk menampung liabiliti dan tanggungannya.			

- ii) **Nisbah Kecekapan** - Nisbah kecekapan digunakan untuk menilai kecekapan pengurusan syarikat. Selain itu, ia menunjukkan kedudukan modal kerja serta tempoh syarikat membuat kutipan dan menjelaskan hutangnya. Nisbah yang lazim digunakan adalah seperti berikut:

Nisbah Kecekapan	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>i. Pusing Ganti Akaun Belum Terima (ABT)</b>			
Jualan	17,672,863	14,776,749	16,407,150
Akaun Belum Terima	4,947,789	2,238,580	5,456,636
	<b>3.57 kali</b>	<b>6.60 kali</b>	<b>3 kali</b>
Kedudukan nisbah ini menunjukkan ianya makin menurun dari tahun 2005 sebanyak 3.57 kali, tahun 2006 sebanyak 6.60 kali dan tahun 2007 sebanyak 3 kali. Semakin tinggi nisbah semakin baik syarikat menguruskan penghutangnya. Bagaimanapun, nisbah ini masih lagi positif dan perlu dipertingkatkan pada tahun akan datang.			

Nisbah Kecekapan	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>ii. Pusing Ganti Aset Tetap</b>			
Jualan	17,672,863	14,776,749	16,407,150
Aset Tetap Bersih	4,785,867	5,714,603	6,447,242
	<b>3.69 kali</b>	<b>2.58 kali</b>	<b>2.54 kali</b>
Pusing ganti aset tetap menunjukkan kecekapan syarikat dalam menguruskan aset tetap bagi menghasilkan jualan. Nisbah pusing ganti aset tetap syarikat menunjukkan penurunan bagaimanapun ianya masih dalam keadaan baik.			

- i) **Nisbah Keberuntungan** - Nisbah keberuntungan menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjanakan keuntungan. Nisbah keberuntungan menggambarkan pencapaian operasi, risiko dan kesan *leverage*.

Nisbah Keberuntungan	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>i. Margin Untung Bersih</b>			
Untung Bersih Sebelum Cukai	3,723,442	1,032,612	1,990,347
Jualan	17,672,863	14,776,749	16,407,150
	<b>0.21</b>	<b>0.06</b>	<b>0.12</b>
Kedudukan margin untung bersih menunjukkan ianya mengalami keadaan tidak stabil yang mana ianya menurun pada 2006 berbanding tahun 2005 tetapi ianya mengalami peningkatan pada tahun 2007. Bagaimanapun ianya masih memuaskan dan mempunyai potensi untuk ditingkatkan pada masa hadapan.			
<b>ii. Margin Untung Kasar</b>			
Untung Kasar	5,715,981	5,678,040	4,366,408
Jualan	17,672,863	14,776,749	16,407,150
	<b>0.32</b>	<b>0.38</b>	<b>0.27</b>
Kedudukan margin untung kasar menunjukkan penurunan bagi tempoh tiga tahun ini dengan itu syarikat perlu mengawal kos pengeluaran di samping meningkatkan produktiviti.			
<b>iii. Pulangan Atas Aset</b>			
Untung Bersih	2,756,859	2,870,770	1,123,724
Jumlah Aset	34,530,678	33,343,669	38,795,802
	<b>0.08</b>	<b>0.09</b>	<b>0.03</b>
Setiap ringgit aset yang digunakan, syarikat memperolehi hasil keuntungan sejumlah 8 sen pada tahun 2005. Syarikat berjaya meningkatkan pulangan hasil atas setiap asetnya pada tahun 2006 kepada 9 sen tetapi ia menghadapi kemerosotan pada tahun 2007 pada 3 sen sahaja. Syarikat perlu memaksimumkan kapasiti pengeluarannya dan meluaskan pemasaran produknya.			
<b>iv. Pulangan Atas Ekuiti</b>			
Untung Bersih	2,756,859	2,870,770	1,123,724
Jumlah Ekuiti	16,002,935	18,600,467	19,136,028
	<b>0.17</b>	<b>0.15</b>	<b>0.05</b>
Peratusan nisbah pulangan atas ekuiti bagi tiga tahun menunjukkan penurunan kerana syarikat gagal untuk menjana keuntungan yang besar pada tahun 2006 dan 2007.			

- ii) **Nisbah Kestabilan** - Nisbah kestabilan digunakan bagi menilai kestabilan syarikat dan juga mengukur keberkesanan pengurusan modal pinjaman syarikat. Ia juga dikenal sebagai nisbah *leverage*.

Nisbah Kestabilan	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>i. Nisbah Hutang</b>			
Jumlah Hutang	18,527,743	14,743,202	19,659,774
Jumlah Aset	34,530,678	33,343,669	38,795,802
	54%	44%	50%
Nisbah Hutang adalah merupakan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut standard yang biasa, nisbah hutang berbanding dengan aset adalah pada kadar 0.5:1, iaitu jumlah hutang kurang 50% daripada aset adalah dianggap <i>prudent</i> . Dengan membandingkan jumlah liabiliti ke atas jumlah aset bagi tiga tahun bermula 2005 hingga tahun 2007, peratusan nisbah hutang syarikat semakin menurun iaitu masing-masing 54%, 44% dan 50%. Pengurangan ini menunjukkan jumlah hutang semakin mengecil dan syarikat berjaya membayar balik hutangnya.			
<b>ii. Nisbah Hutang/Ekuiti</b>			
Jumlah Hutang	18,527,743	14,743,202	19,659,774
Ekuiti Pemegang Saham	16,002,935	18,600,467	19,136,028
	1.15	0.79	1.02
Nisbah Hutang Atas Ekuiti menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung bagi setiap dana pemegang saham syarikat. Perbandingan antara jumlah liabiliti ke atas jumlah dana pemegang saham syarikat pada akhir tahun 2007 menunjukkan ianya lebih rendah iaitu 102% berbanding 2005 iaitu 115% tetapi ianya meningkat berbanding 2006 iaitu hanya 79%. Keadaan ini menunjukkan hutang syarikat meningkat berbanding ekuiti pemegang saham.			

### 7.5.2 Perancangan Strategik

- a) **Pelaksanaan Projek Di Luar Bidang** - KPK dalam perancangannya telah merangka beberapa strategi jangka pendek dan jangka panjang yang bertujuan untuk memantapkan lagi operasi dan kewangannya. Antara strategi jangka pendek ialah penjanaan hasil yang memuaskan dengan memberi tumpuan terhadap pengeluaran dan jualan produk yang mempunyai pasaran yang baik serta meningkatkan mutu produk. Pada tahun 2006, KPK telah melaksanakan projek ladang pisang secara komersial di kawasan seluas 30 ekar sebagai salah satu strategi jangka pendek. Semakan Audit mendapati dalam tempoh tiga tahun iaitu antara tahun 2006 hingga 2008, KPK telah membelanjakan sejumlah RM0.32 juta berbanding pendapatan yang diperolehi berjumlah RM6,200. Projek ini sebenarnya tidak bertepatan dengan aktiviti utama syarikat iaitu pembalakan dan aktiviti yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Memorandum And Articles Of Association* syarikat. Setakat ini tidak ada sebarang perubahan dibuat untuk membolehkannya menceburι bidang lain selain pembalakan. Akibat daripada pelaksanaan projek ini KPK telah mengalami kerugian. Pada April 2009, projek ini telah diserahkan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan KPK untuk diusahakan.

**Pada pendapat Audit, penyerahan projek ini adalah wajar untuk mengelak syarikat daripada mengalami kerugian seterusnya.**

**b) Pembinaan Tapak Semaian** - Antara strategi jangka panjang KPK pula ialah menyediakan program pembangunan, pemulihan dan penghutanan semula. Dalam usaha untuk menjayakan strategi jangka panjang ini sebuah tapak semaian bernilai RM0.63 juta telah dibina di kawasan seluas enam ekar. Tapak semaian ini dijangka akan mampu menampung dan membekal satu juta anak pokok dari pelbagai spesies dalam satu masa. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak semaian tersebut mendapati hanya 62,906 atau 6.3% anak pokok sahaja yang disemai berbanding kapasitinya sejumlah 1 juta anak pokok. Tapak semaian ini pula tidak diselenggara dan diurus dengan baik yang mana keadaan rumah teduhan yang dibina untuk melindungi anak pokok kelihatan hampir roboh, tempat menyemai anak benih telah ditumbuhki rumput dan bangunan pejabat tidak digunakan. Semua keadaan ini seperti di **Foto 7.1** hingga **Foto 7.3** menunjukkan bahawa KPK tidak begitu serius dalam usahanya untuk menjadikan tapak semaian ini sebagai salah satu sumber yang boleh menjanakan pendapatan.

**Foto 7.1**  
**Rumah Teduhan Anak Pokok**  
**Yang Hampir Roboh**



**Foto 7.2**  
**Tempat Semaian Benih Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 19 Januari 2009  
Lokasi: Tapak Semaian KPK

**Foto 7.3**  
**Bangunan Pejabat Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh: 18 Januari 2009

Lokasi: Tapak Semaian KPK

Pada pendapat Audit, pembinaan tapak semaian ini jika diuruskan dengan baik ia berpotensi menjadi satu sumber yang boleh menjana pendapatan. Oleh itu, pihak pengurusan perlu mengambil tindakan segera untuk memajukan tapak semaian ini.

c) **Pengambilan Balik Kawasan Perjanjian Konsesi KPK Tidak Diganti** - Pada tahun 1980 iaitu di awal penubuhannya seluas 14,200 ekar (5,749 hektar) kawasan konsesi hutan telah diberikan kepada KPK untuk menjalankan aktivitinya dan kemudiannya pada tahun 1983 KPK sekali lagi telah diperuntukkan kawasan konsesi hutan seluas 92,449 hektar. Mengikut perjanjian konsesi pembalakan antara KPK, PKINK dan Pihak Berkuasa Negeri, KPK telah diberi tempoh konsesi selama 30 tahun iaitu sehingga tahun 2013, penarikan balik kawasan melebihi 1% daripada pengeluaran hasil kawasan dan KPK telah dilucutkan hak-hak pengusahasilan, PKINK boleh menggantikannya dengan kawasan hutan PKINK yang bersempadan.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 seluas 6,268 hektar kawasan konsesi KPK telah ditarik balik. Daripada jumlah tersebut seluas 6,068 hektar diserahkan kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan seluas 200 hektar lagi diserahkan kepada Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN). Bagaimanapun, pengambilan balik kawasan ini belum diganti. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kawasan yang terlibat dengan pengambilan ini masih dalam tempoh perjanjian. Sungguhpun terdapat usaha KPK untuk mendapatkan kawasan gantian tetapi tidak berhasil. Pengambilan balik ini bukan sahaja menghadkan aktiviti KPK tetapi juga telah menjelaskan sumber pendapatan dan program pembangunan hutan yang telah dirancang.

Pada pendapat Audit, KPK hendaklah mengadakan perbincangan dengan PKINK dan seterusnya mengenal pasti kawasan hutan untuk dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi mengganti kawasan yang telah diambil balik.

### 7.5.3 Pengurusan Operasi

#### a) Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu Kompleks Perkayuan

**Kelantan Sendirian Berhad (SPMB KPKSB) Terbengkalai** - Pada peringkat awalnya KPK telah menggunakan sistem perakaunan dan *payroll* berkomputer yang dinamakan *UBS Accounting and Payroll System*. Bagaimanapun pada tahun 2004, satu perjanjian dengan syarikat *Planetsoft Information Systems Sdn. Bhd.* telah ditandatangani bertujuan untuk membangun sistem berkomputer secara bersepadu yang dinamakan SPMB KPKSB dengan kos RM0.15 juta. Ianya dilengkapi dengan *ERP software* yang mengandungi enam sistem iaitu *Accounting & Payroll Systems, Human Resource Systems, Logging Management Systems, Sawmill Manufacturing Systems, Books Management Systems* dan *Systems & Data Integration Systems* seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**

Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu KPKSB

Bil.	Perkara	Kos (RM)
1.	Accounting & Payroll Systems	36,135
2.	Human Resource Systems	18,250
3.	Logging Management Systems	28,470
4.	Sawmill Manufacturing Systems	34,894
5.	Books Management Systems	12,410
6.	Systems & Data Integration Systems	15,695
7.	Lain-lain	8,394
<b>Jumlah</b>		<b>154,248</b>

Sumber: Fail KPK

Mengikut jadual pelaksanaan, pembekalan dan pemasangan sistem ini secara berperingkat bermula pada November 2004 dan dijangka siap pada Mei 2005. Bagaimana pun pembangunan SPMB KPKSB terbengkalai dan sehingga kini hanya sistem perakaunan sahaja yang siap dipasang. Manakala lain-lain sistem seperti pengurusan sumber manusia, pengurusan pembalakan, pengilangan dan sistem integrasi data tidak dibekalkan. Kegagalan pembangunan sistem ini menyebabkan 80% daripada aktiviti pentadbiran masih lagi beroperasi secara manual. Bagaimanapun, pada akhir Disember 2008, KPK telah menghentikan penggunaan sistem ini dan setakat ini KPK telah membelanjakan sejumlah RM36,464 untuk pembangunan sistem ini.

Pada pendapat Audit, penamatan kontrak ini adalah wajar.

b) **Sistem Perakaunan Tidak Lengkap** - Mengikut spesifikasi SPMB KPKSB, sistem perakaunan *planetsoft* ini (*Planetsoft Accounting System*) mengandungi beberapa sub-sistem seperti *General Ledger, Accounts Payable, Fixed Assets, Cash Book, System Manager, Accounts Receivable, Financial Report Writer* dan *Purchase Order*. Semakan Audit terhadap sistem perakaunan mendapati ianya tidak lengkap tanpa pemasangan

perisian *Logging Management Systems* dan *Sawmill Manufacturing Systems* kerana perisian perakaunan *planetsoft* tidak mengandungi akaun pengilangan. Sebagai sebuah syarikat yang terlibat dengan aktiviti pengilangan, akaun pengilangan adalah penting untuk menunjukkan kos pengeluaran. Ketiadaan akaun pengilangan menjelaskan ketepatan pengiraan untung dan rugi dan penyediaan Penyata Kewangan. Selain itu, sistem ini juga tidak mempunyai *audit trail* untuk mengesan aliran transaksi atau maklumat yang telah dimasukkan ke dalamnya. Pada tahun 2009, KPK telah menggunakan semula perisian UBS untuk sistem perakaunan.

**Pada pendapat Audit, satu sistem perakaunan yang lengkap perlu disediakan dengan cara meningkatkan lagi perisian sistem yang sedia ada ataupun dengan cara mencari sistem alternatif.**

c) **Jualan Balak Tidak Mengikut Prosedur** - KPK dalam aktiviti pemasarannya bukan sahaja melibatkan penjualan produk dalam pasaran tempatan tetapi juga turut mengeksportnya ke luar negara. Penyata Untung Dan Rugi pada 30 November 2008 menunjukkan pendapatan penjualan balak dan kayu gergaji KPK masing-masing berjumlah RM9.60 juta dan RM13.80 juta. Mengikut prosedur penjualan, penjualan balak hanya boleh dibuat apabila terdapat kayu yang tidak diperlukan oleh kilang KPK. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sejumlah 15 lesen pembalakan telah dikeluarkan melibatkan kawasan pembalakan seluas 3,454 hektar sedang beroperasi. Semakan Audit mendapati tujuh daripada 15 lesen pembalakan telah dijual kepada pihak ketiga dan penjualan ini bertentangan dengan peraturan. Sungguhpun penjualan ini telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KPK ianya tidak sepaututnya berlaku memandangkan bekalan balak untuk KPK pada masa ini tidak mencukupi. Pada tahun 2008, KPK telah membeli kayu balak bernilai RM4.60 juta untuk menampung keperluan kilangnya.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan bekalan balak untuk kilang adalah mencukupi.**

d) **Tajuk Akaun Penghutang Perdagangan Mengelirukan** - Penghutang perdagangan KPK terbahagi kepada Penghutang Balak, Penghutang Kayu Gergaji-Lokal, Penghutang Kayu Gergaji-Eksport, Lain-Lain Penghutang, Penghutang Kayu Getah, Baki Kredit Balak, Baki Kredit Papan Lokal, Baki Kredit Papan Eksport dan Baki Kredit Lain-Lain Siberhutang. Semakan Audit mendapati kewujudan Akaun Baki Kredit Balak, Akaun Baki Kredit Papan Lokal, Akaun Baki Kredit Papan Eksport dan Baki Kredit Lain-Lain Siberhutang sebagai penghutang perdagangan adalah mengelirukan. Ini adalah kerana penghutang biasanya dirujuk kepada pelanggan atau orang perseorangan yang berurusan dengan syarikat secara kredit. Pihak Audit difahamkan baki akaun berkenaan adalah merupakan baki penghutang perdagangan KPK Sawmill Sdn. Bhd. yang telah diambil alih oleh KPK.

**Pada pendapat Audit, Akaun Baki Kredit Balak, Baki Kredit Papan Lokal, Baki Kredit Papan Eksport dan Baki Kredit Lain-Lain Siberhutang hendaklah diklasifikasikan sebagai pembiayaan perdagangan.**

- e) **Penghutang Perdagangan Berbaki Kredit** - Semakan Audit terhadap Lejar Am Penghutang Perdagangan mendapati akaun penghutang berbaki kredit. Penghutang perdagangan yang dimaksudkan ialah Penghutang Kayu Getah berjumlah RM1,079, Baki Kredit Balak berjumlah RM1.83 juta, Baki Kredit Papan Lokal berjumlah RM0.40 juta, Baki Kredit Papan Eksport RM1.53 juta dan Baki Kredit Lain-lain Penghutang RM0.85 juta. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 7.6**.

**Jadual 7.6**  
**Senarai Penghutang Perdagangan Yang Berbaki Kredit**

Bil.	Penghutang	Jumlah (RM)
1.	Lain-lain Penghutang	1,079
2.	Baki Kredit Balak	1,827,349
3.	Baki Kredit Papan Lokal	404,794
4.	Baki Kredit Papan Eksport	1,527,522
5.	Baki Kredit Lain-lain Penghutang	846,481
<b>Jumlah</b>		<b>4,607,225</b>

Sumber: Fail KPK

Selain itu, semakan Audit terhadap Lejar Individu Penghutang Balak, Penghutang Kayu Gergaji-Lokal dan Penghutang Kayu Gergaji Eksport juga menunjukkan terdapat sejumlah 35 akaun individu penghutang yang melibatkan amanah berjumlah RM1.13 juta turut berbaki kredit. Keadaan ini adalah tidak bertepatan dengan standard perakaunan kerana penghutang perdagangan adalah merupakan harta semasa yang sepatutnya berbaki debit.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah membayar balik lebihan bayaran kepada penghutang yang berkaitan.**

- f) **Baki Lejar Am Penghutang Berbeza Berbanding Baki Individu** - Mengikut Standard Perakaunan baki Akaun Lejar Am hendaklah sama dengan baki Akaun Lejar Individu. Semakan Audit mendapati wujudnya perbezaan baki antara Lejar Am Penghutang Perdagangan Kayu Gergaji dan Lejar Individu berjumlah RM6,353. Baki Lejar Individu Penghutang Perdagangan Kayu Gergaji Lokal berjumlah RM129,528 manakala baki Lejar Am pula berjumlah RM135,881. Punca perbezaan ini wujud adalah kerana pelarasan terhadap akaun ini yang dibuat pada tahun sebelumnya masih tidak diambil tindakan. Perbezaan ini menyebabkan ketepatan jumlah baki penghutang perdagangan adalah diragui.

**Pada pendapat Audit, pelarasan untuk menyamakan baki Lejar Am dan Lejar Individu penghutang hendaklah dibuat.**

- g) **Pelupusan Peruntukan Hutang Ragu Masih Diambil Kira** - Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 dan 2007 sejumlah masing-masing RM21.33 juta dan RM17.49 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan hutang ragu. Hutang ini merangkumi antara

76% hingga 91% daripada jumlah hutang sebenar iaitu RM23.57 juta dan RM22.95 juta hutang yang tidak dapat dikutip sejak tahun 1986. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 7.7**.

**Jadual 7.7**  
**Kedudukan Peruntukan Hutang Ragu Tahun 2006 dan 2007**

Perkara	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Penghutang Perdagangan	23.57	22.95
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	21.33	17.49
<b>Jumlah</b>	<b>2.24</b>	<b>5.46</b>

Sumber: Penyata Kewangan KPK

*Pihak Audit difahamkan hutang ini telah pun dihapus kira semenjak tahun 2004 tetapi ianya masih ditunjukkan dalam Penyata Kewangan syarikat akibat daripada kesilapan teknikal semasa membuat pelarasan.*

**Pada pendapat Audit, peruntukan hutang ragu yang besar ini menunjukkan ketidakberkesanan syarikat memungut hutang.**

**h) Deposit Tidak Aktif** - Pada akhir November 2008, Lejar Am menunjukkan KPK mempunyai baki deposit berjumlah RM6 juta. Deposit yang diterima adalah merupakan wang cagaran untuk kerja kontrak seperti Wang Cagaran Keselamatan, Bon Pelaksanaan dan Deposit Keselamatan. Semakan Audit terhadap lejar deposit menunjukkan sejumlah RM4.50 juta daripada RM6 juta deposit adalah terdiri daripada deposit yang tidak aktif dan telah melebihi daripada setahun. Deposit ini sepatutnya diwartakan atau dikembalikan kepada pendeposit yang telah selesai menjalankan tanggungjawabnya. Bagi deposit yang gagal dikembalikan selepas pewartaan dipindahkan ke akaun hasil syarikat. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya pemantauan dibuat terhadap pengurusan deposit.

**Pada pendapat Audit, akaun deposit tersebut sepatutnya diwartakan dan dijadikan hasil untuk mengelakkan wujudnya akaun deposit tidak aktif.**

**i) Deposit Berbaki Debit** - Semakan Audit terhadap Lejar Individu Deposit menunjukkan sembilan akaun pendeposit telah berbaki debit berjumlah RM0.27 juta. Memandangkan deposit adalah merupakan liabiliti syarikat ia sepatutnya berbaki kredit. Kedudukan akaun yang berbaki debit ini menunjukkan KPK telah terlebih membayar balik wang deposit kepada pendeposit berkaitan. Maklumat terperinci berkaitan dengannya adalah seperti di **Jadual 7.8**.

**Jadual 7.8**  
**Senarai Deposit Berbaki Debit**

Bil.	No. Akaun	Jumlah (RM)
1.	4300/B01	144,685
2.	4300/N09	55,423
3.	4300/0000	43,149
4.	4300/T01	25,729
5.	4300/S39	3,214
6.	4300/H03	500
7.	4300/T10	500
8.	4300/R05	380
9.	4300/Z05	120
<b>Jumlah</b>		<b>273,700</b>

Sumber: Fail KPK

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah mengutip balik deposit yang terlebih bayar.**

- j) **Klasifikasi Perbelanjaan Sebagai Overhed Tidak Betul** - KPK telah membahagikan perbelanjaan kepada lima kategori dan kedudukan perbelanjaan pada 30 November 2008 adalah seperti di **Jadual 7.9**.

**Jadual 7.9**  
**Senarai Perbelanjaan KPK Pada 30 November 2008**

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Perbelanjaan Membalak	7,549,542
2.	Perbelanjaan Kilang Papan	13,979,801
3.	Perbelanjaan Pentadbiran	2,184,143
4.	Perbelanjaan Jualan Dan Pengangkutan	373,302
5.	Perbelanjaan Ladang	128,241

Sumber: Fail KPK

Perbelanjaan membalak adalah terdiri daripada perbelanjaan Upah Membalak, Bancian Pre-F Upah Tanda Pokok, Upah Tanda Sempadan, Gaji Pekerja Dan Daftar Jentera, Overhed dan Lain-lain. Perbelanjaan kilang pula terdiri daripada Upah Kontraktor Kilang, Menyusun Papan, Gaji Kakitangan Dan Pekerja Kilang, Bekalan Operasi, Tambang Pengangkutan, Overhed Dan Kos Input Balak. Manakala termasuk dalam perbelanjaan pentadbiran ialah Gaji Pengurusan Dan Kakitangan, KWSP dan Perkeso, Overhed dan Lain-lain.

Semakan Audit terhadap perbelanjaan overhed mendapati beberapa butiran perbelanjaan seperti perbelanjaan Perubatan, Keraian, Alat Ganti Workshop, Senggaraan Perumahan, Pasir/Bayaran Doket, Pakaian Seragam, Kelengkapan Pejabat, Kursus, Latihan, Insurans dan Derma tidak sesuai untuk diklasifikasikan di bawah butiran overhed. Ini adalah kerana perbelanjaan tersebut tidak berkait dengan pengeluaran produk sama ada secara langsung atau tidak langsung. Mengenal dan mengklasifikasi perbelanjaan overhed yang betul amat penting kerana ianya merupakan asas dalam menentukan kos pengeluaran produk. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga November 2008, KPK telah menderma sejumlah RM0.62 juta atau melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan overhed pentadbiran berjumlah

RM1.13 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM0.42 juta adalah merupakan derma yang tidak mendapat pelepasan cukai pendapatan.

**Pada pendapat Audit, perbelanjaan Perubatan, Keraian, Alat Ganti Workshop, Penyenggaraan Perumahan, Pasir/Bayaran Doket, Pakaian Seragam, Kelengkapan Pejabat, Kursus, Latihan, Insurans dan Derma hendaklah diklasifikasikan sebagai perbelanjaan pentadbiran dan bukannya perbelanjaan overhed.**

**k) Kerja Kontrak Tidak Dibuat Secara Tender/Sebut Harga** - Mengikut Garis Panduan, Manual dan Prosedur Bagi Organisasi KPK, kerja-kerja seperti kerja bancian, tanda pokok dan sempadan serta membalak akan dibuat oleh kontraktor yang dilantik selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Pada dasarnya kontraktor akan dilantik secara tender terbuka dan kontraktor yang menawarkan harga yang terendah akan dipilih. Pada tahun 2008, seramai lapan kontraktor telah dilantik untuk kerja upah membalak, enam kontraktor kerja Pre-F dan lapan kontraktor kerja persempadanan dan penandaan pokok di lapan kompartmen yang dilesenkan sejak dari tahun 2006 hingga 2008. Semakan Audit terhadap kerja kontrak di empat kompartmen iaitu kompartmen 149, 128, 119 dan 120 Hutan Simpan Kekal (HSK) Balah mendapati semua kontraktor telah dilantik secara terus dan bukan secara tender atau sebut harga. Pelantikan ini dibuat dengan alasan kontraktor yang dilantik secara tender menyulitkan proses pelesenan KPK dan tidak mematuhi arahan pengurusan. Semakan Audit seterusnya mendapati kontraktor yang dilantik juga telah mendatangkan masalah kepada KPK seperti berikut:

- i) Kerja kontrak upah membalak di kompartmen 128 telah bertukar tangan sebanyak empat kali disebabkan kegagalan kontraktor melaksanakan arahan pengurusan. Penukaran ini telah mengakibatkan kenaikan pada kos upah membalak daripada RM270 kepada RM315 sehektar.
- ii) Kontraktor yang mengambil upah membalak di kompartmen 149 pula telah memohon kenaikan harga upah daripada RM260 kepada RM280 sehektar.
- iii) KPK menghadapi masalah penamatkan kontraktor bagi kerja Pre-F di kedua-dua kompartmen ini akibat kegagalan kontraktor mematuhi arahan daripada pihak pengurusan KPK. Ini telah menyebabkan KPK terpaksa melaksanakan sendiri kerja Pre-F.

**Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor secara terus perlu dikaji semula kerana iaanya telah mendatangkan pelbagai masalah kepada pihak pengurusan KPK.**

**I) Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi** - Mengikut syarat kontrak sama ada bagi kerja upah membalak, kerja Pre-F atau kerja tanda sempadan dan tanda pokok menghendaki kontraktor membayar wang jaminan seperti Wang Keselamatan bagi kerja upah membalak berjumlah RM30,000, Bon Pelaksanaan dan Deposit Keselamatan masing-masing 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kerja Pre-F dan kerja tanda sempadan dan tanda pokok sebelum memulakan kerja. Semakan Audit terhadap 10 kontraktor yang terdiri daripada lima kontraktor membuat kerja upah membalak, seorang kontraktor

kerja Pre-F dan empat kontraktor kerja tanda sempadan dan tanda pokok mendapati kesemua kontraktor ini tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Empat kontraktor yang melaksanakan kerja upah membalak tidak membayar Wang Keselamatan masing-masing berjumlah RM0.12 juta.
- ii) Seorang kontraktor kerja upah membalak hanya membayar RM15,000 daripada jumlah Wang Keselamatan yang berjumlah RM30,000.

Maklumat terperinci mengenai wang jaminan tersebut adalah seperti di **Jadual 7.10**.

**Jadual 7.10**  
**Senarai Kompartmen Yang Tidak Dibayar Wang Jaminan**

Bil.	Kompartmen/Luas (Hektar)	Jenis Kerja/Wang Jaminan	Jumlah (RM)
1.	149 HSK Balah/214	Upah Membalak/Wang Keselamatan	30,000
2.	128 HSK Balah/239	Upah Membalak/Wang Keselamatan	15,000
3.	128 HSK Balah/239	Upah Membalak/Wang Keselamatan	30,000
4.	119 HSK Balah/270	Upah Membalak/Wang Keselamatan	30,000
5.	120 HSK Balah/266	Upah Membalak/Wang Keselamatan	30,000
6.	128 HSK Balah/239	Bancian Pre-F/Bon Pelaksanaan	837
7.	149 HSK Balah/214	Tanda Sempadan Dan Tanda Pokok/Deposit Keselamatan	2,654
8.	128 HSK Balah/239	Tanda Sempadan Dan Tanda Pokok/Deposit Keselamatan	2,929
9.	119 HSK Balah/270	Tanda Sempadan Dan Tanda Pokok/Deposit Keselamatan	3,235
10.	120 HSK Balah/266	Tanda Sempadan Dan Tanda Pokok/Deposit Keselamatan	3,991
<b>Jumlah</b>			<b>148,646</b>

Sumber: Fail KPK

Kegagalan kontraktor untuk mematuhi syarat kontrak menyebabkan KPK telah kerugian sejumlah RM15,000 apabila kontraktor yang hanya membayar separuh daripada Wang Keselamatan telah ditamatkan perkhidmatannya. Selain itu, syarat kontrak bagi kerja Pre-F dan kerja tanda sempadan dan tanda pokok juga menghendaki kontraktor menyediakan polisi insurans tanggungan awam dan polisi insurans pampasan pekerja. Adalah didapati empat kontraktor yang menjalankan kerja tanda sempadan dan tanda pokok tidak mengemukakan polisi insurans pekerja masing-masing.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah memastikan wang jaminan dibayar terlebih dahulu sebelum kerja-kerja kontrak dimulakan dan dicadangkan KPK mendapatkan semua wang jaminan yang gagal dibayar oleh kontraktor.**

**m) Kelewatan Menyiapkan Kerja** - Mengikut syarat kontrak kerja pembalakan, kontraktor diberi hak untuk mengeluarkan balak dari kawasan pembalakan bagi tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Semakan Audit terhadap kerja membalak di kompartmen 7, 74, 128, 149 dan 185 HSK Balah mendapati lima kontraktor gagal untuk menyiapkan kerja dalam tempoh lesen masing-masing. Antara kontraktor yang dimaksudkan ialah:

- i) Dua kontraktor yang terlibat dalam pembelian balak di kompartmen 74 dan 185.
- ii) Dua kontraktor yang mengambil upah kerja membalak di kompartmen 149 dan 128.
- iii) Seorang kontraktor yang melaksanakan kerja Pre-F serta kerja tanda pokok dan sempadan di kompartmen 7.

Kelewatan menyiapkan kerja adalah berpunca daripada kegagalan kontraktor untuk memenuhi peraturan perhutanan seperti lewat memohon permit memasuki hutan, mendaftar jentera dan tukul, menyediakan jalan dan memasuki tapak serta masalah cuaca. Kelewatan ini mengakibatkan KPK terpaksa menanggung kos tambahan seperti kos penyambungan lesen, premium dan lain-lain berjumlah RM0.35 juta.

**Pada pendapat Audit, kos tambahan akibat kelewatan menyiapkan kerja sepatutnya dikenakan terhadap kontraktor.**

- n) **Denda Tidak Dikenakan** - Perkara 7 dan 19 syarat kontrak kerja Pre-F serta kerja tanda sempadan dan tanda pokok menetapkan denda sejumlah RM100 akan dikenakan ke atas setiap hari kelewatan menyiapkan kerja. Semakan Audit terhadap kerja Pre-F serta kerja tanda sempadan dan tanda pokok di kompartmen 74, 128, 149, 120 dan 116 mendapati kesemua kontraktor gagal menyiapkan kerja mereka mengikut tempoh kontrak. Sehingga tarikh pengauditan adalah didapati tiada denda dikenakan seperti yang disyaratkan dalam kontrak. Mengikut pengiraan Audit jumlah denda yang patut dikenakan ialah RM85,800.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah menguatkuasakan syarat mengenakan denda terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerja kontrak dalam tempoh yang ditetapkan.**

- o) **Kos Rawatan Hutan Tidak Sepatuanya Dibayar** - Mengikut Perkara 22 syarat perjanjian konsesi, KPK hendaklah sentiasa menanam/menghutan semula sebagai stok tumbuhan kayu balak dalam semua kawasan konsesi yang telah diusahasilkan dengan perbelanjaannya sendiri. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006 sejumlah RM0.38 juta kos rawatan hutan telah dibayar oleh KPK kepada Jabatan Perhutanan Negeri bagi 14 kawasan konsesi yang telah diluluskan di bawah catuan tebangan tahunan tahun 2006/2007. Bayaran ini sepatutnya dikecualikan terhadap KPK memandangkan KPK telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan semula kawasan yang telah diusahasilkan seperti termaktub di Perkara 22 syarat perjanjian konsesi. Adalah didapati kawasan konsesi yang diluluskan sebelum ini tidak dikenakan bayaran tersebut. KPK telah mengadakan perbincangan dan membuat permohonan untuk pengecualian bayaran kos tersebut.

**Pada pendapat Audit, tindakan hendaklah diambil oleh KPK untuk mendapatkan balik bayaran tersebut bagi meringankan bebanan kewangan.**

p) **Pemeriksaan Fizikal Tidak Dijalankan** - Mengikut *Group Manual of Accounting and Policy Procedures*, pemeriksaan fizikal hendaklah dilaksanakan terhadap aset bukan semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tiga tahun. Semakan Audit mendapati KPK tidak menjalankan pemeriksaan tersebut dan ini adalah tidak bertepatan dengan peraturan yang telah ditetapkan. Pemeriksaan ini amat penting untuk memastikan setiap aset yang telah didaftarkan sebenarnya wujud dan berada dalam keadaan baik.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset bukan semasa untuk memastikan kewujudannya dan ketepatan aset yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.**

q) **Daftar Inventori Alat Ganti Tidak Diselenggara** - Mengikut *Group Manual of Accounting and Policy Procedures*, stok atau inventori syarikat KPK terdiri daripada barang atau aset yang dibeli untuk dijual, stor pengguna, bahan mentah atau bahagian yang dibeli untuk pengeluaran produk untuk dijual, produk dan perkhidmatan separuh siap dan barang siap. Lawatan Audit ke stor kilang KPK mendapati sejumlah 183 jenis alat ganti jentera dan mesin disimpan sebagai stok alat ganti dan dikeluarkan daripada stor apabila ianya diperlukan atau untuk diguna.

Alat ganti jentera ini tidak dianggap sebagai inventori sebaliknya diambil kira sebagai perbelanjaan alat ganti dan pembaikan yang dikenakan ke akaun untung dan rugi pada masa ianya dibeli. Semakan Audit mendapati alat ganti ini hanya direkodkan ke dalam bin kad dan tidak ada daftar inventori diselenggarakan. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat menentukan jumlah nilai stok alat ganti berkenaan kerana tidak ada tanda harga direkodkan.

**Pada pendapat Audit, memandangkan alat ganti jentera disimpan sebagai stok ianya lebih tepat sekiranya diambil kira sebagai inventori stor pengguna dan direkodkan sebagai harta semasa dan bukan perbelanjaan hangus.**

r) **Baki Stok Tidak Tepat** - Akaun Untung Dan Rugi KPK menunjukkan baki stok KPK berjumlah RM4.36 juta yang terdiri daripada baki kayu balak berjumlah RM1.61 juta, tapak semaihan berjumlah RM31,453 dan kayu gergaji berjumlah RM2.72 juta. Baki stok yang ditunjukkan tidak tepat kerana kayu yang masih dalam proses untuk dijadikan kayu gergaji atau kayu gergaji yang separuh siap tidak diambil kira.

**Pada pendapat Audit, baki produk separuh siap hendaklah diambil kira sebagai stok untuk memastikan Akaun Untung Dan Rugi serta Lembaran Imbangan syarikat adalah tepat.**

s) **Cadangan Bayaran Bonus Tidak Dikemukakan Kepada Pihak Berkuasa Negeri** - Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menghendaki cadangan bayaran bonus dan asas-asasnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri tidak lebih daripada satu bulan selepas akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

syarikat atau Badan Berkanun berkenaan. Semakan Audit mendapati KPK telah membayar bonus antara satu hingga tiga bulan gaji pada tahun 2005 dan bonus dua bulan gaji pada tahun 2006 dan 2007 melibatkan bayaran masing-masing berjumlah RM0.43 juta, RM0.28 juta dan RM0.27 juta. Bagaimanapun, cadangan bayaran bonus ini tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri sepetimana kehendak Pekeliling berkaitan.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah mengemukakan cadangan bayaran bonus terlebih dahulu kepada Pihak Berkuasa Negeri sepetimana kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.**

#### **7.5.4 Tadbir Urus Korporat**

##### **a) Jawatankuasa Audit Tidak Ditubuhkan**

Perkara 6.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 iaitu garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan bagi syarikat Kerajaan menghendaki syarikat menubuhkan satu Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai ahli tidak melebihi tiga orang. Dua orang daripadanya termasuk pengurus mestilah terdiri dari pengarah bukan eksekutif dan seorang ahli hendaklah terdiri dari orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan dari pengurusan syarikat induk berkenaan atau mana-mana syarikat subsidiari. Manakala seorang ahli lagi mestilah mempunyai pengetahuan dan pengalaman kerja pengauditan dan perakaunan.

Antara tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan sumber kewangan syarikat Kerajaan diurus dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi objektif korporat dan sosial. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk memastikan peruntukan statutori seperti yang diwajibkan oleh Akta Syarikat 1965 sentiasa dipatuhi sepenuhnya dan dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh tiga bulan atau seperti ditetapkan oleh pengerusinya. Semakan Audit mendapati KPK belum menubuhkan Jawatankuasa Audit sebagaimana yang ditetapkan oleh pekeliling berkenaan. Tanggungjawab memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, menyemak rancangan dan laporan Unit Audit Dalam dan Naziran serta tindakan pembetulan syarikat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan. Usul penubuhan Jawatankuasa ini akan dibawa kepada Lembaga Pengarah Syarikat.

**Pada pendapat Audit, KPK hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk memastikan wujudnya pemantauan dan kawalan dalaman yang berkesan terhadap operasi syarikat.**

## **7.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya pengurusan kewangan dan operasi KPK adalah memuaskan. KPK masih lagi dapat mengekalkan keuntungannya walaupun telah mengalami penurunan ekoran peningkatan kos jualan disebabkan kenaikan bahan mentah serta kemelesetan ekonomi global. Kemerosotan keuntungan ini boleh diatasi sekiranya kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki. Adalah disyorkan KPK mengambil langkah berikut bagi mempertingkatkan prestasi syarikat dan pengurusan kewangan:

- a)** Mengkaji semula perniagaan yang merugikan dan memberi fokus kepada aktiviti yang menguntungkan.
- b)** Menjadikan tapak semaiian sebagai salah satu sumber pendapatan tambahan.
- c)** Memohon gantian bagi kawasan yang telah diambil balik oleh Kerajaan.
- d)** Menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus korporat serta akauntabiliti pihak pengurusan.
- e)** Memperbaiki dan mengemaskinikan rekod dan sistem perakaunan.
- f)** Menguatkuasakan syarat kontrak.
- g)** Mematuhi semua peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.



## **BAHAGIAN III**

## **PERKARA AM**

### BAHAGIAN III PERKARA AM

#### 8. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini seperti berikut:

#### 9. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
1.	<b>PEJABAT TANAH DAN GALIAN, PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU DAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN GUA MUSANG: PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB)</b>		
6.2.4(b)	<b>Prestasi pelaksanaan proses kerja pembetulan data SPTB</b> Pembetulan secara Back Door yang dibuat oleh PTG tidak dicatatkan dalam Buku Log pembetulan sebagaimana peraturan yang ditetapkan.	Pada masa ini pembetulan data masih dilaksanakan dengan cara Back Door. Bagaimanapun pemantauan selalu dilakukan oleh Unit ICT PTG dan dua orang kakitangan daripada pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian.	PTG hendaklah mengambil tindakan supaya pembetulan data dapat dibuat melalui sistem.
6.2.4(d)	<b>Kawalan Keselamatan SPTB</b> <b>(i) Kawalan fizikal</b> Bilik kebal di PTJ Kota Bharu telah mengalami kebocoran disebabkan oleh keretakan pada penghubung bilik kebal yang lama dengan bilik kebal baru. Kebocoran ini mengakibatkan berlakunya kelembapan dalam bilik tersebut dan boleh merosakkan dokumen penting seperti dokumen hak milik dan dokumen lain. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan belum ada tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini.  Pemasangan saluran air di bilik kebal di PTJ Kota Bharu adalah tidak sesuai kerana ianya boleh mengakibatkan kelembapan sekiranya berlaku kebocoran pada saluran tersebut.	Pembaikan belum dibuat kerana melibatkan pemberian bangunan.	Tindakan yang segera perlulah diambil.
		Saluran ini masih belum ditukar.	Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
	<p><b>(iii) Kawalan Sistem/ Aplikasi/PC/PC Server/Pangkalan Data</b></p> <p>Data backup SPTB disimpan di dalam peti besi di bilik pendaftaran di bangunan yang sama dan bukannya di bangunan yang berlainan. Keadaan ini boleh terdedah kepada kehilangan/kemusnahan data sekiranya berlaku kebakaran di bangunan pejabat PTG dan PTJ.</p>	PTG masih belum mengambil tindakan menyimpan backup data SPTB di bangunan berasingan.	Belum selesai.
<b>DATA SPTB</b>			
6.2.5(a)	<p><b>Cukai Tanah Kosong</b></p> <p>12 hakmilik tanah daripada 31 sampel Audit mendapati tiada cukai dikenakan pada tanah-tanah tersebut. Mengikut rekod SPHT cukai memang ada dikenakan. Keadaan ini menunjukkan integriti data SPTB boleh dipertikaikan. Perkara ini berlaku disebabkan maklumat SPTB tidak diambil dari SPHT.</p>	PTG telahpun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hakmilik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	Proses ini dilaksanakan secara berterusan Belum selesai.
6.2.5(b)	<p><b>Nama Pegawai Dan Tarikh Tukar Ganti</b></p> <p>Nama pegawai yang bertanggungjawab membuat pemindahan data tidak dimasukkan pada medan yang disediakan dalam SPTB. Ianya boleh menggalakkan pencerobohan maklumat dalam sistem berkenaan. Perkara ini berlaku disebabkan sistem tidak mewajibkan maklumat tersebut dimasukkan dan juga berlaku kecuaian semasa pemindahan data daripada maklumat sedia ada ke SPTB serta tiada pemantauan oleh Pendaftar semasa pemindahan data dibuat.</p>	PTG telahpun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hakmilik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	Proses ini dilaksanakan secara berterusan Belum selesai.
6.2.5(c)	<p><b>Maklumat Keluasan Tanah</b></p> <p>12 hakmilik tanah di PTG dan 16 di PTJ Kota Bharu tiada maklumat berkenaan keluasan tanah. Maklumat dari geran asal tidak dipindahkan sepenuhnya ke SPTB. Perkiraan cukai tanah akan bermasalah dan tidak tepat.</p>	PTG telahpun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hakmilik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh	Proses ini dilaksanakan secara berterusan Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
		Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	
6.2.5(d)	<p><b>Hak Milik</b></p> <p>i) <b>Tiada Tarikh Daftar Hak Milik</b></p> <p>ii) <b>Tiada Nombor Kad Pengenalan</b></p> <p>iii) <b>Tiada Alamat Hak Milik</b></p> <p>Pengurusan data SPTB adalah tidak memuaskan. Ini adalah disebabkan terdapat data yang tidak tepat kerana tiada tarikh daftar hak milik, tiada nombor kad pengenalan dan tiada alamat hak milik.</p>	PTG telah pun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hak milik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	
6.2.5(e)	<p><b>Tiada Kategori Tanah</b></p> <p>Kesilapan semasa membuat pemindahan data tanah dari sistem manual ke SPTB menyebabkan kategori kegunaan tanah tidak nyatakan.</p>	PTG telah pun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hak milik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – Belum selesai.
6.2.5(f)	<p><b>Pajakan</b></p> <p>Perbezaan maklumat pajakan di antara rekod hak milik manual dengan DHDK adalah kerana kesilapan semasa pemindahan data menyebabkan tarikh luput pajakan tidak dimasukkan dalam hak milik SPTB.</p>	PTG telah pun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hak milik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – Belum selesai.
6.2.5(g)	<p><b>Syarat Nyata</b></p> <p>Syarat nyata pada hak milik merupakan satu ketetapan yang membolehkan pemilik tanah melaksanakan aktiviti atas tanah miliknya.</p> <p>Asas cukai dikenakan berdasarkan syarat nyata.</p> <p>Empat hak milik di PTJ Kota Bharu dan 4 di PTJ Gua Musang tidak dinyatakan syarat nyata.</p>	PTG telah pun mengambil tindakan dengan mencetak data SPTB yang terdapat kesilapan dan hak milik berkomputer untuk dikemaskinikan oleh Pegawai Teknikal dan disahkan oleh Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran).	Proses ini dilaksanakan secara berterusan – Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
<b>2. KAJIAN PENGURUSAN ASET YAYASAN KELANTAN DARUL NAIM</b>			
12.2.5	<p><b>Penggunaan Aset</b></p> <p><b>a)Penjanaan Pendapatan</b></p> <p><b>i) Tanah Pertanian/Tanaman Sayuran/Pelbagai/Ekopolancongan</b></p> <p>Pemajak tanah Yakin Tea Sdn. Bhd. telah memecahkan tanah kepada lot kecil dan menyewakan kepada pengusaha sayur lain. Manakala Lojing Highlands Resort Development Sdn. Bhd. gagal membangunkan resort kerana memerlukan modal besar untuk membina jalan ke kawasan berbukit.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bangunan</b></li> </ul> <p>Prestasi pungutan sewaan tidak memuaskan kerana terdapat tunggakan hasil sewaan tahun 2005, 2006 dan 2007 masing-masing berjumlah RM0.4 juta, RM0.39 juta dan RM0.14 juta. Pada tahun 2007 terdapat 14 penyewa yang gagal menjelaskan hutang melebihi tiga bulan yang berjumlah RM69,871.</p>	<p>Tindakan menamatkan perjanjian pajakan melalui mahkamah telah diambil terhadap Yakin Tea. Manakala perbincangan untuk menamatkan perjanjian dengan Lojing Highlands Resort Development Sdn. Bhd. telah diadakan.</p>	Belum selesai.
12.2.6	<p><b>Penyenggaraan Aset</b></p> <p><b>a) Pengurusan Penyenggaraan Bangunan</b></p> <p>Yayasan tidak membuat penyenggaraan secara teratur terhadap aset bangunannya.</p> <p>i)Terdapat kebocoran siling di premis kedai Lot 2, tingkat bawah yang disewa di Bangunan YAKIN di bandar Machang.</p> <p>ii)Terdapat juga tandas yang telah rosak di premis yang disewa di tingkat 3 dan penyewa menggunakannya sebagai tempat buangan sampah.</p> <p>iii)Terdapat sampah dan barang terpakai diletakkan di tangga dan di premis yang tidak digunakan premis bangunan YAKIN di Machang.</p> <p>iv)Penyenggaraan dua buah bangunan di Kaherah, Mesir dibuat berdasarkan permintaan daripada Jawatankuasa Keluarga Pelajar-Pelajar Kelantan Mesir.</p>	<p>Masih tidak berubah.</p>	Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
<b>3. KAJIAN AUDIT PROJEK USAHA SAMA PEMBANGUNAN BANDAR BARU TANAH MERAH</b>			
18.2.4	<p><b>Pelaksanaan Projek Usaha Sama</b>  Projek pembinaan dimulakan pada 8 Nov. 2005 dan tarikh siap pada 7 Mei 2008. Berdasarkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh pemaju pada <b>2 April 2008</b> mendapati pelaksanaan projek tidak mencapai tahap kemajuan sebagaimana yang telah dirancang. Mengikut perancangan awal, kemajuan kerja keseluruhannya sepertutnya telah mencapai tahap 97.5% pada 2 April 2008. Namun kemajuan pelaksanaan sebenar hanyalah 73.9% sahaja.</p>	<p>Sehingga akhir Mac 2009 kemajuan kerja pembinaan belum lagi siap sepenuhnya.</p> <p>Tahap kemajuan kerja bagi keseluruhan projek adalah 88.7%.</p>	Belum selesai.
18.2.5	<p><b>Komponen Projek Usaha Sama</b>  Kelewatan Pembinaan Komponen Projek Usaha Sama secara terperinci berdasarkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Projek pada <b>2 April 2008</b> adalah seperti berikut:</p> <p>a) Perniagaan  i) Kedai Pejabat 2 Tingkat  Mengandungi 63 unit.  <b>Kelulusan lanjutan masa : 8 Mei 2008 hingga 30 September 2008 kecuali 15 unit kuota bukan bumiputera dilanjutkan sehingga 7 Mei 2009.</b></p> <p>ii) Kedai Pejabat 3 Tingkat  Mengandungi 15 unit kedai pejabat 20'x80'. Sebanyak 11 unit daripadanya milik Majlis. Siap kerja sebenar hanya 59.3% daripada sepertutnya 100%.</p> <p><b>Kelulusan lanjutan masa : 8 Mei 2008 hingga 30 September 2008.</b></p> <p>b) Perumahan  Terdiri daripada 53 unit rumah teres dua tingkat. Kemajuan kerja keseluruhan hanyalah 12.2% sahaja daripada sepertutnya 100% siap.</p> <p><b>Kelulusan lanjutan masa : 8 Mei 2008 hingga 7 Mei 2009.</b></p>	Tahap kemajuan kerja 82.8%. Lanjutan masa bagi pembinaan 48 unit kedai pejabat dua tingkat kuota bumiputera disambung daripada 1 Oktober sehingga 31 Disember 2008. Bagaimanapun, sehingga kini kerja belum siap sepenuhnya. Sambungan kerja dari 1 Januari 2009 hingga kini belum diluluskan MDTM.	Belum selesai.
		Tahap kemajuan kerja hingga kini 89.8%. Kedudukan lanjutan masa seperti perenggan 18.2.5 di atas.	Belum selesai.
		Tahap kemajuan kerja hingga kini hanyalah 12.3% sahaja.	Belum selesai.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2009	Ulasan Audit
	<p><b>c) Kuarters Gantian Kakitangan Kerajaan</b>            Terdiri daripada 18 unit kuarters kakitangan Kerajaan (16 unit jenis <i>cluster</i> dan dua unit Semi D). Status kemajuan kerja keseluruhan pada tahap 84.6% daripada sepatutnya 100% siap. Semakan di kuarters/tapak kuarters mendapat:</p>	<p>Tahap kemajuan kerja hingga kini 88.3%.</p> <p>Lanjutan masa disambung daripada 1 Oktober sehingga 31 Disember 2008. Bagaimanapun sehingga kini kerja belum siap sepenuhnya. Sambungan kerja dari 1 Januari 2009 hingga kini belum diluluskan oleh MDTM.</p>	Belum selesai.
	<p><b>i) Status Kemajuan Kerja</b>            Sepatuutnya siap 100% tetapi siap sebenar adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua unit Semi D - 89.7%</li> <li>16 unit jenis <i>cluster</i> - 83.3%</li> </ul> <p>(Catatan: Klaus 4.02.2 perenggan (iii) kepada Perjanjian Usahasama menetapkan bahawa pemaju hendaklah menyiapkan kesemua kuarters terlebih dahulu daripada menjalankan kerja pembinaan di tapak projek Bandar Baru Tanah Merah. Bagaimanapun pada 2 April 2008 pembinaan kuarters hanya mencapai tahap 84.6% daripada 100% patut siap. Kuarters sepatutnya disiapkan pada 29 Januari 2008.</p>		

## 10. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 20 November 2008.

## 11. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 belum dibentang di Dewan Undangan Negeri. Sepanjang tahun 2008, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak lima kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006. Selain itu, Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua-Ketua Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan taklimat selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agenis Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 11.1**.

**Jadual 11.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri**  
**Sepanjang Tahun 2008**

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agenzi
30 Julai 2008	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2008</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas pengurusan Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan.</li> <li>ii. Mengadakan perbincangan dan pemilihan perenggan-perenggan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006.</li> </ul>	
21 Ogos 2008	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2008</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Skop Pengurusan Kewangan, Majlis Daerah Ketereh.</li> </ul>	Majlis Daerah Ketereh
22 September 2008	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2008</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas Skop Pengurusan Kewangan Majlis Daerah Ketereh.</li> <li>ii. Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Skop Pengurusan Kewangan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai.</li> </ul>	Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai
13 November 2008	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2008</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai.</li> <li>ii. Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Projek Usahasama Majlis Daerah Tumpat.</li> </ul>	Majlis Daerah Tumpat
17 Disember 2008	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2008</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meneliti dan membincangkan dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan terhadap Pengurusan Kewangan Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai dan Projek Usahasama Majlis Daerah Tumpat.</li> <li>ii. Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Skop Pengurusan Projek Ladang Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.</li> </ul>	Jabatan Perhutanan Kelantan



## PENUTUP

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah antaranya kurang latihan diberi kepada pegawai terlibat dan tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperolehi keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA  
Putrajaya**

**21 Julai 2009**